

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
2019

**HARI RABU : 24 APRIL 2019**

**NO SOALAN: 1**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L**  
**A.ACHYUTHAN NAIR**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan sosioekonomi kaum India yang telah di pindah keluar dari estet-estet dan dilihat ketinggalan dengan arus ekonomi kini apabila dibandingkan dengan kaum-kaum lain.

## NO SOALAN: 1

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan bukan sahaja memberi tumpuan kepada masyarakat India yang telah berpindah keluar dari estet tetapi juga melihat isu pembangunan sosioekonomi masyarakat India ini secara keseluruhan dan holistik.

Ini bermakna bukan sahaja masyarakat India yang berada atau berpindah keluar dari estet diberi fokus khusus tetapi juga masyarakat India yang terpinggir akan dibantu sebaik mungkin dalam usaha Kerajaan menaikkan taraf sosioekonomi masyarakat India.

Dalam hal ini, Kerajaan melalui MITRA telah merangka program-program khas untuk masyarakat India khususnya anak-anak muda dan golongan B40 bagi pembangunan sosioekonomi masyarakat India. Antaranya termasuklah program-program latihan khas dalam bidang *oil and gas*, automatif, mekatronik dan pembangunan kerjaya yang melibatkan pelbagai bidang ekonomi, teknologi maklumat, perhotelan serta lain-lain.

Di samping itu, MITRA juga akan memberi tumpuan kepada bidang pendidikan kumpulan B40 bermula dari program prasekolah sehingga program pembangunan kemahiran. MITRA turut akan bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan lain dalam usaha meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat India dan ini termasuklah memperkenalkan program-program memperkasa wanita dan ibu tunggal, menggalakkan pemilikan rumah serta program keusahawanan.

## **NO SOALAN: 1**

Langkah-langkah yang diambil oleh MITRA dapat dilihat dari 2 perseptif iaitu faedah jangka pendek (iaitu peserta-peserta mendapat penempatan kerja) dan faedah jangka panjang (di mana Kerajaan berharap agar pembangunan sosioekonomi masyarakat India secara keseluruhannya dapat ditingkatkan).

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 2**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI**  
**MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kedudukan dan fungsi Majlis Industri Pertahanan Negara yang telah diwujudkan sebelum ini.

## NO SOALAN: 2

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Industri Pertahanan Malaysia (MIPM) telah ditubuhkan pada tahun 1999 dan kini ian dikenali sebagai Majlis Industri Pertahanan, Penguatkuasaan dan Keselamatan Malaysia (MIDES) sejak tahun 2010. Tujuan MIDES ditubuhkan adalah untuk melahir serta menjadikan industri pertahanan tempatan berdikari dan berdaya saing selari dengan kehendak Dasar Pertahanan Negara (DPN).

Sehubungan dengan itu, bagi mencapai objektif keupayaan pertahanan yang berdaya saing, MIDES bertindak sebagai penyalur informasi terkini berhubung dengan pembangunan industri serta maklumat berkaitan program pembangunan industri dan pemindahan teknologi kepada syarikat-syarikat berkeelayakan.

Selain daripada itu, MIDES juga menyediakan *platform* antara kementerian dan syarikat tempatan bagi membincangkan isu-isu berkaitan industri pertahanan. MIDES telah mengadakan Mesyuarat Tahunan MIDES Bil 1/2018 pada 11 Disember 2018 yang dipengerusikan oleh Menteri Pertahanan dan turut melibatkan pengurusan tertinggi kementerian, agensi serta pemain industri tempatan.

Bagi tahun 2019, MIDES telah melaksanakan beberapa program seperti menjadi urus setia dalam *Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition 2019 (LIMA'19)*, urus setia kepada Perwira Dialog ke-

## **NO SOALAN: 2**

2 Kertas Putih Pertahanan dan menganjurkan satu sesi interaktif mengenai Kertas Putih Pertahanan dan Industri Pertahanan yang dihadiri oleh lebih 200 pemain industri tempatan dan antarabangsa.

Pada masa ini terdapat sebanyak 168 buah syarikat pertahanan tempatan bagi kategori Industri Pertahanan Utama (IPU) dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang menjadi ahli kepada MIDES. Bagi menjamin status, kemampuan serta kualiti syarikat yang berdaftar sebagai ahli MIDES, setiap permohonan untuk menjadi ahli akan diaudit keupayaannya dengan menggunakan Sistem SCORE yang dibangunkan oleh SME Corp. Hanya syarikat yang berjaya mendapat penarafan 3 bintang ke atas akan diterima menjadi ahli MIDES.

**NO SOALAN: 3**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' DR. ANANTHAN A/L**  
**SOMASUNDARAM**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian Kesihatan Malaysia bercadang untuk mewujudkan satu Sistem Pangkalan Data Kesihatan Bersepadu untuk menyimpan rekod-rekod kesihatan lampau di hospital serta klinik kerajaan dan swasta untuk mengenal pasti sejarah kesihatan seseorang pesakit.

## NO SOALAN: 3

### JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia telah mewujudkan suatu Sistem Pangkalan Data Kesihatan Bersepadu, dikenali sebagai *Malaysia Health Information Exchange* atau **MyHIX** ringkasnya.

MyHIX akan berintegrasi dengan sistem maklumat pesakit fasiliti dan melaluinya, rekod-rekod kesihatan lampau pesakit boleh dirujuk melalui indeks sistem pangkalan data bersepadu tersebut. Justeru, rekod-rekod lampau pesakit dapat dikongsi dan dicapai oleh pengamal perubatan hospital apabila perlu.

Sehingga kini, pelaksanaan MyHIX dilaksanakan secara berperingkat di hospital dan klinik Kerajaan sahaja, melibatkan sembilan (9) Hospital Kerajaan dan sebuah (1) Klinik Kesihatan, sementara pelaksanaan di hospital dan klinik swasta pula sedang diteliti.

Kementerian Kesihatan Malaysia akan memperluaskan integrasi ini kepada hospital dan klinik Kerajaan sepenuhnya, dan seterusnya kepada hospital dan klinik swasta secara berperingkat, melalui inisiatif pelaksanaan Electronic Medical Record (EMR) bagi mewujudkan Pangkalan Data Kesihatan Bersepadu yang lengkap.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 4**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN KHAIRUL AZWAN HARUN  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Tuan Khairul Azwan Harun** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah tujuan dan justifikasi Kerajaan memotong elaun bulanan sara hidup peneroka FELCRA, Changkat Lada Perak daripada RM1000 kepada RM450 dan adakah terdapat bantuan lain sebagai ganti kepada pemotongan tersebut.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat projek FELCRA Berhad Changkat Lada, Perak, adalah merupakan sebuah projek pembangunan bersepadu di mana FELCRA merupakan lead agency. Projek ini berkeluasan kira-kira 14,000 hektar yang mengandungi tiga komponen pembangunan utama, iaitu estet sawit, estet padi dan kawasan penempatan yang boleh menampung seramai 1,031 peserta. Setiap peserta telah dianugerahkan pegangan tanah seluas 3 ekar padi dan 3 ekar sawit. Dimaklumkan bahawa kesemua peserta-peserta di sini menerima agihan keuntungan bulanan daripada hasil pendapatan sawit dan padi.
2. Selepas era tanam semula sawit pada tahun 2013, peserta- peserta telah dibiayai sebanyak RM700 sebulan berdasarkan unjuran tahunan pendapatan ladang. Kadar ini kemudiannya dinaikkan kepada RM1,000 sebulan bermula tahun 2015 hingga 2018 berdasarkan purata harga komoditi yang baik pada ketika itu.
3. Untuk makluman Yang Berhormat, pada pertengahan tahun 2018, industri sawit telah mengalami kejatuhan harga. Sekiranya kaedah bayaran secara unjuran diteruskan seperti mana sebelum ini, akaun peserta projek ini akan mengalami defisit. Hal ini kerana jumlah yang dibayar berdasarkan unjuran adalah lebih tinggi daripada hasil sebenar.

## NO SOALAN: 4

4. Keadaan ini telah mula dikesan pada bulan September 2018 lagi, di mana penyata untung rugi projek peserta telah menunjukkan defisit sebanyak RM4 juta. Sehingga 31 Disember 2018, defisit dalam akaun peserta adalah sebanyak RM4.8 juta dan perlu dibayar balik melalui keuntungan akan datang.
5. Berdasarkan senario penurunan ini, FELCRA telah menyemak semula kaedah bayaran unjuran ini dan mengubahnya kepada pengiraan pendapatan dan perbelanjaan (P&L) untung rugi projek yang sebenar bermula bulan Januari 2019. Langkah ini bagi mengelakkan peserta berhutang dan perlu membayar balik kepada FELCRA pada masa hadapan.
6. Berdasarkan penyata untung rugi projek ini, bagi bulan Januari 2019, lebihan yang boleh diagihkan kepada 1,031 peserta adalah berjumlah RM466,000 atau RM451 bagi setiap peserta.
7. Pengurusan FELCRA telah memberikan komitmen yang tinggi di dalam peningkatan hasil ladang FELCRA Changkat Lada telah merekodkan pencapaian sebanyak 29 metrik tan per hektar pada tahun 2018 dan momentum dijangka berkekalan pada tahun 2019.
8. Selain itu, FELCRA turut melaksanakan Program Pembangunan Keusahawanan bertujuan menambah pendapatan peserta, menerusi program-program seperti berikut:
  - i. Projek Khas ternakan dan penghasilan lebah dan madu kelulut

## NO SOALAN: 4

yang dilaksanakan oleh Perkumpulan Wanita Dinamis FELCRA (WADIRA) Seberang Perak;

- ii. Pembinaan Pusat Pengumpulan dan Pemasaran Produk Usahawan Peserta yang dikendalikan oleh Persatuan Belia Seberang Perak;
  - iii. Program Pengembangan Keusahawanan yang disertai oleh 30 usahawan di dalam bidang seperti pemprosesan makanan, perkhidmatan dan pembuatan; dan
  - iv. Program Pelancongan Desa yang diselaraskan oleh Unit Pembangunan Peserta FELCRA Seberang Perak.
9. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, boleh saya simpulkan FELCRA akan terus melaksanakan program-program pembangunan di FELCRA Changkat Lada merangkumi tiga aspek utama iaitu pembangunan perladangan sawit dan padi sebagai sumber ekonomi teras; pembangunan keusahawanan sebagai sumber ekonomi sokongan; dan pembangunan kemasyarakatan demi manfaat warga peserta.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 5**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK HAJI HUSAM BIN MUSA**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Haji Husam Bin Musa** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha untuk membeli atau memajak bangunan hotel di Mekah dan Madinah secara jangka panjang berbanding sewaan tahunan atau dwi tahunan dengan tujuan mengurangkan kos penempatan jemaah haji Malaysia.

## NO SOALAN: 5

### JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini, Lembaga Tabung Haji (**TH**) menyewa bangunan-bangunan penginapan di Makkah dan Madinah untuk jemaah haji Muassasah semasa musim haji sahaja.

Di Makkah, bangunan penginapan jemaah haji Muassasah adalah kurang daripada 1,000 meter dari perkarangan Masjidil Haram manakala di Madinah jarak bangunan hotel adalah kurang daripada 500 meter dari Masjidil Nabawi.

Peraturan Kerajaan Arab Saudi tidak membenarkan sebarang pembelian hartanah di Makkah dan Madinah oleh bukan warganegara Arab Saudi.

Tabung Haji memang merancang untuk menyewa bangunan penginapan untuk musim haji secara jangka panjang.

Setakat ini, kebanyakan keperluan Tabung Haji adalah dalam lingkungan tiga (3) hingga lima (5) tahun memandangkan pemilik bangunan tidak berminat untuk mengadakan perjanjian yang lebih panjang bagi musim haji sahaja.

Antara faktor yang diambilkira dalam cadangan penyewaan bangunan penginapan bagi keperluan jemaah haji Muassasah untuk tempoh jangka panjang adalah :

## **NO SOALAN: 5**

- Jarak kurang daripada 1,000 meter dari perkarangan Masjidil Haram di Makkah, dan kurang daripada 500 meter dari Masjidil Nabawi di Madinah;
- Harga sewaan ditawarkan adalah kompetitif;
- Bangunan yang dilengkapi dengan kemudahan fasiliti untuk kebajikan jemaah;
- Penyelenggaraan yang baik untuk tempoh penyewaan; dan
- Lokasi dan akses yang sesuai seperti berhampiran lingkaran jalan utama.

Sekian. Terima kasih.

**NO SOALAN: 6**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATIN RAHIMAH BINTI HAJI  
MAHAMAD  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datin Rahimah Binti Haji Mahamad** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah kemalangan maut di tempat kerja bagi tahun 2018 sehingga Mac 2019 mengikut sektor pekerjaan dan apakah dapatan analisis dan tindakan yang paling berkesan mengurangkan kemalangan maut di tempat kerja.

## NO SOALAN: 6

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan data *provisional* tahun 2018, daripada 14.85 juta pekerja di Malaysia, seramai 611 orang pekerja maut akibat kemalangan pekerjaan, turun 14% berbanding 711 orang pada tahun 2017.
2. Sektor pekerjaan yang mencatat jumlah kemalangan tertinggi ialah:
  - i. Pembinaan( 166 orang atau 27.2 % )
  - ii. Pembuatan / Pengilangan( 131 orang atau 21.4 % )
  - iii. Kewangan, Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan ( 114 orang atau 18.7 % )

Untuk makluman, data kemalangan pekerjaan negara bagi Januari hingga Mac 2019 masih dalam proses kemas kini dan analisis.

3. Tindakan yang paling berkesan bagi mengurangkan kemalangan maut di tempat kerja ialah:
  - i. Penetapan Standard keselamatan dan\_ kesihatan pekerjaan (KKP) dari semasa ke semasa agar sentiasa relevan dengan risiko di tempat kerja, contohnya:
    - Pindaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994; antaranya bagi memperjelaskan tanggungjawab

## NO SOALAN: 6

majikan, pekerja dan orang yang kompeten serta meningkatkan kadar penalti maksimum.

- Gubalan / Pindaan pelbagai Peraturan di bawah AKKP seperti Peraturan Pendedahan Bising bagi mengganti dan menambahbaikkan Peraturan sedia ada.
  - Kemas kini dan gubalan pelbagai Garis panduan seperti *Guidelines of Occupational Safety and Health in Construction Industry (Management) 2017* (OSHCIM) antara lain bertujuan menggariskan tanggungjawab pemunya, pereka bentuk dan pembina di semua peringkat pembinaan hingga ke peringkat perobohan.
- ii. Intervensi KKP yang berterusan melalui audit, pemeriksaan, pemantauan dan\_ siasatan aduan merangkumi semua sektor pekerjaan. Pada tahun 2018, sebanyak 296,975 aktiviti pemeriksaan dan pencegahan kemalangan serta penyakit pekerjaan telah dijalankan.
- iii. Penguatkuasaan KKP yang tegas melalui siasatan kemalangan dan tindakan punitif. Sebanyak 70,676 tindakan punitif telah dikenakan termasuk pendakwaan (penalti berjumlah RM3.7 juta), kompaun (berjumlah RM1.4 juta), notis dan surat arahan, pada tahun 2018.

## **NO SOALAN: 6**

iv. Promosi dan latihan KKP bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman majikan dan pekerja berkenaan perundangan dan amalan KKP yang terbaik di tempat kerja. Pada tahun 2018, 6,355 aktiviti promosi KKP telah dijalankan, antaranya:

- Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
- Hari Keselamatan dan \_ Kesihatan Pekerjaan Sedunia
- Anugerah Cemerlang KKP
- Program OSH Compliance Support dan Outreach
- Seminar, ceramah, dialog, temubual media dan pameran KPP

**NO SOALAN: 7**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN HAJAH RAHEMAH BINTI IDRIS**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Puan Hajah Rahemah Binti Idris** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah pendekatan dan inisiatif-inisiatif baru yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian dalam membantu usahawan IKS mengembangkan perniagaan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Kementerian komited untuk memudah cara dan menyediakan ekosistem keusahawanan yang kondusif dan inklusif kepada semua PKS dalam mengembangkan perniagaan.
2. Antara pendekatan dan inisiatif-inisiatif baru yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian untuk membantu PKS adalah:-

**i. Program Malaysia Halal Expo (MHE)**

Ekspo Halal Malaysia 2019 anjuran MED merupakan platform terbaik dan strategik kepada usahawan industri halal meneroka potensi dalam perniagaan ke negara Jepun terutamanya penglibatan usahawan dan PKS negara di dalam *Olympic Games 2020*. Program ini telah berjaya menarik 271 pempamer dan lebih 10,000 orang pengunjung dengan potensi jualan sebanyak RM135.04 juta. Ia tercapai melalui 223 sesi padanan perniagaan oleh 144 pempamer bersama syarikat *anchor* daripada Jepun dan pasaraya besar tempatan. Ekspo ini juga tidak terhad kepada pasaran Jepun sahaja namun membuka ruang kepada semua pempamer untuk memperluaskan perniagaan mereka ke pasaran tempatan melalui kaedah *Business to Business (B2B)* dan *Business to Client (B2C)*. Program ini merupakan inisiatif baru MED untuk

## **NO SOALAN: 7**

mempertingkatkan pasaran eksport produk dan perkhidmatan PKS ke luar negara.

### **ii. Program Seminar Pasaran Saham (SPS)**

SPS merupakan program yang menyediakan akses kepada platform pembiayaan alternatif menerusi penyenaraian awam di Pasaran *Leading Entrepreneurs Accelerator Platform* (LEAP) dan Pasaran *Access, Certainty, Efficiency* (ACE). MED dengan kerjasama Bursa Malaysia telah menganjurkan program ini di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Terengganu. Ia akan diteruskan di Johor, Sabah dan Sarawak. Seramai 392 orang peserta melibatkan 304 buah syarikat telah menyertai ketiga-tiga siri program ini. Daripada jumlah tersebut, 15 buah syarikat telah menunjukkan minat untuk disenaraikan di Bursa Malaysia Berhad.

### **iii. Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI)**

SDSI merupakan program yang menghimpunkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti dari seluruh negeri melibatkan empat (4) kluster iaitu makanan dan minuman, rumah inap, kraftangan serta produk kesihatan dan penjagaan diri. Mulai 23 Februari 2019, program ini telah dipindahkan dari Unit Penyelarasan Perlaksanaan (ICU) ke MED dan antara pembaharuan program selepas pemindahan tersebut adalah seperti berikut:-

## NO SOALAN: 7

- a) SDSI dilaksanakan mengikut zon dan satu program di peringkat nasional;
- b) SDSI kali ini juga melibatkan penyertaan koperasi, agropreneur, *mobilepreneur*, *malaysian kitchen* dan *social entrepreneur* dan selebriti atau *celebpreneur*;
- c) memperluaskan elemen perniagaan SDSI berdasarkan kepada pemasaran atas talian melalui sesi perkongsian ilmu oleh pembekal perkhidmatan seperti Shopee dan Grab; dan
- d) melaksanakan urusaniaga tanpa menggunakan tunai (*cashless payment transaction*)

Sehingga kini, program SDSI telah diadakan di Perak, Terengganu serta akan diteruskan di Melaka, Sabah dan Sarawak serta Kuala Lumpur untuk peringkat nasional.

#### iv. ***Karnival Halal Usahawan Malaysia (MEHC 2019)***

MEHC 2019 bertujuan untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan halal dari usahawan Malaysia di Sarajevo, Bosnia and Herzegovina. Sebanyak 34 buah syarikat PKS di bawah bimbingan SME Corp., TEKUN Nasional, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan ahli Persatuan Pengilang dan Industri Perkhidmatan Bumiputera (PPIPBM) menyertai karnival ini. MEHC 2019 di Sarajevo merupakan batu loncatan untuk meneroka pasaran baru di negara-negara Balkan dan seterusnya menembusi pasaran Eropah.

## NO SOALAN: 7

v. **Program Pemangkin Usahawan Sosial Hebat (PUSH)**

Program PUSH dilaksanakan mulai 2017 oleh MaGIC. Ia bertujuan mengembangkan perniagaan usahawan-usahawan kecil menerusi peluang perniagaan francais dan meningkatkan kesan sosial positif. Program PUSH ini turut dilaksanakan kepada masyarakat bandar yang akan membantu meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat khususnya B40. Pada tahun 2019 sebanyak RM300,000.00 diperuntukkan untuk pelaksanaan program ini.

vi. **Program Going-Export (HIP 4)**

Program *Going-Export (HIP 4)* atau *GoEx* merupakan salah satu Program Berimpak Tinggi di bawah Pelan Induk PKS (2012-2020) dengan kerjasama MATRADE bagi meningkatkan kapasiti dan keupayaan PKS untuk menembusi pasaran eksport. Sebanyak RM5 juta diperuntukkan bagi tahun 2019 untuk melaksanakan program ini bertujuan memasarkan produk PKS ke peringkat antarabangsa. Program ini telah memanfaatkan 287 PKS dengan potensi jualan bernilai lebih RM504 juta. Sebanyak 90 penerokaan pasaran (*market immersion*) telah dijalankan melibatkan 40 negara baru berjaya diterokai.

3. TEKUN Nasional dan SME Bank turut menyediakan inisiatif berbentuk dana dan program dari peringkat *start-up* sehingga ke peringkat antarabangsa (*export-ready*). Sehingga kini, SME Bank telah meluluskan pembiayaan sebanyak RM30 bilion kepada 16,752 usahawan dengan purata kelulusan adalah RM2.6 bilion setahun.

## **NO SOALAN: 7**

4. Untuk tahun 2019, TEKUN Nasional mensasarkan untuk membantu seramai 25,000 orang usahawan dengan nilai pembiayaan berjumlah RM350 juta. TEKUN juga telah melaksanakan program untuk memperkasakan produk usahawan terutamanya dalam aspek pembangunan produk, pembungkusan dan pelabelan bagi memastikan produk-produk usahawan yang berpotensi dapat diketengah dan dipasarkan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 8**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' CHAI KIM SEN  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Dato' Chai Kim Sen** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan siapakah anggota bukan kerajaan (NGO) yang turut serta dalam Majlis Tindakan Sara Hidup Negara bagi memastikan agar pandangan setiap lapisan masyarakat didengari oleh Kerajaan di samping penyertaan Kementerian dan "Council of Eminent Persons" (CEP).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Antara anggota bukan kerajaan (NGO) yang turut serta dalam Majlis Tindakan Sara Hidup Negara adalah seperti berikut:

- (i) Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS);
- (ii) Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA);
- (iii) Yayasan Pesara Kerajaan Malaysia (YPKM);
- (iv) Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAPS);
- (v) Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA); dan
- (vi) Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM)

Majlis turut menjemput pelbagai NGO yang lain dari semasa ke semasa untuk menyertai perbincangan serta membentangkan kertas cadangan berdasarkan isu-isu tertentu serta keperluan mesyuarat.

**NO SOALAN: 9**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Paul Igai** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan memandangkan kejayaan kedua-dua Institut Kanser Negara (IKN) di Putrajaya dan di Hospital Sultan Ismail, Johor, adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan IKN di Sarawak dan Sabah bagi rawatan pesakit kanser tempatan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan telah menyediakan Pusat Rawatan Kanser di Negeri Sabah dan Sarawak bagi memberikan perkhidmatan rawatan kanser kepada pesakit-pesakit di negeri tersebut. Pusat ini terdapat di Hospital Wanita dan Kanak-kanak Sabah, Likas dan Hospital Umum Sarawak, Kuching. Selain itu, perkhidmatan rawatan kemoterapi untuk pesakit kanser juga ada disediakan di hospital-hospital KKM di Negeri Sabah iaitu di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu; Hospital Tawau, dan Hospital Duchess of Kent, Sandakan, manakala di Negeri Sarawak terdapat di Hospital Sibul, Hospital Miri, Hospital Kapit dan Hospital Sarikei.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 10**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI KHAIRUDIN SAMAD**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Dato' Sri Khairudin Samad** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah pihak Kementerian telah mengadakan pemantauan mengenai kewujudan syarikat-syarikat "scammer" yang melakukan penipuan jawatan kosong terhadap para pemohon kerja dengan menawarkan gaji yang terlalu lumayan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada 1 Feb 2018 Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Pindaan (Akta 246) telah dikuatkuasakan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK). Pindaan Rang Undang-Undang tersebut bertujuan untuk menambah baik berkaitan pengurusan Agensi Pekerjaan Swasta (APS) agar selaras dengan keperluan semasa\_terutamanya mengawal selia semua aktiviti yang dijalankan oleh sesebuah agensi pekerjaan swasta dalam mengendalikan urusan merekrut dan menempatkan para pencari kerja dalam pekerjaan termasuk mana-mana pihak iaitu mana-mana orang, syarikat, institusi, agensi atau pertubuhan yang bertindak sebagai PENGANTARA bagi maksud mendapatkan pekerjaan atau membekalkan seseorang kepada majikan.

2. Aktiviti-aktiviti recruitment diwajibkan mempunyai lesen APS termasuk mengiklankan kekosongan jawatan supaya sebarang iklan berkaitan kekosongan jawatan mengandungi fakta yang betul dan boleh disahkan, tidak keterlaluan, palsu, mengelirukan atau memperdayakan. Mana-mana APS yang di dapati memperdaya mana-mana pencari kerja dengan memberi maklumat palsu adalah melakukan kesalahan di bawah seksyen 28(b), Akta 246 dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

3. JTK juga menjalankan lawatan-lawatan promosi ke tempat pekerjaan, kaunter khidmat rakyat, dialog industri dan dialog tripartite yang bertujuan

## NO SOALAN: 10

memupuk kesedaran dan tanggungjawab majikan dan kesedaran warga pekerja atau pencari kerja agar tidak tertipu dengan tawaran-tawaran peluang pekerjaan yang tidak sah. JTK juga bekerjasama dengan APS-APS yang berlesen dengan jabatan untuk mengemukakan sebarang maklumat mengenai aktiviti penipuan pengrekrutan pekerja oleh mana-mana pihak kepada jabatan untuk tindakan siasatan lanjut oleh JTK.

4. Mana-mana\_ individu, syarikat atau APS yang didapati memperdaya atau melakukan penipuan yang boleh ditakrifkan di bawah elemen-elemen pemerdagangan orang adalah melakukan kesalahan. Tindakan siasatan boleh diambil di bawah Akta Antipermerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670) sekiranya terdapat kes yang melibatkan elemen pemerdagangan. JTK juga masa sekarang memberi fokus kepada tindakan penguatkuasaan di bawah akta-akta perburuhan termasuk penguatkuasaan di bawah Akta 246 melalui pemeriksaan berkanun ke atas APS, individu, pertubuhan atau syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti agensi pekerjaan tanpa lesen. Daripada tahun 2014 sehingga 2018, sebanyak 52 kes aktiviti APS telah didakwa atas pelbagai kesalahan di bawah Akta 246 ini termasuk pengiklanan palsu.

5. Bagi kes penipuan pekerjaan untuk bekerja ke luar negara yang menjadi mangsa sindiket penipuan pekerjaan, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTK Sarawak) dan Jabatan Tenaga Kerja Sabah (JTK Sabah) komited dalam usaha untuk membendung isu penipuan peluang pekerjaan di luar negara oleh agensi pekerjaan yang tidak bertanggungjawab dengan sentiasa mengingatkan kepada orang ramai khususnya para pencari kerja agar tidak mudah terpedaya dengan apa-apa iklan peluang pekerjaan yang

## **NO SOALAN: 10**

ditawarkan di luar negara melalui peringatan di pintu keluar Lapangan Terbang agar warganegara perlu membuat semakan terlebih dahulu dengan pihak jabatan ataupun bekerja keluar negara melalui APS yang berlesen sahaja.

6. JTK Sarawak telah mengambil inisiatif dengan mengadakan sesi engagement dengan syarikat-syarikat akhbar tempatan supaya mereka terlebih dahulu menyemak dengan JTK Sarawak jika ada iklan-iklan jawatan kosong atau peluang pekerjaan yang meragukan sebelum iklan berkenaan disiarkan di akhbar masing-masing. Semua syarikat akhbar menyambut baik saranan tersebut dan akur bahawa langkah ini merupakan tanggungjawab sosial mereka kepada rakyat tempatan supaya rakyat tempatan di Sarawak tidak tertipu di masa hadapan. Dalam hal ini, peringatan tersebut disampaikan melalui ceramah kerjaya bakal pencari kerja yang dianjurkan di sekolah dan institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta termasuklah hebahan melalui stesen radio tempatan serta dialog dengan APS yang dilesenkan oleh jabatan.

7. Isu penipuan pengiklanan palsu kebiasaannya melibatkan agen-agen di negara ini, di mana agen-agen ini memberi gambaran palsu kepada pencari kerja dengan menawarkan gaji yang tinggi dengan pelbagai kemudahan. Bagi kes syarikat-syarikat atau pihak yang tiada lesen APS = aduan oleh orang awam atau oleh APS yang berlesen boleh dikemukakan ke mana-mana pejabat cawangan JIK yang berhampiran untuk siasatan lanjut dijalankan. Sekiranya terbukti kesalahan tersebut dilakukan oleh APS maka tindakan pendakwaan atau pembatalan lesen boleh diambil terhadap APS berkenaan.

## **NO SOALAN: 10**

8. Berdasarkan perkembangan teknologi tanpa sempadan terdapat pengiklanan kekosongan dilakukan oleh individu, syarikat, institusi, agensi atau pertubuhan luar secara media atas talian. Jabatan percaya bahawa tawaran gaji yang lumayan yang ditawarkan dalam kadar mata wang asing menjadi salah satu faktor yang menyumbang ke arah minat pencari kerja tempatan untuk memohon \_ pekerjaan\_ tersebut. Aktiviti tersebut sepatutnya mempunyai lesen yang sah untuk menjalankan aktiviti berkenaan tetapi dari aspek penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan oleh kerana pihak berkenaan menjalankan operasi di luar negara. Oleh yang demikian, pencari-pencari kerja warganegara juga adalah dinasihatkan untuk hadir ke Pejabat- Pejabat Tenaga Kerja (PTK) yang berdekatan bagi mendapatkan pengesahan dan khidmat nasihat berkenaan peluang pekerjaan yang ditawarkan di luar negara serta bekerja diluar negara melalui perkhidmatan APS berdaftar dan mempunyai lesen yang sah sahaja.

**NO SOALAN: 11**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Puan Raj Munni binti Sabu** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan bagaimanakah pertukaran Maktab Kerjasama Malaysia kepada Institut Koperasi Malaysia boleh membantu memperkasakan kewujudan lebih kurang 14,094 buah koperasi yang sedia ada.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Selaras dengan penjenamaan semula Maktab Koperasi Malaysia (MKM) kepada Institut Koperasi Malaysia (IKM) mulai 20 Mac 2019, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) dan IKM telah merangka pelbagai inisiatif bagi meningkatkan daya saing koperasi seperti berikut:
  - a) Mempelbagaikan kaedah latihan iaitu tidak lagi fokus kepada teori semata-mata tetapi lebih kepada praktikal dan penyelesaian masalah. Mod latihan dan pendidikan seperti *experiential learning*, inkubator, intervensi dan *on site training* telah dimasukkan dalam silibus kursus bidang keberhasilan;
  - b) Memperkenalkan 3 program iaitu Diploma Pengurusan Koperasi, Diploma Keusahawanan dan Diploma Pengurusan Pentadbiran iaitu program jangka panjang di bawah Kolej iCOOP untuk melahirkan graduan yang ampuh dan berdaya kepemimpinan. IKM juga akan menambah program yang lebih berorientasikan pasaran semasa di masa akan datang;
  - c) IKM juga menggandakan usaha untuk melaksanakan kerjasama dengan agensi strategik yang lain melalui pengukuhan jaringan industri, agensi kerajaan dan koperasi di mana IKM bertindak sebagai fasilitator ataupun pemudah cara. Untuk tahun 2019, IKM telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan agensi-

## NO SOALAN: 11

agensi berikut untuk memberi latihan keusahawanan dan menggalakkan penubuhan koperasi dalam kalangan belia dan individu iaitu:

i) TEKUN Nasional:

IKM selaku pemberi latihan kepada usahawan yang menerima dana TEKUN;

ii) SME Corporation Malaysia :

IKM menyediakan inkubator khas dan latihan kepada usahawan di bawah SME Corporation Malaysia; dan

iii) INSKEN

IKM menyediakan inkubator khas/latihan kepada usahawan di bawah INSKEN. Contoh program *start-up*, *scale-up* dan *high performing*.

d) SKM merancang untuk membangunkan sebanyak 16,000 koperasi menjelang 2020. Dari 2011 hingga 2018, IKM telah melatih seramai 116,800 orang anggota lembaga koperasi. Keperluan latihan yang sejajar dengan perkembangan semasa sektor koperasi perlu diberi perhatian serius bagi memastikan sektor koperasi mampu beroperasi dengan berkesan dan sentiasa berada di tahap yang kompetitif. IKM memberikan sepenuh komitmen untuk menjayakan hasrat MED dan SKM dalam pembangunan modal insan koperasi dan seterusnya merealisasikan hasrat Kerajaan untuk menjadikan sektor koperasi sebagai sektor ekonomi ketiga terbesar di Malaysia pada masa hadapan.

## NO SOALAN: 11

Tuan yang Dipertua,

2. Selaras dengan inisiatif-inisiatif tersebut, IKM menyasarkan *outcome* seperti berikut:
  - i. meningkatkan keupayaan koperasi dengan peningkatan pendapatan ahli hasil daripada latihan yang diberikan oleh IKM. Secara tidak langsung, ia akan dapat meningkatkan sumbangan koperasi kepada KDNK Negara dengan sasaran RM55 bilion menjelang 2020;
  - ii. meningkatkan taraf sosio ekonomi kumpulan sasar khususnya B40 dan seterusnya meningkatkan peluang pekerjaan dengan peningkatan bilangan usahawan; dan
  - iii. mempersiapkan Malaysia ke arah negara maju melalui pendidikan yang berkualiti sejajar dengan *National Entrepreneurship Framework* (NEF) yang dirangka oleh MED.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' FAHARIYAH BINTI HJ MD**  
**NORDIN**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Dato' Fahariyah Binti Hj Md Nordin** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan rujukan sahih yang diiktiraf oleh Bank Dunia bagi petunjuk prestasi Ekonomi Malaysia 2018 dan unjuran bagi tahun 2019.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, amalan yang biasa diguna pakai oleh pelbagai agensi antarabangsa, termasuk Bank Dunia, dalam menilai prestasi ekonomi sesebuah negara adalah dengan merujuk kepada data dan indikator rasmi yang diterbitkan oleh jabatan statistik negara tersebut. Semasa membuat penilaian tersebut, agensi antarabangsa juga akan merujuk kepada indikator lain yang diterbitkan oleh agensi antarabangsa lain bagi tujuan perbandingan dengan negara lain, terutamanya indikator daya saing seperti Global Competitiveness Report oleh World Economic Forum dan Doing Business Report oleh Bank Dunia.
2. Oleh itu, dalam hal ini, Bank Dunia, sama seperti agensi antarabangsa yang lain, sentiasa mengambil kira data dan indikator rasmi yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) serta sumber pentadbiran lain dalam menilai prestasi ekonomi Malaysia. Dalam mengira pertumbuhan ekonomi, DOSM mengguna pakai kaedah pengumpulan data dan pengiraan Keluaran Dalam Negeri Kasar menggunakan metodologi standard berdasarkan System of National Accounts yang dikeluarkan United Nations dan diguna pakai oleh semua negara termasuk Malaysia. Selain itu, agensi antarabangsa seperti Bank Dunia juga akan mengambil kira prestasi dan perkembangan ekonomi rakan dagangan utama Malaysia melalui

## NO SOALAN: 12

jabatan statistik rasmi negara berkaitan dalam menilai prestasi ekonomi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Unjuran ekonomi merupakan anggaran atau jangkaan kedudukan ekonomi pada masa hadapan berdasarkan data dan maklumat sedia ada serta andaian yang diguna pakai semasa menyediakan unjuran tersebut. Dalam hal ini, walaupun setiap agensi antarabangsa akan menggunakan data dan maklumat sedia ada yang sama, andaian yang diguna pakai selalunya berbeza, seperti andaian kesan pengganda ekonomi atau andaian pertumbuhan ekonomi rakan dagangan utama. Oleh itu, kebanyakan agensi ini akan mempunyai unjuran yang sedikit berbeza tetapi akan berada sekitar julat yang sama. Sebagai contoh, unjuran ekonomi Malaysia bagi tahun 2019 oleh Moody's Investor Service adalah sebanyak 4.4%, sementara unjuran daripada Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia masing-masing adalah sebanyak 4.7% dan 4.5%.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, unjuran rasmi ekonomi Malaysia bagi jangka pendek disediakan oleh dua pihak. Pertama, Kementerian Kewangan yang menerbitkan Laporan Tinjauan Ekonomi Tahunan pada setiap suku keempat tahun sebelumnya. Kedua, unjuran oleh Bank Negara Malaysia yang diterbitkan dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia pada setiap suku pertama tahun semasa. Unjuran rasmi ini adalah bertujuan memberi panduan kepada masyarakat pelabur terhadap hala tuju ekonomi di masa hadapan.

## NO SOALAN: 12

Tuan Yang di-Pertua,

5. Bagi tahun 2019, Kerajaan mensasarkan pertumbuhan ekonomi pada kadar 4.3% hingga 4.8%, disokong oleh permintaan domestik terutamanya penggunaan swasta (6.6%) dan pelaburan swasta (4.9%). Jangkaan ini turut disokong dengan keyakinan agensi penarafan kredit antarabangsa seperti Fitch Ratings yang mengesahkan pengekal kredit Kerajaan Malaysia pada tahap A- dengan tinjauan yang stabil pada masa hadapan. Di samping itu, pelbagai agensi antarabangsa seperti Bank Dunia dan IMF serta agensi penarafan kredit seperti Fitch Ratings dan Moody's juga turut menjangkakan pertumbuhan ekonomi Malaysia berkembang pada kadar antara 4.3% hingga 4.7%. Unjuran ini adalah selaras dengan perkembangan ekonomi global dan serantau.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 13**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' ONG CHONG SWEN  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Dato' Ong Chong Swen** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kerajaan akan mula memberi maklumat dan amaran kepada pelancong yang masuk agar mereka tahu dan sensitif terhadap norma masyarakat di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha untuk memperkenalkan budaya timur dan norma-norma masyarakat Malaysia kepada pelancong-pelancong antarabangsa agar mereka sensitif dan menghormati budaya yang diamalkan di negara ini, Kementerian ini melalui Tourism Malaysia telah menerbitkan risalah seperti “Malaysia Travel Guide” dalam pelbagai bahasa sebagai panduan dan rujukan kepada para pelancong terutama mereka yang ingin berinteraksi dengan masyarakat tempatan supaya mereka lebih prihatin terhadap sensitiviti masyarakat tempatan yang berbilang kaum, bangsa dan agama. Risalah-risalah ini telah diterbitkan sejak lebih daripada 10 tahun yang lalu dan dikemas kini dari semasa ke semasa mengikut keperluan terkini. Antara perkara yang diberi perhatian adalah mengenai aspek etika sosial seperti berikut:-

1. Pengenalan kepada masyarakat tempatan dan sensitiviti, seperti cara memberi salam kepada golongan berusia dan kenamaan dengan gelaran, berpakaian, pantang larang kaum, tingkah laku ketika melawat rumah-rumah ibadah, inap desa dan cara yang terbaik untuk berinteraksi dengan masyarakat tempatan;
2. Cara berkelakuan di khalayak ramai di mana kelakuan kurang sopan tidak digalakkan;
3. Pemakaian yang bersesuaian di majlis-majlis rasmi dan perayaan keagamaan; dan

## **NO SOALAN: 13**

4. Panduan-panduan lain seperti keperluan menanggalkan kasut sebelum masuk ke rumah orang tempatan, cara-cara menghormati perayaan tempatan dan bersalaman dengan cara timur.

Risalah-risalah ini telah diedarkan ke serata dunia dan boleh diakses daripada laman sesawang TM iaitu <http://ebrochures.malaysia.travel>.

Kementerian ini bersama institusi latihan pelancongan berdaftar juga telah mengadakan kursus kebudayaan kepada bakal pemandu pelancong supaya mereka mempelajari dan menghayati kebudayaan Malaysia yang pelbagai serta mampu menyampaikan dan memperkenalkan budaya tersebut dengan baik kepada pelancong asing.

Selain itu, Kementerian turut memperkenalkan budaya Malaysia kepada pelancong asing melalui program-program homestay dan kempen budi bahasa termasuk dalam penganjuran aktiviti seni, budaya dan kraf mengikut keunikan negeri masing-masing. Selain dari menonjolkan budaya yang pelbagai, rakyat Malaysia juga boleh mengambil kesempatan mempelajari budaya pelancong asing yang datang melawat Malaysia supaya kita lebih mudah untuk berkongsi aspek kebudayaan negara ini dengan mereka.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 14**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK MUSTAPA KAMAL BIN**  
**MOHD YUSOFF**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Mustapa Kamal Bin Mohd Yusoff** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah keseluruhan aset yang dimiliki oleh Tabung Haji dan adakah terdapat sebarang aset Tabung Haji yang telah dijual semenjak Mei 2018. Jika ada, apakah aset yang dijual berserta nilai jualannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan Penyata Kewangan pada 31 Disember 2017 yang telah diaudit, jumlah nilai aset yang dimiliki Tabung haji adalah RM70.3 bilion, berbanding nilai liabiliti, terdiri daripada jumlah deposit dan tanggungan, sebanyak RM74.4 bilion.

Selaras dengan Pelan Pemulihan dan Penstrukturan Lembaga Tabung Haji, aset-aset yang memberi pulangan rendah dan mengalami kejatuhan nilai telah dipindahkan pada nilai RM19.9 bilion bagi menutup jurang diantara aset dan liabiliti yang dialami Tabung Haji.

Aset-aset yang dipindahkan terdiri daripada 29 harta tanah, 1 syarikat tidak tersenarai dan 106 sekuriti ekuiti domestik, dimana:

- 18 hartanah tidak mempunyai sebarang pendapatan, terutamanya tanah kosong.
- 10 pegangan sekuriti equiti domestik yang mengalami kerugian tertinggi mempunyai kerugian berjumlah hampir RM4.6 bilion.

Kedudukan kewangan pada hujung 2018 yang belum diaudit kini menunjukkan Lembaga Tabung Haji memiliki aset berjumlah RM76.5 bilion berbanding jumlah deposit dan tanggungan sebanyak RM75.5 bilion sebelum bayaran hibah 2018 dibuat.

## **NO SOALAN: 14**

Kedudukan kewangan Lembaga Tabung Haji kini bertambah baik, dimana nilai aset melebihi nilai liabiliti, membolehkan Hibah diisytihar mengikut Akta Tabung Haji 1995.

Untuk memastikan ketelusan yang berterusan, pengumuman mengenai prestasi dan kedudukan kewangan Lembaga Tabung Haji akan dibuat pada setiap 3 bulan bermula suku pertama tahun 2019.

Sekian. Terima kasih.

**NO SOALAN: 15**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK SAMBANTHAN A/L**  
**MANICKAM**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Sambanthan A/L Manickam** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah belia kaum India yang telah menyertai pasukan Unit Beruniform seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai karier mereka bagi tahun 2018 hingga sekarang.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Daripada statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) jumlah belia kaum India yang telah menyertai pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai karier mereka dari tahun 2018 hingga sekarang (Mac 2019) adalah seramai 159 orang terdiri daripada 133 orang lelaki dan 26 orang wanita.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 16**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK SR. HAJI HANAFI BIN HAJI**  
**MAMAT**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah yang telah dilakukan oleh Kementerian dalam mengembang potensi buluh sebagai salah satu tanaman komoditi yang baharu dan unjuran jangkaan pendapatan per hektar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Buluh dilihat sebagai sumber tanaman komoditi yang berpotensi kerana tempoh penanaman dan penuaian hasil yang lebih singkat iaitu tiga tahun. Di samping itu, pertumbuhan buluh akan berterusan sepanjang tahun dengan tunas-tunas baharu akan sentiasa tumbuh selepas ditanam.

Dalam menggalakkan industri buluh terus berkembang, pihak Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) melalui anak syarikatnya iaitu *Forest Plantation Development Sdn. Bhd.* (FPDSB) di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) menyediakan bantuan pinjaman mudah (*soft loan*) dengan tempoh bayaran balik selama 15 tahun kepada pengusaha yang berminat melaksanakan perladangan buluh. Jumlah pinjaman adalah RM10,000 per hektar dengan kadar faedah 0.5 peratus bagi skala kecil dan 3.0 peratus bagi skala besar. Lima (5) spesis buluh yang diluluskan di bawah PPLH ialah Buluh Betung, Buluh Semantan, Buluh Beting, Buluh Beti dan Buluh Hitam.

Sehingga kini, seramai 2,219 orang individu dan usahawan telah dilatih melalui seminar dan bengkel berkaitan perusahaan perladangan, pengawetan dan pemprosesan buluh di peringkat tempatan dan antarabangsa. Selain itu, MTIB turut menganjurkan Hari Buluh Sedunia pada 18 September setiap tahun sejak tahun 2012. Pada tahun 2018, penganjuran Hari Buluh Sedunia di Kuala Lumpur *Convention Centre* (KLCC) berjaya menarik seramai 19,082 orang pengunjung.

## **NO SOALAN: 16**

Produk-produk berasaskan buluh seperti bakul, kayu penyepit (*chopstick*), pencungkil gigi, lidi sate, layang-layang hanya berada di peringkat tradisi sebelum ini. Namun, dengan peredaran masa, pihak industri didapati lebih kreatif kerana mula menggunakan buluh di dalam pembuatan perabot dan infrastruktur bangunan. Beberapa infrastruktur dan bangunan ikonik berasaskan buluh telah dibina dengan kerjasama awam dan swasta.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD  
SALLEH  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Puan Nuridah binti Mohd Salleh** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kerajaan ada bercadang untuk mengurangkan yuran pengajian bagi pelajar-pelajar B40 agar isu mahasiswa ikat perut dapat ditangani.

## NO SOALAN: 17

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan membiayai hampir 90 peratus daripada kos pendidikan di universiti awam (UA). Sebagai contoh kos pengajian bidang perubatan di Universiti Malaya yang perlu dibayar oleh pelajar adalah berjumlah RM10,768.00 sahaja berbanding kos sebenar berjumlah RM451,929.00. Selain itu, pendidikan tinggi di Malaysia juga hampir percuma dengan penyediaan kemudahan pembiayaan kewangan kepada pelajar seperti Basiswa, pinjaman PTPTN, dan juga pemberian bantuan kewangan kepada pelajar pengajian asasi di UA.

Bagi menangani perkara isu pelajar-pelajar di bawah kategori B40, pihak UA mengambil inisiatif dengan menyediakan kemudahan pembiayaan melalui tabung endowmen dan wakaf seperti Skim Tabung Endowmen Bantuan Pelajar (STEBP) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Basiswa Endowmen Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Tabung Amanah Endowmen Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan beberapa program lain yang dapat meringankan beban kewangan dan membantu pelajar-pelajar ini.

Selain daripada subsidi yuran pengajian pelajar, pelbagai inisiatif lain yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama institusi antaranya program Skim Zakat dan Bantuan Kebajikan Pelajar, HEP *Food Coupon*, *Food Pantry* di Kolej/Fakulti/Persatuan, HEP *Emergency Cash*, *Central Kitchen*, *UM Campus Foodbank* dan *FSSS Food*

## **NO SOALAN: 17**

*Pantry* yang dilaksanakan di Universiti Malaya (UM). Kerjasama bantuan mahasiswa juga merentas Kementerian di mana Program *Foodbank* Malaysia yang diadakan hasil kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 22 Disember 2018 bagi membantu meringankan beban golongan yang memerlukan termasuklah pelajar IPT.

Selain pelbagai bantuan yang diberikan kepada pelajar, program meningkatkan pendapatan seperti Peluang Perniagaan di UMT; *Job On Campus* di UTM; bantuan sara hidup kepada mahasiswa B40 dari Yayasan Tunku Abdul Rahman dan bantuan kewangan pembiayaan yuran kursus kepada mahasiswa B40 daripada Lembaga Amanah Kolej Islam Malaysia di UIAM dan CIMB *Foundation Be SMART Programme* di UKM; program bantuan Tabung Sadaqah dan bantuan Tabung Infaq di UniSZA; skim Mahasiswa Bekerja dan bantuan Tabung Kebajikan Mahasiswa di UPSI; bantuan Sara Diri dan bantuan Yuran Pengajian di UMP dan sebagainya juga turut diperkenalkan bagi memastikan pelajar IPT dapat berdikari dan diharapkan dapat membantu mengurangkan beban pelajar di IPT.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini KPM belum bercadang untuk menyemak semula yuran akademik di Politeknik dan Kolej Komuniti kerana kadar yuran pengajian semasa adalah sebanyak RM200.00 untuk satu semester (sekitar RM1.33 sehari) dan ianya merupakan antara kadar yuran pengajian yang terendah di negara kita. Kadar ini dianggap

## **NO SOALAN: 17**

amat munasabah dan tidak membebankan pelajar untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Selain itu, semua pelajar peringkat diploma Politeknik dan Kolej Komuniti diberi kemudahan pinjaman pembiayaan semasa pengajian daripada Tabung Pendidikan Tinggi Negara. Dalam masa yang sama, pelajar juga terbuka untuk memohon bagi mendapatkan kemudahan biasiswa dan tajaan daripada beberapa agensi awam dan swasta seperti majlis dan lembaga zakat negeri-negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam, MARA, yayasan-yayasan negeri dan pihak swasta dan Kerajaan Negeri.

Selain itu, Politeknik dan Kolej Komuniti sentiasa memberi perhatian kepada aspek kebajikan pelajar terutamanya isu kos sara hidup dan pelajar yang kurang berkemampuan. Justeru, untuk membantu pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan terutama daripada segi kos sara hidup dan bantuan makanan, pelbagai inisiatif telah diambil oleh pihak pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti. Ini termasuk memberi bantuan kewangan melalui Tabung Kebajikan Pelajar, bantuan pelajar dari golongan B40, mengadakan program pemberian makanan secara percuma, memberi kupon makanan dan sumbangan zakat kepada pelajar yang kurang berkemampuan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 18**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD**  
**YUSOFF**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan inisiatif Kerajaan untuk memastikan Malaysia diiktiraf oleh badan-badan dan sarjana-sarjana antarabangsa sebagai negara yang mengamalkan Demokrasi sepenuhnya bagi menambah nilai tarikan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Secara amnya, antara petunjuk utama yang diamati oleh sarjana dan badan-badan antarabangsa dalam menilai keberkesanan amalan demokrasi di Malaysia adalah peristiwa peralihan kuasa ekoran keputusan Pilihanraya Umum ke-14 (PRU14) pada Mei tahun lalu.

3. PRU14 telah membuka laluan untuk peralihan kuasa secara aman dan teratur daripada Barisan Nasional (BN) kepada gagasan Pakatan Harapan (PH). Peristiwa bersejarah dan penuh bermakna itu telah menyerlahkan status Malaysia sebagai negara atau politik matang yang mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi berparlimen.

4. Sejak mengambil alih tampuk pemerintahan negara, Kerajaan PH giat berusaha untuk memulih dan memantapkan lagi pelaksanaan dan amalan prinsip-prinsip asas demokrasi yang terjejas dan terhakis teruk di bawah pemerintahan terdahulu.

Tuan Yang di-Pertua,

## NO SOALAN: 18

5. Dalam konteks bidang tugas Kementerian Luar Negeri, perkara-perkara utama yang perlu dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan adalah seperti yang terkandung dalam Manifesto Pakatan Harapan, khususnya di bawah Janji 60. Namun demikian, mendapatkan pengiktirafan positif terhadap Malaysia di peringkat antarabangsa merupakan usaha yang perlu dilaksanakan secara kolektif oleh semua pihak, bukan sahaja kerajaan.

6. Selaras dengan kenyataan *foreign policy begins at home*, dengan izin, ingin saya tekankan bahawa sebarang usaha untuk memperbaiki imej atau profail Malaysia di peringkat antarabangsa tidak akan berhasil sekiranya tiada perubahan atau penambahbaikan berlaku di dalam negara kita sendiri.

7. Dalam konteks ini, perlu ada kesedaran bahawa dalam sesetengah perkara, contohnya isu hak asasi manusia, tadbir urus baik dan *rule of law* antara lainnya, Malaysia sedikit terkebelakang. Sekiranya kita benar-benar serius untuk mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi, kerajaan berpandangan bahawa perlu ada anjakan paradigma di segenap lapisan masyarakat, disertakan dengan hasrat dan usaha untuk meletakkan Malaysia di kedudukan yang lebih baik di kaca mata dunia.

8. Namun demikian, bagi pihak kerajaan, perkara asas yang lebih utama daripada pengiktirafan dunia luar adalah keselamatan, kesejahteraan, keharmonian dan kemakmuran semua rakyat Malaysia.

9. Oleh sebab itu, kerajaan akan terus memberi keutamaan untuk menyelesaikan isu-isu yang membelenggu rakyat pada masa ini, dan

## **NO SOALAN: 18**

sentiasa berusaha untuk membentuk masa depan yang lebih baik untuk anak cucu kita semua.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DR. YAAKOB BIN SAPARI  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Dr. Yaakob bin Sapari** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Manifesto Pakatan Harapan dalam pilihan raya yang lalu telah dilaksanakan dan senaraikan program-program tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, prestasi pencapaian Manifesto Pakatan Harapan untuk tempoh sehingga 31 Mac 2019 bagi **10 teras dan iltizam** untuk “Membina Negara dan Memenuhi Harapan” diukur melalui status kemajuan **464 inisiatif** yang merupakan dasar dan tindakan spesifik yang dinyatakan dalam setiap janji.

Secara khusus sebanyak **60 Janji** dirangka berdasarkan **5 teras utama** dan **47 Janji** dinyatakan di bawah **5 iltizam khusus** yang melibatkan tempoh pelaksanaan satu sehingga lima tahun.

Antara program-program yang telah ditunaikan adalah seperti berikut:

- (i) Menghapuskan GST dan menggantikannya dengan SST;
- (ii) Penubuhan Majlis Perumahan Mampu Milik Negara;
- (iii) Menurunkan bilangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri kepada tiga orang sahaja;
- (iv) Menurunkan peruntukan Jabatan Perdana Menteri daripada lebih RM17 bilion kepada RM7.39 bilion;
- (v) Mengurangkan bilangan agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan cara memindahkan seberapa banyak agensi yang mungkin ke kementerian yang berkaitan;
- (vi) Jawatan Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara dikhaskan kepada Ahli Parlimen daripada parti pembangkang; dan

## **NO SOALAN: 19**

- (vii) Pelantikan Ketua Pengarah JAKOA telah dilantik dari kalangan masyarakat orang asli sendiri.

Kerajaan akan terus komited melaksanakan janji yang terkandung dalam Buku Harapan. Dalam pada masa yang sama, Kerajaan Pakatan Harapan akur bahawa dalam memastikan janji-janji yang dibuat dapat dilaksanakan secara teratur dan mengikut undang-undang, kajian serta perancangan yang teliti perlu dibuat sekali gus memerlukan tempoh masa yang bersesuaian untuk mencapai objektifnya.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 20**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ZAIEDI SUHAILI  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Tuan Zaiedi Suhaili** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menjadikan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) menjadi sebuah universiti awam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang menjalankan fungsinya sepertimana universiti awam sedia ada dan berpandukan Akta Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006 [Akta 653]. ASWARA menawarkan program pengajian dari peringkat asasi, diploma, ijazah sarjana muda dengan kepujian sehingga ke peringkat pasca siswazah dan sehingga kini, 28 program pengajian di ASWARA telah memperoleh perakuan akreditasi dari Agensi Kelayakan Malaysia.

Perancangan untuk menjadikan ASWARA sebagai sebuah universiti awam masih dalam pertimbangan dan perancangan menyeluruh. Walau bagaimanapun, ASWARA dengan sokongan padu daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya ini sedang giat melaksanakan usaha-usaha pemantapan jenama ASWARA sebagai institusi seni yang ulung.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Lim Pay Hen** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) adakah prestasi Menteri dan Timbalan Menteri selepas 10 bulan di kabinet dari segi kecekapan dan kemajuan tanggungjawab menteri-menteri ini memenuhi Pengukuran dan Pemantauan Indikator Prestasi YB Menteri (MPI) yang telah ditetapkan serta diwujudkan selepas 28 November 2018; dan
- (b) adakah Kerajaan akan memaparkan prestasi MPI untuk pengetahuan umum setelah memuktamadkan laporan prestasi Menteri dan Timbalan Menteri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MAMPU telah membangunkan mekanisma Pengukuran dan Pemantauan Indikator Prestasi YB Menteri-Menteri atau dikenali sebagai Minister's Performance Indicator (MPI) bermula pada 16 September 2018. Ia telah dibentangkan dan mendapat persetujuan dasar YAB Perdana Menteri pada 28 November 2018.
2. Pelaksanaan dan pemantauan terhadap MPI telah ditetapkan bermula pada Januari 2019. MPI membolehkan YAB Perdana Menteri memantau secara objektif prestasi semua anggota Jemaah Menteri dan pada masa yang sama, YB Menteri juga boleh mengetahui prestasi masing-masing. Hasil penilaian MPI 2019 akan dikemukakan melalui Performance Review secara Forum one-to-one di antara YAB Perdana Menteri bersama-sama YB Menteri-Menteri bertujuan mengenalpasti usaha-usaha yang boleh diambil bagi penambahbaikan.
3. MPI adalah mekanisma dalaman Kerajaan bagi membolehkan YAB Perdana dan Ahli Jemaah Menteri menilai secara objektif dan sistematik prestasi mereka terutamanya dalam menerajui Kementerian masing-masing mencapai sasaran-sasaran yang telah ditetapkan, sekaligus secara kolektif mencapai sasaran-sasaran nasional dalam memakmurkan negara dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Justeru, pada masa ini tiada keperluan untuk ia didedahkan kepada umum.

**NO SOALAN: 21**

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK DONALD PETER MOJUNTIN  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Donald Peter Mojuntin** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah rancangan untuk meletakkan dua (2) batalion polis di ESSZONE untuk memperkukuhkan lagi keselamatan sempadan di Pantai Timur Sabah akan dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bengkel Pengukuhan Perjawatan telah diadakan di Briged Tenggara, Pasukan Gerakan Am, Kuantan, Pahang pada 15 - 18 Januari 2018. Kertas Kerja mengenai Cadangan Penubuhan Batalion 21 Kunak telah pun disiapkan dengan implikasi kewangan berjumlah RM35,392,392.56.

Lokasi tapak yang dicadangkan adalah di Daerah Kunak, tanah milik Sime Darby Plantation dengan keluasan 250 ekar. Proses permohonan pengambilan tanah masih lagi dalam tindakan Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Tanah dan Ukur Sabah dengan implikasi kewangan berjumlah RM326.165 juta.

Walau bagaimanapun , akibat kekangan sumber manusia yang dihadapi PDRM, cadangan penubuhan Batalion 21 Kunak ini tertangguh di mana terdapat 604 perjawatan UPPS di bawah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri Dan Ketenteraman Awam digunakan oleh Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) yang dirancang untuk dipindah butiran bagi menampung perwujudan batalion ini.

Justeru itu, pihak PDRM dalam fasa terakhir untuk menghantar kertas kerja tersebut dengan memohon PERJAWATAN BAHARU bagi merealisasikan penubuhan batalion ini dan memastikan keselamatan dan kedaulatan negeri Sabah terus terjamin.

## **NO SOALAN: 22**

Bagi cadangan Penubuhan Batalion 22 Kudat pula, kertas kerja permohonan tersebut akan dilaksanakan pada Ogos 2019 selepas lawatan tapak dilakukan.

Lokasi tapak yang dicadangkan adalah di tanah milik PDRM CL 055325847 dengan keluasan 104 ekar dengan implikasi kewangan berjumlah RM326.165 juta di mana terdapat satu Kompeni *Charlie* dari Batalion 16 Kota Kinabalu bagi mengawal *Zon Alpha Esszone* meliputi Pantai Barat Sabah.

**NO SOALAN: 23**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Tuan Adrian Banie Lasimbang** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berdasarkan keadaan ekonomi Negara sekarang, berapakah masa yang diperlukan sebelum Kerajaan mengkaji royalti minyak dan pembahagian fiskal cukai untuk Sabah dan Sarawak seperti yang terkandung dalam MA 63 Manifesto Pakatan Harapan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator,

Semenjak daripada 17 Disember 2018 sehingga sekarang, Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 telah bersidang beberapa kali. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan telah memulakan perbincangan masing-masing bagi meneliti senarai isu-isu yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak selaras dengan rangka tuntutan di bawah Perjanjian Malaysia 1963.

Untuk makluman dewan yang mulia ini, isu-isu yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak adalah terdiri daripada pelbagai perkara seperti **kewangan, ekonomi, kerja raya, perkhidmatan awam, sumber manusia** serta terdapat juga isu-isu yang melibatkan **Kuasa Baki Perundangan** atau dengan izin, **“Residual Powers of Legislation”** seperti yang diperuntukkan di bawah **Perkara 77, Perlembagaan Persekutuan**. Isu-isu ini masih lagi dalam proses penelitian dan semakan oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan yang mana turut dianggotai oleh agensi-agensi pusat di peringkat Persekutuan, wakil-wakil agensi Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak serta pakar-pakar yang terdiri daripada ahli akademik turut sama sama terlibat dalam mesyuarat-mesyuarat yang telah diadakan.

## **NO SOALAN: 23**

Jawatankuasa Khas Kabinet masih mempunyai tempoh sehingga bulan Jun 2019 untuk meneliti perkara-perkara yang diketengahkan dan mempertimbangkan cadangan-cadangan yang dikemukakan hasil dari rundingan semua pihak berkepentingan. Satu Laporan terperinci akan disediakan berhubung dengan hasil semakan yang telah dibuat beserta dengan cadangan hala tuju untuk diangkat kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ISMAIL BIN YUSOP  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Tuan Ismail bin Yusop** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perkembangan kewangan Tabung Harapan Malaysia serta nyatakan secara terperinci pengaliran kewangan yang telah digunakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, baki akhir setakat 14 Januari 2019 iaitu tarikh akhir penerimaan sumbangan ke dalam Tabung Harapan Malaysia (THM) adalah sebanyak RM202,716,775.10.

Untuk makluman Yang Berhormat juga,

Sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Arahan Amanah THM, semua hasil derma dan sumbangan yang diterima akan digunakan untuk pembayaran hutang Kerajaan Persekutuan dan pembayaran balik yang dibenarkan bagi tujuan akaun amanah ini sahaja dan sehingga kini masih belum ada sebarang pengeluaran dana THM dibuat bagi tujuan tersebut.

Selaras dengan peraturan dan perundangan semasa yang berkuat kuasa agar THM ditadbir secara teratur, telus dan berintegriti, Jabatan Audit Negara telah selesai melaksanakan pengauditan terhadap akaun amanah ini pada 12 hingga 15 Mac 2019 yang lalu. Walau bagaimapapun, laporan pengauditan masih belum diterima daripada pihak JAN. Sebarang penggunaan dana THM hanya dapat dimaklumkan setelah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Akaun Amanah THM yang bertanggungjawab dalam pengurusan THM iaitu selepas laporan pengauditan diterima.

**NO SOALAN: 25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN LIM HUI YING  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Puan Lim Hui Ying** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan Kementerian untuk meningkatkan status sosioekonomi wanita di luar bandar terutamanya dalam kalangan wanita Orang Asli.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha meningkatkan sosioekonomi Orang Asli, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah mengambil beberapa langkah pemerkasaan wanita Orang Asli dengan memberikan peluang dan bantuan yang wajar kepada golongan ini. Berdasarkan rekod JAKOA di bawah RMKe-11 dari tahun 2016 – 2018, jumlah penerima bantuan bimbingan usahawan Orang Asli dari kalangan wanita adalah seramai 92 orang berbanding 133 orang lelaki Orang Asli, iaitu bersamaan 41 peratus daripada jumlah penerima bantuan usahawan. Jumlah peratus ini adalah satu pencapaian yang dilihat boleh meningkatkan tahap sosioekonomi wanita Orang Asli.

Rancangan JAKOA untuk meningkatkan status sosioekonomi wanita Orang Asli adalah berdasarkan usaha-usaha seperti berikut:

1. Meneruskan program pemberian bantuan bimbingan usahawan kepada wanita Orang Asli dan akan cuba meningkatkan peratusan penerima bantuan kepada usahawan wanita Orang Asli berdasarkan syarat pemberian bantuan;
2. Meneruskan usaha memperkenalkan produk usahawan wanita Orang Asli melalui pemasaran produk mereka dalam karnival-karnival usahawan anjuran JAKOA dan agensi lain;

## NO SOALAN: 25

3. Meningkatkan penganjuran aktiviti yang berkaitan dengan Program Eko-Pelancongan di perkampungan masyarakat Orang Asli. Dalam pelaksanaan program ini, wanita Orang Asli akan turut terlibat melalui pewujudan peluang pekerjaan dan peluang keterlibatan hasil daripada program;
4. Membina dan menaik taraf Pusat Latihan Paya Bungor, Kuantan Pahang, iaitu pusat latihan JAKOA yang menyediakan latihan dan kursus jahitan kepada masyarakat Orang Asli terutamanya wanita. Melalui projek menaik taraf pusat latihan ini, lebih ramai usahawan wanita dalam bidang jahitan akan dapat dilahirkan melalui program-program keusahawanan yang akan dilaksanakan kepada wanita Orang Asli yang menerima latihan daripada pusat latihan ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, JAKOA juga telah dapat melahirkan seorang usahawan wanita Orang Asli yang mengusahakan madu dan produk berasaskan madu di Selangor, sebagai *captain of industry* dalam program pembangunan usahawan JAKOA.

Berdasarkan kejayaan tersebut, JAKOA dari masa ke semasa akan mempergiatkan usaha membangun dan memperkasakan wanita masyarakat Orang Asli melalui program-program yang dirancang bagi membantu agenda Kerajaan dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat Orang Asli keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 26**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Mohan a/l Thangarasu** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejak mengambil alih Kerajaan berapakah bilangan sekolah baharu Tamil telah diberi kelulusan untuk dibina dan apakah status pembinaan 8 buah sekolah baharu Tamil yang dinyatakan oleh YB Jelutong di Dewan Rakyat tempoh hari.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa komited dalam pelaksanaan pembangunan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan termasuklah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Pembinaan mana-mana sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan dibuat berdasarkan perancangan dengan mengambil kira keperluan masyarakat.

Untuk makluman, jumlah sebenar bilangan sekolah baharu Tamil yang telah diluluskan perlaksanaan pembinaan baharu adalah berjumlah 10 buah sekolah. Status terkini pelaksanaan projek-projek SJKT tersebut adalah seperti berikut:

1. Projek pembinaan SJKT Gunung Rapat, Ipoh, Perak, kemajuan fizikal terkini projek adalah 58.8 peratus. Kontraktor sedang menjalankan kerja-kerja pembinaan di tapak.
2. Projek Pembinaan SJKT Kuala Pilah, Negeri Sembilan sedang dalam proses penilaian semula KPM memandangkan terdapat pertambahan kos projek dan akan dilaksanakan segera selepas isu kewangan projek diselesaikan.
3. Projek pembinaan SJKT Jalan Tajul, Johor sedang dalam pembinaan dengan kemajuan fizikal terkini projek adalah 60.25 peratus. Pihak kontraktor sedang menjalankan kerja-kerja struktur.

## **NO SOALAN: 26**

4. Bagi projek SJKT Taman Kaya, Taiping, Perak pula peratus kemajuan fizikal terkini projek adalah 95 peratus.
5. Pembinaan SJKT Taman Keladi, Sungai Petani, Kedah pula kemajuan fizikal terkini projek adalah 90 peratus. Kontraktor sedang menjalankan kerja-kerja kemas, lanskap dan papan tanda serta menunggu bekalan perabot terlerai.
6. Pembinaan SJKT Taman Sentosa, Klang Selangor telah siap dilaksanakan dan telah beroperasi pada 15 Mac 2018.
7. Pembinaan SJKT Bandar Mahkota sedang dilaksanakan di mana peratus kemajuan fizikal terkini 97 peratus. Kontraktor dalam proses menunggu bekalan elektrik dan pemeriksaan Pihak Berkuasa Tempatan dan KPM.
8. SJKT Bandar Sri Alam, Johor sedang dilaksanakan dengan kemajuan fizikal terkini 95 peratus. Kontraktor sedang melaksanakan kerja-kerja infra.
9. Bagi projek SJKT Heawood, Sg Siput, Perak pula peratus kemajuan di tapak adalah 42 peratus. Pihak kontraktor dijangka tidak dapat menyiapkan projek mengikut perancangan dan pihak KPM sedang dalam proses menamatkan kontrak kerja pihak kontraktor. Projek ini sedang dalam pemantauan rapi pihak KPM dan Kementerian ini komited untuk menyiapkan projek bagi kemudahan infrastruktur pendidikan masyarakat setempat.

## **NO SOALAN: 26**

10. Kontraktor bagi melaksanakan projek SJKT PJS 1, Petaling Jaya, Selangor telah dilantik pada Mac 2018. Walau bagaimanapun kerja-kerja di tapak tidak dapat dilaksanakan kerana terdapat isu pencerobohan. Pihak KPM telah memohon kerjasama pihak PBT dan pihak berkaitan bagi melaksanakan tindakan penguatkuasaan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 27**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN BATHMAVATHI KRISHNAN  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Puan Bathmavathi Krishnan** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sehingga kini berapa ramai "Job Coach" bagi OKU yang telah dilatih oleh JKM. Adakah perkhidmatan "Job Coach" ini disediakan di setiap negeri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

**Program Perkhidmatan Job Coach** telah diperkenalkan untuk menggalakkan pekerjaan kekal kepada OKU di pasaran pekerjaan terbuka melalui pendekatan sokongan pekerjaan oleh *Job Coach*. Di Malaysia ianya bermula sejak tahun 2012 di mana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan *Japan International Cooperation Agency* (JICA) telah menjalinkan projek kerjasama iaitu *Project To Support Participation Of Persons With Disabilities Phase II* pada 1 September 2012 hingga 31 Ogos 2015. Tujuan projek ini adalah untuk menggalakkan penyertaan OKU di dalam masyarakat melalui Sokongan Pekerjaan.

Melalui projek ini JKM telah dipertanggungjawabkan untuk menjadi *focal agency* kepada Program Perkhidmatan Job Coach. Pihak lain yang terlibat dalam melaksanakan program ini merangkumi agensi Kerajaan (Pertubuhan Keselamatan Sosial, Jabatan Tenaga Kerja, Jobs Malaysia, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan (Bahagian Pendidikan Khas), pihak swasta (Mydin, Omron, Hotel Intercontinental, Gamuda) dan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (Rumah Amal Cheshire Selangor, Daybreak Society, Malaysian Care, United Voice, Beautiful Gate Foundation For Disabled).

**Job Coach** adalah individu yang berpengalaman dalam memberi sokongan kepada OKU dan telah menghadiri Kursus Asas Job Coach. Job Coach menjadi penghubung antara OKU dan majikan dengan menyediakan sokongan untuk kedua belah pihak. Job Coach menawarkan sokongan

## NO SOALAN: 27

secara *one to one* iaitu seorang *Job Coach* dengan seorang OKU yang melibatkan tempoh masa sekurang- kurangnya 3 hingga 6 bulan mengikut tahap keupayaan OKU. Dalam tempoh tersebut *Job Coach* akan melaksanakan proses seperti berikut:

➤ **Penilaian OKU**

Membuat penilaian dan memahami keadaan OKU secara terperinci berdasarkan tahap ketidakupayaan, intelek, sikap dan tingkah laku untuk merancang sokongan yang diperlukan bagi mewujudkan padanan kerjaya.

➤ **Penilaian Tempat Kerja**

Membuat penilaian persekitaran tempat kerja daripada segi persekitaran fizikal, manusia, tugas serta polisi atau budaya di tempat kerja.

➤ **Pemadanan Kerja (Job Matching)**

Membuat padanan kerja yang terbaik antara kemampuan OKU dengan modifikasi serta menyusun semula tugas-tugas yang bersesuaian dengan OKU atas kebenaran majikan.

➤ **Sokongan Intensif**

Menyediakan sokongan untuk OKU dan majikan di tempat kerja agar OKU bekerja secara bersungguh-sungguh dan berterusan.

➤ **Sokongan Semula jadi (Natural Support)**

Mewujudkan sokongan rakan sekerja OKU untuk mengurangkan sokongan *Job Coach* secara beransur-ansur.

➤ **Tindakan Susulan (Follow-up)**

Sokongan berkala untuk mengekalkan OKU dalam pekerjaan dengan memantau dan intervensi jika wujud permasalahan.

## NO SOALAN: 27

Bagi tempoh September 2012 hingga Disember 2018, seramai 956 OKU telah diberi sokongan pekerjaan oleh 329 Job Coach yang melibatkan 543 majikan. (*Data berdasarkan tuntutan Elaun Perkhidmatan Job Coach*) Melalui Pelan Tindakan OKU 2016-2022, sasaran 120 Job Coach baru dilatih setiap tahun melalui anjuran empat (4) siri Kursus Asas *Job Coach* setiap tahun. Kursus Asas *Job Coach* diberikan kepada pegawai agensi kerajaan, swasta, NGO atau mana-mana pelajar atau pensyarah dari universiti yang ingin melaksana dan memahami lebih jelas peranan dan proses *Job Coach*. Kursus ini dijalankan selama 5 hari.

Di samping itu juga, JKM turut mengadakan kerjasama bersama Jabatan Tenaga Kerja, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (*Human Resource Development Fund*) dan syarikat swasta dalam penganjuran Kursus Pengenalan *Job Coach* bagi melatih *in house Job Coach*. Kursus Pengenalan *Job Coach* disediakan kepada pihak majikan bagi memberi lebih pemahaman tentang tugas *inhouse Job Coach*. Kursus ini dilaksanakan selama 3 hari. Seramai **337 inhouse job coach** telah dilatih yang melibatkan majikan seperti Aeon.Co, QSR Brand, Mydin, Omron, Sony, McDonalds, GCH Retail dan TESCO (2012-2018).

Sejak tahun 2010 sehingga Disember 2018, seramai **2,307** orang telah mengikuti Kursus Asas *Job Coach* dan Kursus Pengenalan *Job Coach* di mana bilangan tertinggi adalah daripada kalangan petugas dan penyelia Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) iaitu **948** orang. Ini diikuti dengan pegawai JKM 365 orang, syarikat swasta **337** orang, Pertubuhan Sukarela Kebajikan OKU 301 dan Kementerian Pendidikan **134** orang.

## **NO SOALAN: 27**

Perkhidmatan *Job Coach* ini disediakan di setiap negeri di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah / Jajahan / Bahagian, JKM Negeri serta Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi dan Pertubuhan Sukarela Kebajikan OKU.

**NO SOALAN: 28**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. NUIING JELUING**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Dr. Nuing Jeluing** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan atas sebab apa Malaysia tidak mengesahkan ICERD. Apakah sebab-sebab keputusan tersebut. Apakah kesan negatif dan positif kepada Malaysia dengan tidak mengesahkan konvensyen ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

ICERD atau singkatan dari *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* merupakan instrumen yang bertujuan menghapuskan semua bentuk diskriminasi kaum. Ianya telah dibuka untuk ditandatangani dan seterusnya disahkan oleh negara-negara merdeka sejak 21 Disember 1965. Sehingga kini, Malaysia adalah salah sebuah negara merdeka yang belum meratifikasinya lagi.

Antara sebab-sebab Malaysia tidak mengesahkan konvensyen ICERD adalah:

- a) terdapat bantahan daripada rakyat yang tidak memahami secara jelas dengan isi kandungan ICERD; dan
- b) Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang bangsa, agama dan sebagainya dan perkara yang hendak diratifikasi ini adalah perkara yang rumit dan memerlukan penerimaan rakyat khususnya berhubung kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah kaum-kaum lain sepertimana yang terdapat di dalam Perkara 153.

## **NO SOALAN: 28**

Salah satu kelebihan ICERD kepada negara-negara yang meratifikasinya adalah ia membuktikan suatu komitmen kukuh serta obligasi sesebuah negara mematuhi semua artikel di dalam ICERD dan memberi perlindungan kepada mana-mana golongan minoriti atas dasar hak kesaksamaan yang ditekankan dalam ICERD.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 29**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Ir. Yong Wui Chung** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah di Sabah yang akan diberi peruntukan membaik pulih bagi tahun ini mengikut senarai dan jenis sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyemak secara terperinci sekolah-sekolah yang perlu dibaik pulih dan diselenggarakan di seluruh negara termasuk di negeri Sabah. Untuk makluman, sekolah-sekolah yang masih ekonomik untuk dibaiki termasuk di Sabah dilaksanakan pembaikan secara berperingkat berdasarkan keutamaan yang disyorkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Bagi pelaksanaan tahun 2019, peruntukan sebanyak RM10 juta telah diluluskan melibatkan projek naik taraf dan pembangunan semula tiga (3) buah sekolah daif di Sabah iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai-Sungai, Sekolah Kebangsaan Nibang dan Sekolah Kebangsaan Tiong Wido. Kesemua projek ini akan dilaksanakan oleh pihak JKR secara tender terbuka dan pelaksanaan dijangka bermula secara berperingkat pada Mei 2019.

Selain itu, di bawah *Rolling Plan* Ke-4 Tahun 2019 sebanyak 269 projek baharu dan sedia ada telah diluluskan dengan kos keseluruhan berjumlah RM4.952 bilion. Sehingga 31 Mac 2019, KPM telah menyalurkan peruntukan penyelenggaraan kepada JPN Sabah sebanyak RM5.7 juta.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK LEE TIAN SING**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Lee Tian Sing** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah syarikat milik Kerajaan yang akan disenaraikan di Bursa Malaysia sebagai langkah untuk menambahkan hasil bagi mengukuhkan kedudukan fiskal dan sejauh manakah pihak Kerajaan menilai bahawa langkah ini merupakan penyelesaian terbaik dalam mengembalikan ekonomi negara ke landasan yang sebenar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan pada masa ini belum mempunyai perancangan untuk menyenaraikan mana-mana syarikat milik Kerajaan di Bursa Malaysia. Walaupun penyenaian syarikat milik Kerajaan di Bursa Malaysia dengan tujuan pelupusan ekuiti (*divestment*) akan memberikan pendapatan tambahan kepada Kerajaan Persekutuan, namun pendapatan daripada pelupusan ekuiti adalah bersifat *one-off* dan tidak mampan (*not sustainable*).

Pada masa ini, Kerajaan masih lagi mengekalkan pegangan ekuiti dalam semua syarikat milik Kerajaan yang dimiliki melalui pemegangan saham oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) berdasarkan keperluan berikut:

- i. Mengekalkan kepentingan Kerajaan dalam sektor strategik;
- ii. Penyediaan infrastruktur awam dan khidmat sosial kepada rakyat seperti perkhidmatan pengangkutan awam (bas, rel dan sebagainya) dan utiliti (bekalan air, elektrik dan perkhidmatan pembetungan);
- iii. Menggalakkan pembangunan ekonomi melalui sokongan kepada pewujudan industri baru;
- iv. Menggalakkan pembangunan teknologi seperti aktiviti pembangunan dan penyelidikan (R&D); dan
- v. Memenuhi jurang pasaran (*market gap*).

## **NO SOALAN: 30**

Dari segi prinsipnya, Kerajaan tidak seharusnya terlibat dalam perniagaan namun sebarang bentuk cadangan rasionalisasi perlu mengambil kira beberapa faktor termasuk nilai komersial yang telah dicipta dalam syarikat, kepentingan komersial dan strategik kepada pemegang saham (Kerajaan) dan kemampuan pemilik baru untuk membawa syarikat ke tahap yang lebih baik.

**NO SOALAN: 31**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Tuan Manolan bin Mohamad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah jangka pendek dan panjang Kerajaan secara pragmatik dan adakah selari dengan kehendak Orang Asli di dalam pengiktirafan tanah-tanah adat Orang Asli.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah mengenalpasti beberapa inisiatif bagi membolehkan tanah adat Orang Asal diiktiraf dengan sewajarnya. Antaranya kawasan-kawasan yang penting seperti tanah perkuburan dan tanah milik nenek moyang Orang Asal akan dihormati. Sehubungan dengan itu, antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan adalah menganjurkan Konvensyen Orang Asli Kebangsaan 2019 pada 22 April 2019 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) untuk mendapatkan maklumbalas dan input daripada masyarakat dan pihak-pihak berkepentingan Orang Asli.

Salah satu fokus konvensyen tersebut adalah berkaitan Tanah Orang Asli. Asas perbincangan bagi fokus tersebut adalah berdasarkan Laporan Inkuiri Nasional berkaitan Hak Tanah Orang Asli SUHAKAM. Resolusi daripada konvensyen ini akan dijadikan sebagai asas kepada Pelan Pembangunan Orang Asli termasuklah pengiktirafan Tanah Adat Orang Asli. Perincian langkah-langkah jangka masa panjang dan pendek akan dinyatakan dalam Pelan Pembangunan yang akan digubal kelak. Pada waktu yang sama, menyedari kuasa berkaitan tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, JAKOA terus mengadakan rundingan dengan pihak Kerajaan Negeri terhadap status permohonan dan isu-isu berbangkit berkaitan tuntutan tanah Orang Asli.

Sekian terima kasih.

**NO SOALAN: 32**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN**  
**ABDULLAH**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengenai suatu ketika dulu di Jepun terdapat bencana di Teluk Minamata yang hampir serupa dengan kes pencemaran bahan kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang yang mengakibatkan bayi yang dilahirkan cacat. Apakah langkah Kementerian untuk memastikan kejadian ini tidak berulang.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Bencana di Teluk Minamata, Jepun melibatkan bahan kimia yang berbeza di mana pencemaran adalah disebabkan oleh unsur dan sebatian raksa atau merkuri dalam air kumbah (*waste water*) yang dilepaskan dalam tempoh yang lama oleh sebuah kilang ke sungai dan mencemari teluk Minamata. Sifat merkuri yang bioakumulasi telah mencemari ikan-ikan yang menjadi sumber makanan kepada penduduk di Teluk Minamata. Pendedahan kepada *methymercury* yang kronik melalui ikan dan hasil laut yang tercemar telah menghasilkan kesan yang kronik dikenali sebagai Penyakit Minamata yang menyebabkan gangguan pada sistem saraf manusia. Pesakit Minamata yang pertama telah dikenalpasti pada tahun 1956 iaitu hampir 24 tahun selepas pencemaran secara berterusan berlaku akibat pelepasan air kumbah (*waste water*) ke sungai dan laut tanpa melalui proses rawatan.

Bagi kejadian pencemaran di Sungai Kim Kim, terdapat gabungan bahan pencemar iaitu benzene, metana, hidrogen klorida, toulena, xylene, limonene, acrolein dan acrylonitrile. Bahan-bahan kimia di Sungai Kim Kim ini mudah meruap menjadi gas dan dihidu oleh manusia yang berada berhampiran dengan tempat kejadian dan menyebabkan keracunan. Tempoh pendedahan terhadap bahan kimia ini adalah singkat atau akut dan bukan berpanjangan atau kronik.

Bagi mengelakkan kejadian sama seperti yang berlaku di Teluk Minamata di Jepun, pencemaran alam sekitar dalam tempoh yang kronik perlu dielakkan

## **NO SOALAN: 32**

dengan mengamalkan pembangunan yang lestari. Tempat-tempat yang tercemar perlu dikenalpasti dan diurus dengan baik supaya pendedahan kronik kepada masyarakat melalui air minum, rantai makanan atau udara tidak berlaku. Perkara ini adalah di luar bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Namun begitu, KKM akan terus memantau tahap kualiti air minum dan kualiti makanan bagi menjamin kesihatan masyarakat.

KKM sedang dan akan terus memantau tahap kesihatan penduduk di sekitar Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor Bahru. Setakat ini, KKM menjangkakan tidak ada masalah serius yang akan berlaku kepada mangsa keracunan ini kerana tempoh pendedahan terhadap bahan kimia yang singkat dan bukan berpanjangan. Bagaimanapun, sekiranya mangsa-mangsa ini mengalami sebarang masalah kesihatan, mereka boleh mendapatkan rawatan segera di fasiliti kesihatan yang berhampiran.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 33**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' ISA BIN AB. HAMID  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Dato' Isa Bin Ab. Hamid** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah inisiatif baru yang dilaksanakan oleh JAKOA untuk Masyarakat Orang Asli sejak Kerajaan Pakatan menerajui negara.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah mengenalpasti beberapa inisiatif dalam menjaga hak dan kepentingan Orang Asli di Malaysia. Komitmen Kerajaan untuk memartabatkan hak masyarakat Orang Asli dinyatakan dengan jelas di dalam Manifesto Buku Harapan, Janji 38: Membela nasib Orang Asal di Semenanjung Malaysia.

Ke arah itu, Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah mengadakan Konvensyen Orang Asli Kebangsaan Tahun 2019 pada 22 April 2019 di PICC Putrajaya yang dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri .

Konvensyen ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan bagi mendapatkan input dan maklumbalas daripada masyarakat Orang Asli dan pihak berkepentingan bagi mencapai resolusi-resolusi ke arah penyediaan Pelan Pembangunan Orang Asli Nasional yang lebih komprehensif. Konvensyen ini memberi tumpuan kepada tujuh (7) fokus utama masyarakat Orang Asli, iaitu :

- (i) Tanah ;
- (ii) Pendidikan;
- (iii) Kesihatan;
- (iv) Ekonomi;
- (v) Kepimpinan ;
- (vi) Infrastruktur ; dan
- (vii) Kebudayaan.

## **NO SOALAN: 33**

Peserta yang terlibat dalam Konvensyen tersebut adalah terdiri daripada Pemimpin Orang Asli ( Tok Batin & MPKKOA ), Profesional Orang Asli, Belia Orang Asli, Wanita Orang Asli, Ahli Akademik, SUHAKAM, NGO Orang Asli dan Agensi Kerajaan yang berkaitan. Seramai 1,400 orang terlibat dalam konvensyen pada kali ini.

Sekian terima kasih.

**NO SOALAN: 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk John Ambrose** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapakah jangka masa atau "timeline" pihak Kerajaan Persekutuan untuk memaklumkan tentang jumlah kasar yang perlu dikembalikan dan hal-hal berkaitan hak-hak minyak dan gas kepada Sabah dan Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, persoalan yang dibangkitkan ini merupakan antara perkara yang dibincangkan dalam Jawatankuasa Khas Kabinet (Pemandu) bagi Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.
2. Sehingga kini, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak dua (2) kali iaitu pada 17 Disember 2018 dan 5 Mac 2019. Mesyuarat pada 17 Disember 2018 antara lain bersetuju supaya isu petroleum dibincangkan dalam forum berasingan memandangkan isu ini amat kompleks dan melibatkan banyak pihak berkepentingan yang perlu diberi pertimbangan.
3. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu pada 5 Mac 2019 pula memutuskan supaya forum berasingan ini menggunakan forum sedia ada yang sedang berlangsung antara Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam membincangkan penyelesaian secara komersil. Perbincangan bersama Kerajaan Negeri Sabah pula akan diadakan selepas selesainya perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sarawak.
4. Forum ini akan dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan YAB Ketua Menteri Sabah/Sarawak. Keahlian

## **NO SOALAN: 34**

forum berasingan ini adalah terdiri daripada wakil-wakil seperti berikut:

- (i) Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA);
  - (ii) Kementerian Kewangan Malaysia (MOF);
  - (iii) Jabatan Peguam Negara (AGC);
  - (iv) Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS);
  - (v) Kerajaan Negeri Sarawak;
  - (vi) Kerajaan Negeri Sabah; dan
  - (vii) BHEUU, JPM sebagai Urus setia.
5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop forum berasingan ini akan menumpukan kepada tiga (3) perkara iaitu:-
- (i) Penyelesaian komersial bersama PETRONAS;
  - (ii) Royalti atau bayaran tunai; dan
  - (iii) Cukai termasuk duti eksport dan cukai jualan.
6. Hasil perbincangan dan syor daripada forum berasingan ini akan diangkat terus kepada Jawatankuasa Khas Kabinet (Pemandu) MA63 untuk pertimbangan dan persetujuan.
7. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mesyuarat pertama telah menetapkan supaya satu Laporan Interim dibentangkan dalam tempoh 4 bulan manakala Laporan Akhir akan disediakan dalam tempoh 6 bulan dari mesyuarat pertama jawatankuasa khas ini.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 35**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK HAJI YAHAYA BIN MAT**  
**GHANI @ ABBAS**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Haji Yahaya Bin Mat Ghani @ Abbas** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan terowong dasar laut Pulau Pinang. Apa perkembangan siasatan setakat ini dan adakah maklumat kertas siasatan oleh SPRM seperti mana yang didedahkan oleh Raja Petra Kamaruddin adalah benar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Hasil siasatan SPRM ke atas isu terowong dasar laut Pulau Pinang telah dikemukakan kepada pihak Jabatan Peguam Negara. Walau bagaimanapun, Kertas Siasatan tersebut telah dikembalikan semula kepada pihak SPRM dengan arahan untuk siasatan lanjut. Sehubungan itu, adalah tidak benar dakwaan sesetengah pihak bahawa SPRM telah menutup siasatan terhadap kes itu.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 36**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI KHAIRUDIN SAMAD**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Dato' Sri Khairudin Samad** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan bagi menggalakkan dan memastikan rakyat berkemampuan untuk memiliki rumah ekoran lambakan unit yang tidak terjual kebelakangan ini terutamanya kuota Bumiputera.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, antara perancangan dan langkah-langkah yang telah dikenal pasti dan sedang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan rakyat berkemampuan untuk memiliki rumah dan menangani masalah lambakan unit rumah yang tidak dijual termasuk unit Bumiputera adalah seperti berikut:
  - i) Melaksanakan pelan pemasaran seperti pemberian diskaun / rebat oleh pemaju swasta / PR1MA / SPNB sekurang-kurangnya 10% dari harga jualan;
  - ii) Mengadakan program pemasaran secara berterusan di seluruh Malaysia mengikut zon/negeri melalui Program *Home Ownership Campaign* (HOC) mulai 1 Januari 2019 hingga 30 Jun 2019;
  - iii) Pemberian insentif kepada bakal pembeli melalui pengecualian duti setem;
  - iv) Cadangan kepada pemaju untuk membuat perancangan (*market study*) bagi memastikan pembangunan di sesuatu lokasi mengikut keperluan (*demand*);

## NO SOALAN: 36

- v) Bagi unit kuota Bumiputera yang tidak terjual, Kerajaan Negeri akan mengadakan kerjasama dengan pemaju perumahan bagi memastikan unit kuota Bumiputera ini dapat dijual;
  - vi) Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan kelulusan pelepasan unit kuota Bumiputera tertakluk kepada prosedur dan dasar perumahan negeri masing-masing; dan
  - vii) Menambahbaik skim pembiayaan perumahan terutamanya bagi kumpulan B40 dan M40 bagi meningkatkan aksesibiliti kepada pemilikan perumahan.
2. Antara perancangan lain yang sedang diambil oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam memastikan rakyat berkemampuan untuk memiliki rumah ialah:
- i) Menyediakan 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) dalam tempoh 10 tahun di seluruh negara. Kerajaan juga telah menetapkan cadangan sasaran pelaksanaan RMM Tahun 2018 hingga 2028 melalui agensi-agensinya yang terlibat seperti berikut:
    - KPKT (546,000 unit);
    - Lain-lain Kementerian (155,788 unit);
    - Kerajaan Negeri (153,212 unit); dan
    - Pihak swasta (145,000 unit).

## **NO SOALAN: 36**

- ii) Sehingga kini bagi perancangan Program Perumahan Rakyat (PPR) Kementerian sedang merancang pembangunan 19 projek (8,381 unit) PPR di seluruh Negara bagi membantu menyediakan perumahan kepada golongan B40 yang berkelayakkan.
  
- iii) Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya, Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 254 projek melibatkan 268,537 unit kediaman PR1MA di seluruh negara. Pada masa ini PR1MA sedang menumpukan kepada 94 projek yang telah ditandatangani perjanjian dengan pihak pemaju melibatkan 94,191 unit.
  
- iv) Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) juga merupakan salah satu agensi pelaksana dalam penyediaan 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) di mana SPNB telah mensasarkan untuk membina sejumlah 95,000 unit RMM di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pihak Kementerian akan mempertimbangkan untuk membuat semakan semula hukuman yang dikenakan terhadap kesalahan menghina mana-mana agama di negara ini memandangkan jumlah dan tempoh hukuman tersebut dilihat sebagai kurang munasabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

[Keputusan untuk membuat semakan semula terhadap hukuman yang dikatakan kurang munasabah bagi kesalahan menghina agama merupakan urusan Kerajaan.]

1. Pihak pendakwaan sentiasa memastikan apa sahaja hukuman yang dijatuhkan oleh mana-mana mahkamah bagi kes-kes jenayah, termasuk kesalahan menghina agama, adalah munasabah dan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan serta selaras dengan peruntukan undang-undang.
2. Sekiranya hukuman yang dijatuhkan tidak munasabah, adalah menjadi amalan pihak pendakwaan untuk memfailkan rayuan atau semakan bagi memastikan hukuman tersebut adalah munasabah dan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.
3. Saya berharap YB juga boleh memahami dengan betul konsep asas pengasingan kuasa ( separation of powers) di mana pihak eksekutif tidak sama sekali akan masuk campur ke atas kuasa badan kehakiman (judiciary).

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK RABIYAH BINTI ALI  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Rabiyah Binti Ali** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pendapatan yang dijana oleh Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) pada 2017, 2018 dan unjuran 2019 serta apakah perancangan strategik Kerajaan menjadikan NIOSH sebagai pelengkap agenda TVET Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berikut adalah pendapatan yang dijana\_ oleh Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) pada tahun 2017, 2018 dan unjuran 2019:

	<b>2017 (RM Juta)</b>	<b>2018 (RM Juta)</b>	<b>2019 – Unjuran (RM Juta)</b>
Pendapatan	91.051	96.463	101.262
Perbelanjaan	80.577	89.410	96.412
Untung Bersih	10.474	7.053	4.850

Tuan Yang di Pertua,

2. NIOSH juga terlibat di dalam membantu institusi TVET bagi memberikan latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada future workers yang terdiri daripada pelajar dan bekas-bekas pelajar. Persijilan kursus-kursus keselamatan dan kesihatan pekerjaan anjuran NIOSH ini bukan hanya bagi manfaat untuk mengurangkan potensi kemalangan semata-mata malah beberapa jenis kursus ini adalah menjadi tambah nilai kepada sijil yang pelajar miliki. Malah terdapat beberapa sijil anjuran NIOSH yang menjadi prasyarat untuk para pekerja memasuki kawasan tempat kerja.

**NO SOALAN: 38**

3. Antara institusi TVET yang telah mengikuti kursus di NIOSH adalah Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran Mara, Institut Kemahiran Belia Negara serta beberapa lagi institute kemahiran milik swasta. Berikut adalah bilangan pelajar dari institusi TVET yang telah menjalani kursus di NIOSH:

	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>
Bilangan pelajar TVET	1148	1332	1062

**NO SOALAN: 39**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN AKNAN EHTOOK  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Tuan Aknan Ehtook** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian untuk meningkatkan bilangan anggota masyarakat Siam yang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Apakah insentif yang telah diterima oleh para usahawan Siam dari setiap agensi di bawah Kementerian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Secara umumnya, semua program, latihan dan pembiayaan yang dilaksanakan oleh MED dan agensi di bawahnya adalah bersifat inklusif. Namun begitu, terdapat program dan pembiayaan yang dilaksanakan secara khusus kepada Bumiputera dan kaum tertentu berdasarkan merit. Pengkhususan ini adalah bagi memastikan ekosistem keusahawanan dapat diceburi oleh semua lapisan masyarakat dan agihan secara bersasar.
2. Contohnya adalah TEKUN Nasional (TEKUN) yang hanya menyediakan pembiayaan kepada Bumiputera dan masyarakat India. Bagi etnik Bumiputera Siam, sehingga 31 Mac 2019, TEKUN telah menyalurkan pembiayaan berjumlah RM7,766,500 kepada 569 orang usahawan di seluruh negara yang memerlukan modal permulaan perniagaan.
3. Bagi agensi-agensi lain di bawah MED, walaupun tiada pembiayaan atau insentif khusus kepada masyarakat Siam, tetapi program atau pembiayaan yang ditawarkan turut boleh dimohon oleh masyarakat Siam.
4. Selain pembiayaan, MED juga turut mengadakan program turun padang bagi mendekati dan memberi penerangan berhubung program keusahawanan kepada masyarakat Siam. Contohnya, lawatan YB

## **NO SOALAN: 39**

Menteri beserta agensi ke Wat Sukhontharam, Kampung Kubang Panjang, Tumpat Kelantan pada 8 Mac 2019 untuk bertemu dengan masyarakat Siam di situ. Kementerian ini komited untuk mengadakan program seumpamanya di tempat lain bagi memberi lebih pendedahan kepada masyarakat Siam menceburi sektor keusahawanan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 40**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ALAN LING SIE KIONG  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Tuan Alan Ling Sie Kiong** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan meminda peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan bagi membenarkan golongan kelainan upaya (OKU) menjadi pemandu perkhidmatan e-hailing.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, susulan daripada pengumuman bagi meminda peraturan untuk membenarkan golongan OKU menjadi pemandu perkhidmatan ehailing, Kementerian Pengangkutan melalui JPJ telah menubuhkan satu jawatankuasa kerja yang terdiri daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kebajikan Malaysia, dan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) bagi mengkaji dan mengambil tindakan selanjutnya. Pada 09 April 2019, suatu perbincangan antara jawatankuasa terlibat telah diadakan dan mengambil maklum pandangan daripada agensi berkaitan dan pakar perubatan KKM seperti berikut:
  - i. Mengenal pasti kategori OKU dan tahap keupayaan minima yang boleh dibenarkan memandu kenderaan perkhidmatan awam seperti kecacatan fizikal yang tidak kritikal dan tidak mempunyai kebergantungan terhadap peralatan bantuan sehingga memerlukan pengubahsuaian kenderaan dibuat; dan
  - ii. Meminda peraturan di dalam Borang Pemeriksaan Kesihatan semasa (JPJL8A) dan digantikan dengan elemen baharu dengan memasukkan penentuan kategori keupayaan OKU dengan merujuk kepada Standard Pemeriksaan Perubatan bagi Vokasional (MES) daripada KKM sebelum seseorang calon layak memohon lesen vokasional. Penentuan ini hanya boleh

## **NO SOALAN: 40**

ditentukan oleh pengamal perubatan yang bertauliah sahaja.

2. Selanjutnya jawatankuasa tersebut juga telah merangka pelan tindakan pelaksanaan seperti berikut:
  - i. Pihak KKM akan mengadakan sesi engagement bersama Malaysia Medical Association (MMA) dan semua Klinik Perubatan yang berdaftar dengan KKM untuk memaklumkan garis panduan pemeriksaan kesihatan yang baharu;
  - ii. Mengeluarkan arahan baharu kepada semua JPJ Negeri bagi penggunaan borang pemeriksaan kesihatan (JPJL8A) yang baharu sebelum permohonan dan pembaharuan lesen memandu dibuat; dan
  - iii. Membuat hebahan dan memuat naik garis panduan dan borang pemeriksaan kesihatan yang baharu ke portal rasmi JPJ dan KKM untuk panduan calon yang ingin memohon lesen memandu vokasional.
3. Untuk makluman dewan yang mulia, penentuan garis panduan yang baharu ini telah mengambil kira dan amat memandangkan berat aspek keselamatan penumpang yang akan menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam. Malah kerajaan juga perlu membuat keputusan dengan mengimbangi di antara kepentingan, kebajikan dan keperluan golongan kelainan upaya (OKU) dengan kepentingan umum/orang ramai.

## **NO SOALAN: 40**

4. Perkara ini penting kerana seseorang pemandu kenderaan perkhidmatan awam itu bukan sahaja perlu fit to drive dan bertanggungjawab ke atas dirinya, malahan yang paling utama sekali beliau adalah bertanggungjawab ke atas keselamatan penumpang yang dibawanya seperti mana yang ditetapkan dalam peruntukan undang-undang di bawah Kaedah 4, Kaedah-kaedah Kenderaan Perkhidmatan Awam (Pelesenan dan Kelakuan Pemandu, Konduktor dan Penumpang) 1956.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK HAJI ABIDULLAH BIN**  
**SALLEH**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Haji Abidullah Bin Salleh** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam mengecilkan perjawatan awam yang sering di hebahkan oleh pihak Kerajaan sebagai membebankan kewangan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam (DSKPA) telah dan akan dilaksanakan melalui pelbagai kaedah seiring dengan perkembangan teknologi semasa meliputi antaranya kajian pertindihan fungsi antara jabatan/agensi, rasionalisasi perjawatan, pengoptimuman sumber manusia, serah urus fungsi (*outsourcing*), penyampaian perkhidmatan alternatif (*Alternative Service Delivery*), penswastaan, gabungan teknologi dan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan. Ini bagi memastikan saiz perkhidmatan awam pada tahap yang terbaik untuk meningkatkan kecekapan dan mengelakkan pembaziran sumber.

Saiz perkhidmatan awam yang terlalu besar meningkatkan perbelanjaan mengurus kerajaan dan memberi kesan kepada peruntukan perbelanjaan pembangunan. Kerajaan berpandangan jumlah perjawatan ini boleh dikurangkan tanpa menjejaskan prestasi penyampaian perkhidmatan dan punca pendapatan pegawai yang terlibat. Sehubungan itu, Kerajaan menyasarkan pengurangan sebanyak 1% pengurangan perjawatan bagi tahun 2019 melibatkan pelbagai gred dan skim perkhidmatan dengan anggaran penjimatan sebanyak RM2.18 bilion. Perjawatan kosong yang dikenal pasti untuk dimansuhkan ini antaranya merupakan jawatan yang tidak diperlukan, jawatan di agensi-agensi yang mempunyai pertindihan fungsi, pemansuhan jawatan bagi perkhidmatan yang boleh diautomasi dan diserah urus fungsi (*outsourcing*) serta perkhidmatan alternatif.

**NO SOALAN: 41**

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bilangan belia yang tercicir persekolahan di peringkat PMR, PT3 dan SPM yang telah diberikan latihan lanjutan TVET di IKBN dengan menggunakan syarat kemasukan RPEL (Program Pengiktirafan Pengalaman Pembelajaran Terdahulu), sehingga Mac 2019.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Belia dan Sukan tidak lupa untuk memberikan perhatian kepada golongan tercicir persekolahan di pelbagai peringkat.
2. Bagi memastikan pembangunan belia di pelbagai peringkat terus diberi perhatian, kementerian dengan bidang kuasa yang ada dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia telah menawarkan Program PT3 kepada lepasan PMR bermula pada tahun 2016 sehingga 2017.
3. Seramai 166 pelajar yang tidak mempunyai SPM telah diberikan latihan TVET di IKTBN Bukit Mertajam dan IKTBN Pagoh. Pelajar-pelajar tersebut telah diberikan latihan dalam bidang Mekanikal dan Elektronik.
4. Selain itu, bermula 1 April 2019 kementerian telah merancang satu program khas yang dinamakan *MyFuture Youth Plus* di bawah *Skills Training At Risk @Youth* atau STAR@U. Program yang dilaksanakan ini dijangka memberikan impak seperti berikut:
  - (a) Memberi ruang dan peluang kepada lebih ramai belia mendapat kemahiran;

## **NO SOALAN: 42**

- (b) Mengurangkan gejala sosial negatif di kalangan belia berisiko, belia minoriti dan golongan terpinggir;
  - (c) Memperkenalkan kursus-kursus yang ditawarkan di ILKBS dan meningkatkan minat belia mendapatkan peluang belajar sepenuh masa;
  - (d) Meningkatkan peluang belia menceburi bidang keusahawanan bagi meningkatkan taraf hidup; dan
  - (e) Memberi peluang belia massa sambung belajar dan mendapat Sijil Kemahiran Malaysia menerusi kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) dan memberi peluang belia meningkatkan taraf hidup.
5. Bagi tahun 2019, sebanyak 70 program Myfuture Youth Plus akan dilaksanakan melibatkan 21 ILKBS. sehingga 10 April 2019 seramai 96 orang telah dilatih menerusi 10 kursus yang telah dilaksanakan oleh 7 ILKBS. Sebanyak 60 kursus lagi akan dilaksanakan sehingga Julai 2019

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 43**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Dato' Haji Husain Bin Awang** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik banduan di negara ini mengikut kategori kesalahan, hukuman, kaum, umur dan kewarganegaraan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 8 April 2019 terdapat seramai 70,673 orang banduan yang ditahan di seluruh institusi penjara Malaysia. Daripada jumlah keseluruhan tersebut seramai 54,197 orang banduan adalah warga Malaysia yang terdiri daripada 37,154 orang banduan Melayu, 6,231 orang banduan India dan 4,489 orang banduan Cina manakala 6,384 orang banduan adalah daripada lain-lain bangsa. Rekod Jabatan Penjara Malaysia juga menunjukkan terdapat seramai 16,476 orang banduan warga negara asing yang berasal daripada 50 buah negara.

Pecahan bagi kategori umur pula, seramai 66,833 orang adalah banduan dewasa iaitu berumur 21 tahun ke atas, manakala seramai 3,840 orang adalah penghuni muda yang berumur 21 tahun ke bawah.

Statistik bagi kategori hukuman Jabatan Penjara Malaysia menunjukkan bahawa seramai 47,929 orang adalah banduan sabitan manakala 18,879 orang merupakan banduan bukan sabitan (*remand*). Seramai 1,920 orang ditahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) manakala di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) dan Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) terdapat seramai 482 orang tahanan dan 3 orang tahanan masing-masing. Di samping itu, seramai 1,460 orang penghuni ditahan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 dan golongan ini ditempatkan di 4 buah Sekolah Henry Gurney.

## **NO SOALAN: 43**

Bagi kategori jenis kesalahan, dianggarkan seramai 61% banduan melakukan kesalahan yang mempunyai kaitan dengan dadah. Manakala, kebanyakan lain-lain kesalahan adalah di bawah Akta Imigresen dan Kanun Keseksaan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 44**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN HAJAH RAHEMAH BINTI IDRIS**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Puan Hajah Rahemah Binti Idris** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah yang di ambil oleh pihak Kementerian berkaitan dengan kes-kes kehilangan kanak-kanak di bawah umur mengambil kira kes adik Siti Masitah Ibrahim 11, yang hilang dan ditemui mati dalam keadaan tragis.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di- Pertua,

Kementerian telah mengambil langkah mewujudkan sistem Nur Alert sejak tahun 2010 dalam usaha menangani kes-kes kehilangan kanak-kanak di bawah umur termasuk kes terbaru yang ditemui mati dalam keadaan tragis, melalui kerjasama daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM). Sistem Nur Alert bertujuan menyebarkan maklumat kanak-kanak yang hilang secara serta merta kepada agensi-agensi Kerajaan bagi tujuan mengurangkan risiko keselamatan diri kanak-kanak serta dapat ditemui dalam keadaan selamat.

Bagi memantapkan keberkesanan dan meluaskan liputan sistem Nur Alert kepada orang awam beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan seperti berikut:

- i) Kerjasama antara PDRM dengan media sosial iaitu capaian dan liputan maklumat kanak-kanak bawah umur adalah kepada pengguna Facebook bermula pada tahun 2016. Melalui aplikasi New Feed Facebook, maklumat kanak-kanak hilang daripada Nur Alert dapat disebarkan secara pantas dan berkesan kepada pengguna Facebook. Kepantasan maklumat diterima merupakan faktor kritikal bagi mengurangkan risiko ancaman keselamatan diri bagi kanak-kanak yang hilang.
- ii) Kerjasama antara Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), PDRM dan syarikat telekomunikasi seperti Celcom, DIGi, Maxis dan U-Mobile, telah meluaskan capaian sistem Nur Alert kepada orang awam khususnya pengguna telefon pintar.

## **NO SOALAN: 44**

Melalui perkhidmatan pesanan multimedia yang disediakan oleh syarikat komunikasi, pengguna telefon pintar melanggan perkhidmatan secara percuma bagi mendapat maklumat terkini daripada sistem Nur Alert.

- iii) Kerjasama PDRM dengan syarikat Grab Malaysia yang pemandu Grab dengan rangkaian seramai 300,000 pemandu Grab akan menerima maklumat mengenai kanak-kanak hilang daripada sistem Nur Alert. Inisiatif akan dapat mengurangkan kes kanak-kanak hilang serta meningkatkan peluang kanak-kanak ditemui dalam keadaan selamat.

Tuan Yang di-Pertua,

Walau bagaimanapun, tanggungjawab menangani isu kanak-kanak hilang bukan hanya terletak kepada Kerajaan semata-mata. Tanggungjawab keselamatan diri juga merupakan tanggungjawab kanak-kanak sendiri dan ibu bapa mereka. Peranan dan tanggungjawab ibu bapa ialah memastikan keselamatan anak mereka pada setiap masa. Bagi mencegah atau mengurangkan kejadian kanak-kanak hilang dan ditemui meninggal secara tragis baru-baru ini, wujud keperluan bagi memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada kanak-kanak dan ibu bapa mengenai isu keselamatan diri.

Pengetahuan dan kemahiran keselamatan diri penting bagi memastikan kanak-kanak tidak terdedah kepada bahaya daripada persekitaran mereka berada. Sehubungan itu, Kementerian melalui JKM telah mengadakan Program Keselamatan Kanak-kanak Sahabat B.I.J.A.K: Safe and Protect

## **NO SOALAN: 44**

(Selamat dan Lindung) bersama agensi-agensi dan pelajar sekolah. Sejak program ini dilancarkan pada tahun 2014 sehingga 2018 seramai 60,579 orang pelajar dan 250 buah sekolah telah mendapat manfaat daripada program ini. Program ini turut diperluaskan dengan melibatkan ibu bapa, guru-guru, Persatuan Ibu bapa dan Guru dan komuniti setempat demi memastikan semua peringkat masyarakat khususnya ibu bapa memberi keutamaan kepada keselamatan kanak-kanak.

Sebagai rumusan bagi memastikan pelaksanaan sistem Nur Alert berkesan kerjasama antara agensi, syarikat telekomunikasi, media massa, media sosial, syarikat korporat adalah diperlukan bagi memastikan maklumat kanak-kanak hilang dapat disebarkan secara segera kepada orang awam. Di samping itu, kesedaran dan tanggungjawab orang awam bagi membuat laporan segera kepada pihak PDRM atau melalui Talian NUR 15999 sebarang perlakuan mencurigakan agar tindakan segera menyebarkan maklumat kanak-kanak yang hilang dengan harapan kanak-kanak dapat ditemui dengan selamat seterusnya mengelakkan kes kematian yang tragis daripada berlaku.

**NO SOALAN: 45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK SAMBANTHAN A/L  
MANICKAM  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Sambanthan A/L Manickam** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam agensi Kerajaan masih terdapat kakitangan awam yang berstatus kontrak atau pekerja sementara (piecemeal) yang tidak mencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan ia telah menyebabkan masa depan mereka terjejas kerana tiada simpanan KWSP. Apakah pihak Kementerian mengetahui perkara ini dan apakah langkah proaktif yang harus diambil.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi tanggungjawab setiap kementerian dan agensi Kerajaan untuk memastikan kakitangan awam yang berstatus kontrak (*Contract of Service*) atau pekerja sementara seperti Pekerja Sambilan Harian (PSH) membuat caruman dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 6.1/2013 : Caruman Wang Simpanan Pekerja Untuk Pegawai-Pegawai Kerajaan Persekutuan Dan Negeri/Badan-Badan Berkanun Persekutuan Dan Negeri/Kuasa-Kuasa Tempatan.

Dakwaan kononnya terdapat segelintir kakitangan awam berstatus kontrak atau PSH yang didapati tidak mencarum dalam KWSP adalah tidak berasas sama sekali memandangkan urusan caruman KWSP merupakan perkara mandatori sebagaimana Seksyen 7 Akta KWSP Tahun 1951 di mana menjadi kewajipan setiap Ketua Jabatan untuk memastikan bahawa potongan-potongan caruman KWSP dibuat mengikut kadar yang telah ditetapkan dalam Jadual Ketiga Akta KWSP 1951.

Justeru, adalah menjadi tanggungjawab kakitangan tersebut untuk melaporkan kepada pegawai yang bertanggungjawab serta Ketua Jabatan sekiranya jabatan atau agensi berkenaan masih belum membuat caruman KWSP untuk mereka. Mereka yang didapati sedar atau secara sengaja membiarkan keadaan di mana caruman KWSP mereka tidak dibuat boleh dikenakan tindakan surcaj dan/atau tindakan tatatertib.

**NO SOALAN: 45**

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 46**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Puan Raj Munni binti Sabu** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah perancangan strategik pihak Kerajaan untuk membantu mengurangkan kos hidup, sekali gus memperbaiki taraf hidup rakyat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Pelbagai inisiatif strategik telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan bagi membantu rakyat menangani isu kos sara hidup antaranya melalui penubuhan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL). NACCOL berperanan memperkukuh dan **menyelaras pelaksanaan strategi – strategi dan pelan tindakan** berkaitan isu sara hidup dengan berkesan melalui **kerjasama strategik merentasi sektor awam dan swasta** agar segala inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan secara holistik dan bersepadu.

Antara keputusan yang telah dilaksanakan hasil daripada perbincangan yang diadakan dalam Majlis Tindakan Sara Hidup Negara adalah seperti berikut:

- (i) **Pelaksanaan MY100** bagi pengguna Rapid Rail dan **MY50** bagi pengguna Bas Rapid Transit (BRT). Kedua – dua inisiatif ini telah mula dilaksanakan bermula 1 Januari 2019.
  
- (ii) Pelaksanaan **tambang diskaun Xtra20** bagi **Komuter KTM** telah mula dilaksanakan pada **1 April 2019**. Ini akan memberi manfaat kepada pengguna di bandar dan luar bandar. Melalui inisiatif kad diskaun tambang yang baharu ini, pengguna kini boleh **menjimatkan sehingga RM176.00 sebulan** dengan **kadar tambang serendah RM0.80**; dan

## NO SOALAN: 46

- (iii) Pelaksanaan Program ***Food Bank Malaysia*** telah dilaksanakan mulai Ogos 2018 dan telah memberi manfaat kepada 113,706 isi rumah.
  
- (iv) Program ***Food Bank Siswa*** telah dilaksanakan di **Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UITM) Permatang Pauh dan Politeknik Seberang Prai**. Program ini akan diluaskan ke universiti-universiti yang lain.

**NO SOALAN: 47**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Razali bin Idris** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah proaktif Kerajaan bagi membendung gejala menghina Agama Islam dan Nabi SAW yang makin berleluasa sehingga menggugat kestabilan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mewujudkan Jawatankuasa Bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) yang berfungsi untuk memberi khidmat nasihat, bimbingan dan kesedaran dalam penggunaan teknologi komunikasi dan multimedia secara efektif khusus untuk panduan dan kegunaan umat Islam serta sebagai landasan untuk perbincangan, khidmat nasihat, pemantauan dan penguatkuasaan berhubung kandungan berunsur Islam dalam media elektronik termasuk internet, stesyen penyiaran televisyen dan radio.

Memandangkan gejala penghinaan yang dilaporkan semakin berleluasa, Kerajaan melalui JAKIM telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Unit Pemantauan Isu Hina Agama mulai 7 Mac 2019 sebagai penambahbaikan kepada fungsi Jawatankuasa Bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Antara fungsi utama unit tersebut adalah memantau penulisan atau komen yang bersifat menghina agama Islam (Allah, Nabi, ayat-ayat al-Quran dan perkara-perkara berkaitan) serta menerima aduan daripada orang ramai mengenai penghinaan terhadap agama. Segala aduan yang diterima akan ditapis dan disalurkan kepada agensi penguatkuasaan yang berkenaan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Sehingga 17 April 2019,

## **NO SOALAN: 47**

sebanyak 16,908 mesej aduan telah diterima daripada 2,939 orang pengadu melalui talian tersebut. Setelah disaring, sebanyak 54 aduan telah dipanjangkan kepada SKMM untuk tindakan lanjut.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 48**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI MUHAMAD BIN**  
**MUSTAFA**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) bagaimanakah Rukun Negara diajar, dididik dan dihayati di sekolah-sekolah dan IPT di seluruh negara dan bagaimanakah penilaian keberkesanannya dibuat; dan
- (b) apakah tindakan yang diambil terhadap pelajar-pelajar yang tidak mematuhi Rukun Negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menyedari akan kepentingan Rukun Negara kepada pembentukan warganegara yang mempunyai jati diri Malaysia yang kukuh yang bukan sahaja memahami dan menerima kepelbagaian, tetapi juga menghayati kepelbagaian. Bagi tujuan tersebut, KPM dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah menjadikan identiti nasional yang dipupuk melalui penghayatan prinsip Rukun Negara sebagai salah satu ciri utama yang diperlukan oleh murid.

Ke arah itu, di peringkat sekolah, KPM telah memasukkan tajuk dan kandungan berkaitan Rukun Negara dalam kurikulum Sejarah yang sedang dilaksanakan pada masa kini di sekolah rendah bermula di Tahap II hingga sekolah menengah. Aktiviti kokurikulum seperti Kelab Rukun Negara, Setia Negara, Kelab Sejarah dan Kewarganegaraan dapat memperkukuhkan lagi usaha agar murid menghayati matlamat dan prinsip Rukun Negara. Penilaian terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara dibuat melalui peperiksaan atau ujian yang merentas pelbagai mata pelajaran yang berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di peringkat pengajian tinggi pula, penerapan Rukun Negara juga tidak diabaikan. Bagi pelajar-pelajar di institusi pendidikan tinggi (IPT), kursus Pengajian Malaysia merupakan salah satu kursus wajib yang perlu diambil oleh pelajar bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan pelajar tentang ilmu kenegaraan Malaysia. Rukun Negara merupakan salah satu topik yang diajar di dalam kursus tersebut. Penilaian terhadap kursus ini menggunakan peperiksaan serta

## **NO SOALAN: 48**

pembentangan dan laporan bertulis atau refleksi ke atas projek atau kajian kes yang dipilih oleh pelajar dengan pemantauan pensyarah.

Mata pelajaran lain yang diwajibkan kepada pelajar ialah Mata pelajaran Umum (MPU). Antara kelompok MPU yang diwajibkan ke atas pelajar ialah Kursus Hubungan Etnik, Tamadun Islam dan Tamadun Asia, Bahasa Malaysia Komunikasi, Bahasa Kebangsaan dan Keterlibatan Komuniti. Malahan MPU ini juga turut diwajibkan ke atas pelajar bukan warganegara yang sedang mengikuti pengajiannya di IPT di dalam negara. Justeru, secara tidak langsung pelajar dapat menerapkan kefahaman berkenaan budaya dan konsep kenegaraan yang diamalkan di Malaysia.

Selain itu, Rukun Negara diajar dan diterapkan menerusi penawaran kursus-kursus mata pelajaran Pengajian Umum seperti Pengajian Malaysia, Nilai Masyarakat Malaysia, Pendidikan Moral dan Hubungan Etnik bagi semua program pengajian yang ditawarkan di Politeknik dan Kolej Komuniti yang meliputi program pengajian peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Penerapan Rukun Negara dalam kursus-kursus tersebut bertujuan memperkayakan pengetahuan, pemahaman, penghayatan, penilaian dan pengamalan pelajar terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara. Ia merupakan kursus teras yang wajib diambil dan lulus oleh semua pelajar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengajaran, pendidikan dan penghayatan kepada Rukun Negara menjadi lebih berkesan jika sekiranya prinsip-prinsip tersebut diterapkan bermula dari rumah. Skop kandungan Rukun Negara yang sangat luas boleh diajar oleh ibu bapa semasa melaksanakan aktiviti kekeluargaan. Dalam hal ini, masyarakat juga

## **NO SOALAN: 48**

seharusnya memainkan peranan dan melaksanakan tanggungjawab mengikut kesesuaian.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN SURESH SINGH A/L RASHPAL**  
**SINGH**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status pemberian Kad Pengenalan Biru bagi 3407 Pemegang Kad Pengenalan Merah (Kaum India) yang telah mencapai umur 60 tahun ke atas seperti mana yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Merujuk kepada pengumuman YAB Perdana Menteri pada 14 Ogos 2018 dan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Ogos 2018 agar penganugerahan kewarganegaraan kepada pemegang kad pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) yang berumur 60 tahun dan ke atas, Kementerian sedang melaksanakan tindakan segera terhadap semua permohonan kewarganegaraan tanpa mengira kaum secara berperingkat selaras dengan syarat-syarat dalam Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules* 1964 [LN.82/1964] dan perundangan yang berkuat kuasa.

Berdasarkan rekod JPN sehingga 31 Mac 2019, daripada jumlah 1,641 permohonan kewarganegaraan oleh pemegang MyPR berketurunan India berumur 60 tahun dan ke atas yang telah diluluskan, sebanyak 532 orang pemohon telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia dan dikeluarkan Sijil Kewarganegaraan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat perbezaan bagi pemohon yang telah diluluskan permohonan kewarganegaraan dan pemohon yang telah dianugerahkan kewarganegaraan sepertimana berikut:-

- i. Pemohon yang telah **diluluskan permohonan kewarganegaraan**; dan
- ii. Pemohon yang telah **diluluskan permohonan dan dianugerahkan kewarganegaraan**.

## **NO SOALAN: 49**

Justeru itu, para pemohon yang telah mendapat kelulusan hendaklah hadir ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi mengangkat sumpah selaras dengan Jadual Pertama, Perlembagaan Persekutuan dan seterusnya membuat pembayaran fi sebelum dikeluarkan dengan Sijil Kewarganegaraan. Dalam hal ini, MyKad hanya akan dikeluarkan kepada pemohon yang telah mempunyai Sijil tersebut.

**NO SOALAN: 51**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PROF EMERITUS TAN SRI DATO'**  
**SERI DR. IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik sekolah-sekolah yang dalam keadaan daif di seluruh Semenanjung Malaysia mengikut negeri dan adakah peruntukan khas telah disediakan bagi membaik pulih segala kerosakan yang telah dikenal pasti.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyemak secara terperinci sekolah-sekolah yang perlu dibaik pulih dan diselenggarakan di seluruh negara termasuk di Semenanjung Malaysia. Seperti yang dimohon oleh Ahli Yang Berhormat Senator, bilangan sekolah daif yang telah dibangunkan semula dan dinaik taraf dari tahun 2017-2019 di Negeri Johor adalah sebanyak 24 buah, Kedah 44 buah, Melaka 15 buah, Negeri Sembilan 18 buah, Pahang 13 buah, Perak 18 buah, Perlis 2 buah, Pulau Pinang 5 buah, Selangor 24 buah dan Terengganu 21 buah sekolah.

Kos keseluruhan bagi pelaksanaan pembangunan semula dan menaik taraf sekolah daif di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak RM70.604 juta bagi tahun 2017, RM253.748 juta bagi tahun 2018 dan RM18 juta bagi tahun 2019.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 52**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI**  
**MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengadakan satu Perbarisan Mega Diraja yang melibatkan semua pasukan beruniform sama ada Kerajaan atau NGO demi menzahirkan hormat dan taat setia rakyat jelata kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Antara usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan bagi menzahirkan perasaan hormat dan taat setia pasukan beruniform dan rakyat secara keseluruhannya kepada KDYMM Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong adalah dengan mengadakan beberapa majlis seperti Hari Kebangsaan, Hari Pahlawan, Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Istiadat Mengarak PanjiPanji Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Melalui majlismajlis ini, pasukan beruniform akan terlibat secara langsung melalui penyertaan atau sebagai tetamu jemputan.

Sekian. Terima kasih.

**NO SOALAN: 53**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK ABDUL GHANI BIN**  
**MOHAMED YASSIN**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Abdul Ghani Bin Mohamed Yassin** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam menyelesaikan isu-isu melibatkan ekonomi negara khususnya dalam menstabilkan nilai mata wang ringgit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, ketidaktentuan persekitaran luar termasuk konflik perdagangan, harga komoditi yang tidak stabil serta volatiliti pasaran kewangan global memberi kesan kepada ekonomi negara termasuk penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit. Meskipun persekitaran ekonomi dan kewangan global semakin mencabar, ekonomi Malaysia menunjukkan daya tahan yang teguh dan mencatatkan pertumbuhan menggalakkan sebanyak 4.7 peratus pada 2018 dipacu oleh perbelanjaan swasta serta prestasi perdagangan luar yang kukuh. Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan dan pembuatan terus menerajui pertumbuhan.

2. Momentum pertumbuhan ekonomi ini dijangka terus berkembang antara 4.3 peratus hingga 4.8 peratus pada 2019 disokong oleh asas ekonomi yang kekal mampan termasuk pasaran buruh yang stabil dengan guna tenaga penuh; kadar inflasi yang rendah; rizab antarabangsa yang kekal tinggi; dan sistem kewangan yang kukuh. Di samping itu, diversifikasi perdagangan yang luas dari segi destinasi dan produk serta kadar pertukaran yang fleksibel terus memainkan peranan penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestic.

3. Sehingga 22 April 2019, nilai ringgit telah meningkat sebanyak 0.1 peratus manakala nilai mata wang serantau yang lain telah mencatat di antara -2.7 peratus dan 2.5 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat (AS). Walau bagaimanapun, volatiliti nilai ringgit juga didorong oleh kemerosotan

## **NO SOALAN: 53**

sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan prospek pertumbuhan ekonomi global, ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik serta kebimbangan bon kerajaan Malaysia dikeluarkan daripada World Government Bond Index (WGBI) oleh FTSE Russell yang menyebabkan aliran keluar dana asing.

4. Bagi menghadapi sebarang ketidaktentuan ekonomi global, Kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif untuk memastikan ekonomi negara terus kukuh dan berdaya tahan. Langkah ini termasuk mempelbagaikan sumber pendapatan Kerajaan; menyediakan persekitaran kondusif bagi menarik pelaburan asing dan domestik; meningkatkan perdagangan dan produktiviti; mempergiat inovasi dan penggunaan teknologi; serta meningkatkan potensi ekonomi digital demi memacu pertumbuhan masa hadapan.

5. Pada masa yang sama, Kerajaan akan sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan berfungsi dengan lancar dan mengambil pelbagai langkah proaktif supaya mudah tunai mencukupi, pasaran berdaya tahan dan aktiviti spekulasi dalam pasaran dikurangkan. Langkah tersebut termasuk menetapkan syarat agar sebahagian besar hasil eksport dalam mata wang asing ditukarkan kepada ringgit dan meningkatkan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir.

**NO SOALAN: 54**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK HAJI HUSAM BIN MUSA  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Haji Husam Bin Musa** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status pembesaran lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Kelantan dan adakah cadangan untuk menjadikannya pintu masuk serantau yang baharu.

**JAWAPAN**

Yang Di-Pertua,

1. Kementerian ini, pada 5 Mac 2019, telah merujuk kepada Bahagian Pengurusan Nilai, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), berhubung sama ada projek ini perlu diadakan semula Makmal Pengurusan Nilai. Hal ini kerana makmal tersebut telah diadakan pada tahun 2016. Maklum balas daripada Bahagian Pengurusan Nilai yang diterima MOT ialah tiada keperluan untuk melaksanakan semula Makmal Pengurusan Nilai memandangkan ianya baru dilaksanakan pada tahun 2016 dan ianya selaras dengan Pekeliling Pelaksanaan Pengurusan Nilai yang dikeluarkan oleh MEA. Kementerian menjangkakan makmal kejuruteraan nilai dapat disiapkan sebelum projek ini ditender secara tender terbuka, yang dijadualkan pada bulan Julai 2019. Apabila kerja-kerja pembesaran dan naik taraf siap kelak, lapangan terbang ini mampu mengendalikan sejumlah 4 juta penumpang setahun dan mampu mengendalikan operasi penerbangan domestik dan antarabangsa.
2. Pada masa ini, Malaysia telah pun mempunyai 6 buah lapangan terbang antarabangsa iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (Senai). Lapangan-lapangan terbang lain termasuk LTSIP adalah

## **NO SOALAN: 54**

lapangan terbang domestik dan berperanan sebagai feeder kepada lapangan terbang antarabangsa.

3. Walaupun LTSIP tidak dikategorikan sebagai lapangan terbang antarabangsa, lapangan terbang ini masih boleh mengendalikan operasi penerbangan antarabangsa berjadual dan tidak berjadual seperti lapangan-lapangan terbang di Melaka, Kuantan dan Ipoh.
  
4. Pada masa ini, LTSIP mengendalikan penerbangan terus sebanyak 182 kali penerbangan seminggu dari Kuala Lumpur, Kota Kinabalu, Kuching, Subang, Pulau Pinang dan Melaka. Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan AirAsia menyediakan perkhidmatan penerbangan terus dari KLIA ke LTSIP dengan jumlah kekerapan keseluruhan sebanyak 70 kali seminggu. Manakala Firefly dan Malindo Air menyediakan perkhidmatan penerbangan dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah Subang ke LTSIP dengan kekerapan sebanyak 89 kali seminggu. AirAsia turut menyediakan penerbangan terus dari Kota Kinabalu dan Kuching ke LTSIP dengan jumlah kekerapan masing-masing sebanyak 3 kali seminggu. Di samping itu, Firefly turut menyediakan perkhidmatan penerbangan bagi laluan Pulau Pinang ke LTSIP dengan kekerapan sebanyak 14 kali seminggu. Malindo Air menyediakan perkhidmatan penerbangan bagi laluan Melaka ke LTSIP dengan kekerapan sebanyak 3 kali seminggu.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 55**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK HJ. BASHIR BIN HJ. ALIAS  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Hj. Bashir bin Hj. Alias** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah dan tindakan yang akan diambil untuk menambah baik kemudahan balai-balai serta kuarters polis khususnya di Wilayah Persekutuan Labuan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Di bawah pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Wilayah Persekutuan (WP) Labuan, terdapat 3 buah balai polis yang berusia di bawah 10 tahun dan masih berkeadaan baik, selamat dan selesa untuk digunakan iaitu:

- i) Balai Polis Lubuk Temiang (2010);
- ii) Balai Polis Bebuluh (2011); dan
- iii) Balai Polis Ranca Ranca (2010).

Bagi tahun 2019, sebanyak RM170,000.00 di bawah peruntukan mengurus telah diperuntukkan kepada IPD WP Labuan dan Balai Polis Labuan yang terletak di dalam kawasan yang sama bagi kerja-kerja pembaikan berikut:

- i) Kerja-kerja pembaikan pejabat Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) di IPD WP Labuan dengan peruntukan sebanyak RM150,000.00: dan
- ii) Kerja-kerja pembaikan dan pendawaian elektrik di Pejabat Pegawai Penyiasat Bahagian Siasatan Komersil Daerah dengan peruntukan sebanyak RM20,000.00.

Bagi tahun 2019, kuarters IPD WP Labuan Sabah telah diperuntukkan sebanyak RM800,000.00 di bawah peruntukan pembangunan bagi penggantian dua (2) unit lif yang telah berusia 14 tahun. Cawangan Kejuruteraan Mekanikal Jabatan Kerja Raya telah melakukan pemeriksaan

## **NO SOALAN: 55**

lif-lif tersebut pada 21 Mac 2019 dan kerja-kerja penggantian akan dilakukan dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 56**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN ASMAK BINTI HUSIN  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Puan Asmak Binti Husin** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah bentuk pencegahan yang disediakan untuk pelajar sekolah rendah yang terlibat dengan bahan khayal seperti air ketum dan lain-lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sangat komited dalam usaha pencegahan penggunaan dadah termasuk bahan khayal seperti air ketum dan lain-lain dalam kalangan murid sekolah. Sekalipun strategi utama KPM dilihat lebih tertumpu kepada usaha pencegahan dadah, KPM tidak mengabaikan malah turut mengesampingkan usaha pencegahan dan intervensi bahan khayal dan air ketum yang menjadi tabiat baharu segelintir belia secara implisit dan eksplisit dalam program pencegahan dadah agar murid sekolah rendah dan menengah tidak terpengaruh dengan gejala tersebut.

Bagi tujuan tersebut, KPM melaksanakan program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) yang melibatkan aktiviti dalam dan luar bilik darjah menerusi kurikulum, kokurikulum serta pembangunan sahsiah. Semua sekolah mempunyai jawatankuasa PPDa yang akan menyelaras pelaksanaan aktiviti PPDa sepanjang tahun. Antara inisiatif Jawatankuasa PPDa yang dilaksanakan di sekolah adalah seperti berikut:

1. Mesej 5 minit;
2. Sambutan Minggu Anti Dadah;
3. Bilik / Laluan PPDa;
4. Pengajaran PPDa dalam subjek Kesihatan; dan
5. Program Skim Lencana Anti Dadah (SLAD).

## NO SOALAN: 56

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM juga memberi bekerjasama kepada Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) melaksanakan program pencegahan melalui program berstruktur yang utama agensi tersebut iaitu:

1. Program Keluarga Bebas Dadah, khususnya program *Family on Alert* (FOA). Pengisian program ini terdiri daripada ceramah antidadah dan keibubapaan, pameran antidadah, aktiviti berkumpulan dan tayangan video mengenai bahaya dadah.
2. Program Institusi Pendidikan Bebas Dadah yang terdiri daripada Program Intelek Asuhan Rohani (PINTAR) bagi sekolah rendah, Program Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya (SHIELDS) bagi pelajar sekolah menengah dan *Tomorrow's Leader* pelajar universiti sebagai langkah pencegahan awal kepada pelajar-pelajar sekolah di peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi.
3. Program Sukses, Matang, Aktif, Rasional, Tanggungjawab (SMART) dilaksanakan untuk membimbing dan mendidik belia bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta kesedaran tentang bahaya dadah dan cara hidup yang positif.

Selain daripada itu, KPM juga telah mengadakan kerjasama menerusi Program Gerak Sedar Bersepadu (PROGRES). Menerusi program ini lebih banyak agensi yang dilibatkan. Agensi seperti FELDA, PDRM, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Belia, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah berbincang untuk meningkatkan aktiviti masing-masing di luar kawasan sekolah dan di persekitaran tempat tinggal

## **NO SOALAN: 56**

murid khususnya di kawasan yang berisiko yang telah dikenal pasti oleh AADK. Ujian Urin untuk murid sekolah menengah adalah antara program yang dilaksanakan melalui kerjasama tersebut.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 57**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN SITI FATIMAH BINTI YAHAYA  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Puan Siti Fatimah binti Yahaya** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap kemajuan kerja projek baik pulih jalan ke perkampungan Orang Asli Pos Lenjang, Daerah Lipis, Pahang yang telah diserahkan kepada Angkatan Tentera Malaysia untuk dilaksanakan secara jiwa murni sebelum ini.

## **NO SOALAN: 57**

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Projek menaik taraf Jalan Kampung Orang Asli dari Pos Betau ke Pos Lenjang, Pahang, pada asalnya merupakan salah satu projek yang diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM15 juta secara tender terhad namun ditangguhkan pelaksanaannya susulan daripada arahan Kementerian Kewangan bertarikh 29 Jun 2018 di mana projek-projek yang diluluskan hendaklah dilaksanakan secara tender terbuka.

Lanjutan itu, projek ini telah dipertimbangkan semula oleh Kementerian Kewangan dan pelaksanaan projek ini diteruskan dengan kaedah tender terbuka dengan menggunakan peruntukan sedia ada iaitu sebanyak RM15 juta dan tidak dilaksanakan secara Jiwa Murni.

Projek ini akan dilaksanakan secara berfasa iaitu untuk fasa pertama dianggarkan 20 km dengan menggunakan Piawai Jalan Perhubungan Desa dan seterusnya didaftarkan dalam senarai MARRIS (Sistem Maklumat Rekod-rekod Jalan Raya Malaysia) untuk tujuan penyelenggaraan. Fasa kedua projek ini akan dilaksanakan setelah peruntukan diluluskan dan tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa Kerajaan. Projek ini masih dalam peringkat rekabentuk konsep dan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Projek ini dijangka akan mula dilaksanakan pada penghujung tahun 2019.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 58**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK HAJI HUSAM BIN MUSA**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Haji Husam Bin Musa** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menggunakan CCTV berkuasa tinggi dan kamera badan untuk setiap anggota Polis, Kastam, Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan lain-lain anggota penguat kuasa dalam usaha mengawal penyeludupan yang mengancam kehidupan sosial dan keselamatan di sempadan serta langkah-langkah baharu yang lain bagi tujuan itu.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) telah dinaiktaraf sebagai Agensi Kawalan Sempadan Malaysia pada Mei 2016. Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) [Akta 799] telah diwartakan pada 29 Disember 2017.

Kerajaan memandang serius akan isu keselamatan seperti penyeludupan yang secara tidak langsung dapat mengancam kehidupan sosial dan keselamatan penduduk di sempadan Negara. Kerajaan sentiasa peka dengan keadaan keselamatan di sempadan Negara selain telah merangka kaedah dan langkah-langkah pencegahan yang akan melibatkan kesemua Agensi Penguatkuasaan di sempadan Negara contohnya melalui pelaksanaan Operasi Bersepadu dan Ops Wawasan di kawasan sempadan darat Negara.

Di antara langkah-langkah kerajaan dalam menangani isu keselamatan di sempadan Negara adalah dengan memperkukuhkan peralatan dan kemudahan kepada Anggota Penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Kastam Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, AKSEM dan lain-lain Agensi berkaitan.

Kerajaan mengambil maklum dan sentiasa bekerjasama dengan Organisasi yang menawarkan kepakaran dalam bidang teknologi keselamatan termasuk peralatan CCTV berkuasa tinggi dan kamera badan. Kerajaan juga

## **NO SOALAN: 58**

telah merangka beberapa pelan bagi menambah baik peralatan dan kemudahan seperti CCTV berkuasa tinggi, mesin *scanner* dan kamera badan untuk digunakan oleh Anggota Penguatkuasaan di sempadan Negara namun, perolehan bagi peralatan-peralatan tersebut adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan kerajaan.

**NO SOALAN: 59**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DR. YAAKOB BIN SAPARI  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Dr. Yaakob bin Sapari** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk membantu lambakan graduan bidang perubatan dari segi penempatan latihan 'housemanship' dan sebagai Pegawai Perubatan di hospital. Adakah nisbah doktor berbanding penduduk sudah mencukupi.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, KKM telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk mempercepatkan lantikan graduan perubatan dan memendekkan tempoh masa menunggu bagi menjalani latihan siswazah iaitu:

- i. Perubahan dasar pelantikan graduan perubatan secara tetap kepada lantikan secara kontrak bermula Disember 2016. Melalui perubahan dasar ini, penempatan boleh dibuat tidak bergantung kepada perjawatan tetapi bergantung kepada kekosongan slot latihan. Hasil daripada perubahan dasar ini, slot latihan siswazah di KKM telah dapat ditingkatkan daripada 10,835 pada tahun 2013 kepada 11,913 pada tahun 2019.
- ii. Pengambilan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) dibuat pada setiap dua (2) bulan iaitu sebanyak enam (6) kali dalam tempoh setahun.
- iii. Bilangan Hospital Latihan Siswazah (HLS) dipertingkatkan daripada 38 buah HLS pada tahun 2009 kepada 47 buah HLS pada tahun 2018.
- iv. Bilangan penempatan alternatif ditambah daripada 5 penempatan kepada 9 penempatan di Klinik-klinik Kesihatan dan Institusi Kesihatan Mental;

## **NO SOALAN: 59**

- v. Pelaksanaan moratorium bagi Penawaran Kursus Baru Bidang Perubatan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara dilanjutkan selama 5 tahun sehingga tahun 2021; dan
- vi. Perkhidmatan kepakaran di hospital sedia ada dipertingkatkan melalui penempatan pakar-pakar baru dan sedia ada di KKM bagi membolehkan mereka bertindak sebagai penyelia kepada PPS berkenaan.

Pada tahun 2017, nisbah doktor kepada penduduk adalah 1 doktor perubatan kepada 554 penduduk Malaysia. Nisbah ini menunjukkan penambahbaikan berbanding pada tahun 2002 iaitu 1 doktor kepada 1,406 penduduk Malaysia. Ini adalah berikutan daripada peningkatan peratusan doktor (Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan bukan KKM) berbanding keseluruhan doktor yang berkhidmat di seluruh Negara.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 60**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK THEODORE DOUGLAS LIND  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Theodore Douglas Lind** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bilakah **PETRONAS** akan menambah pembayaran royalti kepada Kerajaan Negeri Sabah daripada 5% ke 20% seperti mana dijanjikan dalam manifesto Pakatan Harapan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, persoalan yang dibangkitkan ini merupakan antara perkara yang dibincangkan dalam Jawatankuasa Khas Kabinet (Pemandu) bagi Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.
2. Sehingga kini, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak dua (2) kali iaitu pada 17 Disember 2018 dan 5 Mac 2019. Mesyuarat pada 17 Disember 2018 antara lain bersetuju supaya isu petroleum dibincangkan dalam forum berasingan memandangkan isu ini amat kompleks dan melibatkan banyak pihak berkepentingan yang perlu diberi pertimbangan.
3. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu pada 5 Mac 2019 pula memutuskan supaya forum berasingan ini menggunakan forum sedia ada yang sedang berlangsung antara Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam membincangkan penyelesaian secara komersil. Perbincangan bersama Kerajaan Negeri Sabah pula akan diadakan selepas selesainya perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sarawak.
4. Forum ini akan dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan YAB Ketua Menteri Sabah/Sarawak. Keahlian

## NO SOALAN: 60

forum berasingan ini adalah terdiri daripada wakil-wakil seperti berikut:

- (i) Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA);
  - (ii) Kementerian Kewangan Malaysia (MOF);
  - (iii) Jabatan Peguam Negara (AGC);
  - (iv) Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS);
  - (v) Kerajaan Negeri Sarawak;
  - (vi) Kerajaan Negeri Sabah; dan
  - (vii) BHEUU, JPM sebagai Urus setia.
5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop forum berasingan ini akan menumpukan kepada tiga (3) perkara iaitu:-
- (i) Penyelesaian komersial bersama PETRONAS;
  - (ii) Royalti atau bayaran tunai; dan
  - (iii) Cukai termasuk duti eksport dan cukai jualan.
6. Hasil perbincangan dan syor daripada forum berasingan ini akan diangkat terus kepada Jawatankuasa Khas Kabinet (Pemandu) MA63

## **NO SOALAN: 60**

untuk pertimbangan dan persetujuan.

7. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mesyuarat pertama telah menetapkan supaya satu Laporan Interim dibentangkan dalam tempoh 4 bulan manakala Laporan Akhir akan disediakan dalam tempoh 6 bulan dari mesyuarat pertama jawatankuasa khas ini.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 61**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' DR. ANANTHAN A/L**  
**SOMASUNDARAM**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik persaraan wajib dan pilihan dalam kalangan guru dari tahun 2017 hingga 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa jumlah guru yang telah bersara di bawah kategori bersara wajib bagi tahun 2018 adalah seramai 4,374 orang. Pada tahun 2019 pula seramai 2,544 orang telah dan akan bersara. Manakala, pada tahun 2020, seramai 3,267 orang guru akan bersara wajib.

Bagi kategori bersara pilihan, jumlah guru yang memilih untuk bersara pilihan adalah bergantung kepada permohonan. Pada tahun 2017 adalah seramai 4,110 orang. Manakala pada tahun 2018 pula seramai 4,559 orang. Untuk makluman, sehingga 4 April 2019, seramai 1,998 orang guru telah momohon untuk bersara pilihan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 62**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' FAHARIYAH BINTI HJ MD**  
**NORDIN**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Dato' Fahariyah Binti Hj Md Nordin** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah saman kesalahan jalan raya yang dilakukan oleh warga asing dan bagaimana Kerajaan memastikan kutipan saman ini dilangsaikan sebelum mereka meninggalkan Malaysia.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah saman kesalahan jalan raya yang dilakukan oleh warga asing yang telah diambil tindakan oleh JPJ untuk tempoh tiga tahun adalah seperti berikut :

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH SAMAN</b>	<b>JUMLAH KES SELESAI</b>	<b>JUMLAH HASIL KUTIPAN (RM)</b>
2016	47,265	20,525	3,014,916.00
2017	51,850	20,637	2,904,098.00
2018	50,150	18,616	2,707,445.00
<b>KESELURUHAN</b>	<b>149,265</b>	<b>59,778</b>	<b>8,626,459.00</b>

2. Dalam usaha memastikan warga asing melunaskan saman yang telah dikenakan di atas ketidakpatuhan undang-undang jalanraya, pihak Kementerian telah mewujudkan sistem pemantauan dan pemeriksaan di pintu sempadan Negara. Antaranya melalui pelaksanaan Sistem Permit Kemasukan Kenderaan Asing (Vehicle Entry Permit-VEP) yang telah dijalankan di pintu masuk sempadan Malaysia – Singapura.
3. Di bawah peruntukan Seksyen 66H Akta Pengangkutan Jalan 1987 telah menetapkan kewajipan kenderaan asing yang hendak memasuki

## **NO SOALAN: 62**

Negara ini perlu mendaftar melalui Sistem VEP. Sistem ini mewajibkan pemilik kenderaan asing mendaftar maklumat butiran kenderaan mereka sebelum memasuki Negara. Melalui sistem ini, ianya boleh menguatkuasakan kesalahan lalu lintas menghalang kenderaan yang mempunyai saman tertunggak daripada meninggalkan Negara. Pihak Kementerian akan melaksanakan inisiatif yang sama di semua pintu masuk sempadan Malaysia secara berperingkat.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 63**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK MUSTAPA KAMAL BIN  
MOHD YUSOFF  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Mustapa Kamal Bin Mohd Yusoff** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah usaha yang dilakukan di dalam pembangunan produk halal oleh usahawan-usahawan Bumiputra bagi memenuhi permintaan pasaran yang begitu tinggi sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Adalah menjadi tumpuan Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) untuk meningkatkan kepelbagaian produk halal usahawan Bumiputera, melihat kepada potensi industri halal di mana jumlah keseluruhan eksport barangan halal telah mencatatkan peningkatan dari RM26.2 bilion pada tahun 2010 kepada RM43.3 bilion pada tahun 2017. Bagi membantu usahawan Bumiputera, beberapa program telah dipergiatkan oleh MED, antaranya:

**(a) Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP)**

Bertujuan meningkatkan daya saing PKS Bumiputera menerusi bantuan bersepadu yang meliputi persijilan halal, khidmat nasihat, latihan dan sokongan kewangan. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan bantuan kewangan yang diberikan adalah dalam bentuk geran bersamaan. Untuk tempoh 2014 sehingga 31 Januari 2019, sejumlah 1,995 kelulusan telah diberikan melibatkan geran berjumlah RM189 juta.

**(b) Program Pementoran PKS**

SME Corp dan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) dengan kerjasama syarikat multinasional telah melaksanakan Program Pementoran PKS bertujuan untuk membangun,

## **NO SOALAN: 63**

meningkatkan keupayaan dan menambah baik prestasi perniagaan PKS tempatan dalam industri makanan dan minuman Halal di Malaysia, bagi membolehkan mereka bersaing di pasaran global. Sehingga kini sebanyak 570 PKS telah menyertai dan mendapat manfaat daripada program ini.

### **(c)Program *Pembiayaan TEKUN***

TEKUN Nasional berperanan sebagai institusi kewangan yang menyediakan kemudahan pembiayaan kepada usahawan kecil Bumiputera sebagai modal untuk memulakan dan memperkembangkan perniagaan. Jumlah pembiayaan yang ditawarkan adalah dari RM1,000 sehingga RM100,000. Manakala tempoh bayaran balik pembiayaan di antara 6 bulan sehingga 10 tahun dengan kadar keuntungan sebanyak 4%. Sejak dari tahun 1998 sehingga 31 Mac 2019, TEKUN telah menyalurkan pembiayaan sebanyak RM5.4 bilion kepada 425,264 orang usahawan.

### **(d)Program *Showcase Satu Daerah Satu Industri (SDSI)***

Di bawah MED, program SDSI kini lebih bersasar ke arah memasarkan produk halal PKS dan mikro PKS serta koperasi di peringkat daerah dan negeri ke pasaran yang lebih luas melalui sesi pepadanan perniagaan yang telah diadakan dengan syarikat peruncitan tempatan dan pasar raya besar. Dua siri SDSI telah dilaksanakan setakat ini iaitu SDSI Perak pada 19-20 Januari 2019

## **NO SOALAN: 63**

(jualan sebanyak RM4.4. juta) dan SDSI Terengganu (RM6.9 juta) pada 15-16 Februari 2019. Siri SDSI ini akan diteruskan ke negeri-negeri lain bagi membantu mempromosi produk-produk IKS di setiap negeri.

### **(e)Ekspo Halal Malaysia 2019**

Ekspo HALAL Malaysia 2019 telah diadakan buat julung kalinya pada 24 - 26 Januari 2019 khusus untuk meneroka pasaran Jepun sempena Sukan Olimpik Jepun 2020. Sepanjang tiga (3) hari acara ini berlangsung, sebanyak 223 Sesi Pemandangan Perniagaan telah direkodkan dengan 144 PKS telah mengambil bahagian yang menjana potensi jualan sebanyak RM135 juta.

### **(f) Program Pembangunan Halal Koperasi**

Bagi membantu koperasi meneroka pasaran halal yang lebih luas, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menyelaras penyertaan koperasi ke pelbagai expo dan pameran halal di peringkat tempatan dan antarabangsa seperti Malaysia International Halal Showcase (MIHAS), China-Asean Expo (CAEXPO) di Nanning, China dan Karnival Halal Usahawan Malaysia (MEHC) di Bosnia & Herzegovina. Sebagai contoh, Koperasi Usahawan Groombig Kedah Berhad (KuGerak) telah memeterai dua perjanjian persefahaman dengan Senegal Trade House dan Asian Bridge International Co. Ltd (Jepun) dengan nilai potensi jualan sebanyak RM1 juta dan RM500 ribu setiap satu hasil penyertaan dalam

## NO SOALAN: 63

Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) 2019 pada 3 hingga 6 April 2019.

Tuan Yang Dipertua,

2. Fokus MED juga ke arah pembangunan sumber bahan utama dalam penghasilan produk-produk halal bagi meningkatkan kepelbagaian produk halal usahawan Bumiputera. Antara langkah yang sedang diusahakan MED ialah untuk menghasilkan industri pembuatan gelatin halal pada skala besar di Malaysia dengan penglibatan sektor swasta. Ia kelak bakal menjadi *game changer* kepada landskap industri halal di negara khususnya dalam sektor makanan dan minuman (F&B), penjagaan kesihatan dan farmaseutikal. Perbincangan awal telah diadakan dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan beberapa negara pengeksport lembu terbesar bagi merealisasikan hasrat ini dengan kadar segera.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 64**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' ISA BIN AB. HAMID  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Dato' Isa Bin Ab. Hamid** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapakah SMK Orang Asli RPS Kuala Betis, Gua Musang masih belum dibuka sehingga kini sedangkan ianya telah lama dibina.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan terus memastikan murid berkeperluan khusus, seperti murid peribumi dan kumpulan minoriti yang lain seperti Orang Asli dan Penan, tidak tercicir daripada mendapatkan peluang pendidikan berkualiti tinggi yang relevan dengan keperluan mereka.

Berkaitan dengan projek Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Betis, Gua Musang, pelaksanaan projek telah bermula pada 6 Oktober 2016 dan dijangka siap pada 23 Mei 2019. Sehingga 7 Mac 2019, prestasi fizikal projek adalah 89.97 peratus.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 65**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L**  
**A.ACHYUTHAN NAIR**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan adakah Kementerian dapat memastikan kaji selidik kebersihan atau penilaian risiko bagi semua tadahan air telah dijalankan di negara ini. Apakah keputusan atau penemuan daripada kaji selidik dan penilaian yang telah dijalankan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Isu berkenaan dengan kebersihan air melibatkan beberapa Kementerian atau agensi, antaranya adalah :

- 1) Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH);
- 2) Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC); dan
- 3) Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli (KATS).

Antara tindakan KATS melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam isu kebersihan atau penilaian risiko bagi semua tadahan air adalah:

- 1) **Melaksanakan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM)** yang bertujuan untuk mencapai empat (4) objektif utama, iaitu Memastikan Air Mencukupi, Memastikan Air Bersih, Mengurangkan Risiko Banjir dan Meningkatkan Pemuliharaan Alam Sekitar.

Dalam kajian ini, perkara-perkara yang dilaporkan bagi mencapai objektif yang kedua iaitu memastikan air bersih adalah seperti berikut:

- 1) Punca-punca pencemaran utama di dalam lembangan sungai;
- 2) Cadangan penyelesaian langkah-langkah struktur dan bukan struktur; dan
- 3) Agensi pelaksana yang bersesuaian mengikut bidang kuasa dan undang-undang.

## NO SOALAN: 65

Secara keseluruhannya, kajian ini dilaksanakan bagi tiga puluh lima (35) lembangan sungai dari 189 lembangan sungai utama di seluruh Malaysia sehingga RMKe-11.

- 2) **Menggubal Rang Undang-Undang Sumber Air (RUU SA).** RUU SA bertujuan untuk menyeragamkan undang-undang pengurusan sumber air yang termasuk penjagaan sungai di seluruh negara. Ini merupakan salah satu usaha Kementerian dalam melengkap dan mengukuhkan penguatkuasaan kawalan pencemaran dari segi perundangan dan dilihat akan membawa kepada pembangunan Negara yang mapan di mana wujudnya sungai yang bersih, air yang mencukupi, selamat serta persekitaran yang kondusif untuk kehidupan. Pemakaian RUU SA di peringkat negeri akan dapat memastikan kualiti sumber air dipelihara.
- 3) **Melaksanakan *National Water Balance Management System (NAWABS)*.** Program ini melibatkan kajian sumber air, keperluan sumber air, pemodelan dan seterusnya pembangunan sistem. Objektif program ini adalah membantu pihak Pengurusan Sumber Air Negeri dalam menyediakan ketersediaan maklumat sumber air secara real time. Dengan adanya maklumat ini, ia menepati objektif utama Dasar Sumber Air Negara 2012 iaitu Jaminan dan Kelestarian Sumber Air harus dijadikan keutamaan negara bagi memastikan air mencukupi dan selamat untuk semua, melalui penggunaan secara lestari, pemuliharaan dan pengurusan sumber air berkesan dengan disokong oleh mekanisme perkongsian bersama melibatkan semua pihak berkepentingan.

## NO SOALAN: 65

Perkara berkaitan dengan pengurusan sumber air terletak di bawah bidang kuasa negeri selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Setiap negeri mempunyai perundangan berkaitan sumber air yang tersendiri.

Tuan Yang-di-Pertua, berdasarkan Rancangan Fizikal Negara (RFN) yang telah dikeluarkan oleh PlanMalaysia, sumber air boleh diperolehi daripada empat (4) punca iaitu :

- (i) Lembangan Sungai;
- (ii) Air Bumi;
- (iii) Sungai; dan
- (iv) Badan Air.

Dengan kepesatan pembangunan negara, terdapat pelbagai guna tanah ketika ini yang melibatkan keempat-empat sumber air yang dinyatakan di atas. Ada di antaranya yang telah dibangunkan sebagai kawasan penempatan, kawasan perindustrian, kawasan pertanian dan sebahagian lagi masih kekal sebagai kawasan berhutan terutamanya kawasan yang telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK). Sehingga 31 Disember 2018, kawasan seluas 809,823 ribu hektar daripada HSK telah diwartakan sebagai Hutan Tadahan Air di bawah Seksyen 10, Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] di mana ia berada di bawah kawalan Jabatan Perhutanan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 67**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN SOPIAH BINTI SHARIF  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Puan Sopiah binti Sharif** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian akan benar-benar mengharamkan penggunaan lampu 'xenon' kereta (xenon headlights) yang menyumbang kepada kemalangan di atas jalan raya pada waktu malam.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, penggunaan apa-apa jenis lampu termasuk lampu 'xenon' pada kenderaan perlu memenuhi spesifikasi yang telah ditetapkan oleh undang-undang sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedah-kaedah Kenderaan Bermotor (Pembuatan dan Penggunaan) 1959.
2. Penggunaan lampu nyahcas gas yang menunjukkan cahaya ke hadapan perlu di buat dan di pasang mematuhi spesifikasi peraturan UN R48 atau MS303, UN R98 dan UN R99.
3. Oleh itu, pemasangan lampu-lampu secara retrofit yang tidak mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan pada sesebuah kenderaan boleh mendatangkan bahaya pada pengguna jalan raya yang lain. Sebagai contoh, jika lampu yang dipasang kemudian itu tidak mematuhi spesifikasi sudut pancaran cahaya pada setiap keadaan beban dalam kenderaan, ia boleh menyebabkan cahaya yang dipancarkan terlalu tinggi atau terlalu ke kanan hingga mampu menyilaukan pemandu dari arah bertentangan dan ini boleh meningkatkan risiko untuk terlibat dalam kemalangan jalan raya.
4. Malah, menurut spesifikasi yang telah ditetapkan, lampu-lampu yang mempunyai kadar pancaran yang melebihi 2000 lumen adalah dikehendaki untuk dilengkapi dengan "auto-headlamp leveling device",

## **NO SOALAN: 67**

"headlamp cleaner" dan beberapa fungsi-fungsi automasi yang lain.

5. Secara rumusan, penggunaan lampu 'xenon' dibenarkan selagi ia memenuhi spesifikasi yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Namun, penguatkuasaan yang menyeluruh diperlukan bagi memastikan penyalahgunaan lampu tersebut dapat dikurangkan. Pihak PUSPAKOM turut menyediakan alatan untuk menguji pancaran cahaya pada lampu hadapan utama kenderaan agar mematuhi spesifikasi dan selamat digunakan di jalan raya.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 68**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilangan terkini Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negara sehingga Mac 2019 dan bagaimana usaha penyusunan semula PPK ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Pertubuhan Peladang (PP) mengamalkan struktur tiga (3) peringkat iaitu Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS). Objektif penubuhan Pertubuhan Peladang adalah untuk meningkatkan taraf ekonomi dan sosial, menambah pengetahuan dan kemahiran, meninggikan hasil dan pendapatan, membaiki cara hidup ahli-ahli serta mewujudkan masyarakat peladang yang progresif, berdikari, makmur dan bersepadu.

Setakat ini, bilangan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) adalah sebanyak 279 di seluruh negara. Dalam membangunkan Pertubuhan Peladang dan ahlinya, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sentiasa memastikan ianya selari dengan Dasar dan Halatuju kerajaan selaras dengan seksyen 4, Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 110) disamping memberi tumpuan kepada pemantapan Urus Tadbir Korporat Pertubuhan Peladang dengan menggunakan dan menguatkuasakan peruntukan undang-undang sedia ada.

PPK berperanan untuk memajukan ekonomi dan sosial Pertubuhan Peladang dan ahli-ahlinya (Seksyen 6 Akta 109). Selaras dengan fungsi PPK ini, LPP telah meneliti dan mengenalpasti PPK yang berpotensi agar model-model perniagaan yang terbukti berjaya dapat direplikasi dan diadaptasikan.

## NO SOALAN: 68

Melalui pendekatan ini, PPK akan lebih menjurus kepada aktiviti perniagaan yang berdaya saing dan membangunkan usahawan peladang. Selain daripada penglibatan di projek huluan, PPK juga akan lebih fokus dalam aktiviti hiliran agar produk2 keluaran PPK dan ahli lebih mempunyai nilai tambah.

Aktiviti ekonomi PPK turut diperkukuhkan melalui penglibatan PPK dalam aktiviti "*value chain*" yang lengkap dalam aktiviti pengeluaran, pemprosesan dan pasaran sayuran dan buah-buahan. Dalam masa yang sama fungsi Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian menjadi lebih efisien. Melalui pendekatan ini, hasil pengeluaran ladang dapat terus dipasarkan tanpa melalui lapisan manipulasi orang tengah. Program-program yang berjaya ini akhirnya akan memberi impak yang positif kepada peladang dalam aspek meningkatkan taraf hidup mereka.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 69**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' CHAI KIM SEN  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Dato' Chai Kim Sen** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah strategi kolektif yang digariskan oleh Kementerian bagi meningkatkan prestasi perdagangan dan pelaburan domestik dan asing serta apakah sektor terbaharu yang dilihat berpotensi untuk menarik lebih ramai pelabur untuk melabur di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelbagai strategi telah dan sedang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan prestasi perdagangan serta pelaburan domestik dan asing yang berkualiti tinggi. Ini termasuklah:
  - (i) Mengkaji semula dan menambah baik dasar dan strategi perdagangan dan pelaburan negara serta memperkukuhkan kemudahan perniagaan supaya menjadi lebih kompetitif dan dapat bersaing dengan negara-negara lain khususnya di rantau ini;
  - (ii) Memperkenalkan “pendekatan berfokus” dan “pendekatan ekosistem” dalam usaha untuk menarik pelaburan-pelaburan berkualiti tinggi dengan memberi penekanan kepada industri bernilai tambah tinggi, berteknologi tinggi serta penyelidikan dan pembangunan sektor-sektor yang berintensifkan eksport, modal dan pengetahuan;

## NO SOALAN: 69

- (iii) Meneruskan dasar pelaburan yang liberal dan mesra pelabur seperti pemilikan 100 peratus ekuiti asing bagi semua projek dalam sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan terpilih, serta kebebasan untuk menghantar pulang hasil pelaburan termasuk modal, keuntungan dan dividen. Malaysia juga telah menandatangani Perjanjian Jaminan Pelaburan (*Investment Guarantee Agreements - IGAs*) dengan lebih daripada 60 buah negara yang tujuan utamanya adalah bagi meningkatkan keyakinan pelabur asing bahawa pelaburan mereka di Malaysia adalah terjamin;
  
- (iv) Memanfaatkan Komuniti Ekonomi ASEAN atau *ASEAN Economic Community* (AEC) dengan izin, dan Perjanjian Perdagangan Bebas atau *Free Trade Agreements* (FTAs) dengan izin, untuk menjadikan Malaysia sebagai hub perdagangan dan pelaburan. Selain itu, Kerajaan juga akan terus memperkukuhkan hubungan baik dengan Pertubuhan Perdagangan Dunia atau *World Trade Organisation* (WTO) dengan izin, sejak penyertaan Malaysia sebagai ahli WTO bagi memastikan aspek fasilitasi perniagaan dan pelaburan di negara ini dapat dipertingkatkan serta terjamin;

## NO SOALAN: 69

- (v) Mensasarkan pertumbuhan baharu dalam sektor perkhidmatan yang bernilai tambah tinggi, berintensifkan pengetahuan, sektor yang menyumbang kepada peningkatan eksport dan yang menjana peluang-peluang pekerjaan berkualiti. Ini adalah selaras dengan aspirasi Malaysia untuk menjadi negara maju dan inklusif. Projek yang disasarkan adalah pertumbuhan global (*global establishment*) seperti hab prinsipal, pelancongan, penjagaan kesihatan, logistik, minyak dan gas, teknologi hijau, “*e-fulfilment*” dan penyenggaraan, membaiki dan baik pulih atau dengan izin *maintenance, repair and overhaul* (MRO) – aeroangkasa dan perkapalan, teknologi maklumat dan komunikasi (*information and communications technology* – ICT), pendidikan dan perkhidmatan profesional;
  
- (vi) Penganjuran misi-misi perdagangan dan pelaburan ke luar negara oleh MITI dan agensi-agensi di bawah MITI seperti Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dalam usaha memperluaskan akses pasaran produk dan perkhidmatan Malaysia serta menarik pelaburan baharu berkualiti tinggi ke dalam negara;

## NO SOALAN: 69

- (vii) Membangunkan rantaian bekalan dengan melengkapkan hubungan rantaian industri samada industri hulu dan sedia ada dan industri hiliran yang baru. Antara langkah-langkah Kerajaan untuk mencapai hasrat tersebut adalah dengan menganjurkan persidangan pembekal-pembekal industri atau *supply chain conferences* dengan izin, dan juga penganjuran program-program pembangunan vendor. Langkah-langkah ini dapat membantu pelabur-pelabur asing dalam *business matching* dengan izin, untuk memulakan projek usahasama dengan syarikat-syarikat tempatan. Syarikat-syarikat tempatan juga akan turut mendapat peluang bagi akses pasaran produk dan perkhidmatan mereka ke pasaran-pasaran domestik dan antarabangsa; dan
- (viii) Menganjurkan program-program *media engagement* dengan izin, dan publisiti di dalam serta luar negara melalui laman web kementerian dan agensi yang berkaitan. Ini juga adalah bagi mengemaskinikan komuniti perniagaan antarabangsa dengan maklumat dan potensi pelaburan dan perdagangan serta dasar-dasar dan insentif-insentif yang terkini.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Revolusi Perindustrian 4.0 merupakan trend mega terkini yang dimanfaatkan oleh Kementerian, di samping pendekatan ekosistem dalam aktiviti penggalakkan pelaburan. Sehubungan ini, Kerajaan telah melancarkan Dasar Kebangsaan mengenai Industri 4.0 (*Industry4WRD*), 2018-2025. Dasar ini dilancarkan sebagai respon

## NO SOALAN: 69

Malaysia kepada revolusi Industri 4.0 yang memfokuskan kepada transformasi keseluruhan sektor pembuatan dan perkhidmatan untuk menjadikannya lebih pintar dan kukuh dengan dipacu tiga faktor utama - manusia, proses dan teknologi.

3. Selaras dengan Kajian Separuh Penggal RMK-11, Kerajaan turut mensasarkan tiga subsektor pemangkin berpotensi tinggi untuk meningkatkan pertumbuhan serta menggalakkan pelaburan berkualiti tinggi dalam sektor perkilangan. Industri-industri tersebut adalah elektrik dan elektronik (*electrical and electronic – E&E*), jentera dan kelengkapan (*machinery and equipment – M&E*) serta kimia dan produk kimia. Dua lagi subsektor berpotensi tinggi yang disasarkan adalah industri aeroangkasa dan peranti perubatan. Subsektor 3+2 ini dipilih berdasarkan kepentingan hubungkaitnya dengan subsektor-subsektor lain. Pengukuhan industri 3+2 ini secara tidak langsung akan menjadi asas untuk menyokong pembangunan ekonomi negara secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Usaha-usaha berterusan Kerajaan dalam memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan yang diyakini dan mempunyai persekitaran perniagaan yang kondusif turut diiktiraf di peringkat antarabangsa. Menurut Laporan Bank Dunia 2019, kedudukan Malaysia sebagai negara paling berdaya saing telah meningkat kepada kedudukan ke-15

## **NO SOALAN: 69**

(berbanding tempat ke-24 pada tahun 2018) di kalangan 190 negara. Kedudukan terbaharu ini meletakkan Malaysia di hadapan negara-negara seperti Finland (17), Australia (18), Jepun (ke-39), Thailand (27), China (46) dan India (77). Kerajaan berazam untuk memperkukuhkan kedudukan ini bagi memastikan negara terus kekal berdaya saing dalam usaha memacu pertumbuhan ekonomi negara ke peringkat yang lebih tinggi.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 70**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK  
CHEE  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan bagi mencegah isu ijazah palsu dalam kalangan ahli-ahli Kabinet dan adakah tapisan Lembaga Akreditasi Negara akan diwajibkan sebelum sesuatu pelantikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius sebarang urusan yang melibatkan integriti dan pengiktirafan universiti awam (UA) dan institut pengajian tinggi swasta (IPTS). Bagi kes sijil-sijil palsu di UA dan IPTS, KPM bertindak berdasarkan aduan yang diterima menerusi saluran aduan yang telah disediakan. Sehingga hari ini, KPM telah menerima dua (2) kes aduan yang melibatkan pemalsuan Ijazah Kedoktoran (Ph.D) dan tindakan telah diambil dengan membuat laporan kepada pihak berkuasa oleh universiti berkaitan.

Berkaitan dengan itu, pihak berkepentingan termasuk Pihak Berkuasa Melantik (PBM) boleh merujuk Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register, MQR) untuk mendapatkan pengesahan mengenai status sesuatu kelayakan. MQR menyenaraikan maklumat program pengajian yang diakredit oleh MQA dan Nilai Taraf Perkhidmatan Awam tertakluk kepada keperluan yang ditetapkan dalam Skim Perkhidmatan Awam.

Selain itu, status pengiktirafan sesuatu kelayakan yang dianugerahkan oleh PPT di luar negara, boleh dirujuk kepada Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam atau eSisraf yang boleh diakses melalui portal MQR. E-Sisraf merupakan satu sistem yang menyenaraikan pengiktirafan kelayakan dari Institusi Pendidikan Tinggi dalam dan luar negara yang melibatkan pengajian di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Pertama. Justeru,

## NO SOALAN: 70

pihak awam boleh merujuk kepada MQA untuk mendapatkan status pengesahan pengiktirafan kelayakan tersebut.

Antara usaha yang telah diambil untuk menangani isu sijil palsu di UA dan IPTS oleh pihak Kementerian adalah dengan memperkenalkan sistem pemantauan dalaman, sebagai contoh, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) merupakan institusi pengajian tinggi pertama menggunakan Sistem Pengeluaran dan Pengesahan Universiti atau *e-Scroll* yang menggunakan teknologi *Blockchain*.

Proses pengesahan dapat dibuat di seluruh dunia dengan pantas dengan mengimbas kod respon pantas atau kod QR yang dicetak pada ijazah berkenaan. Sistem *e-Scroll* ini turut digunapakai di Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Dengan menggunakan sistem ini, pihak-pihak berkepentingan seperti majikan boleh membuat semakan bagi menentukan kesahihan dan ketulenan sijil tersebut.

Bagi menyokong usaha ini, KPM telah membangunkan sistem pangkalan data bagi Penerima Ijazah Kehormat dan Ph.D diperingkat Kementerian. Pangkalan data ini melibatkan graduan Ph.D UA dan IPTS yang bergraduat di Malaysia sahaja. Sistem ini sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa. Bagi fasa seterusnya, penggunaan sistem ini akan diperluaskan ke peringkat sijil, ijazah sarjana muda dan sarjana di UA dan IPTS dalam negara dan juga kepada pengumpulan data Ph.D dari luar negara. Semakan nama boleh dilayari di pautan berikut <https://dohe.moe.gov.my/award/>.

## **NO SOALAN: 70**

Dalam konteks pengurusan pendidikan tinggi swasta, pihak Kementerian sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bagi memastikan IPTS sentiasa mematuhi akta dan peraturan di bawah Akta 555 (Akta IPTS 1996).

Bagi mengekang penularan kes-kes kelulusan akademik palsu yang semakin menjadi-jadi ketika ini, Kementerian telah mengambil pelbagai inisiatif yang mencakupi langkah-langkah pemantauan dan pencegahan serta tindakan bersifat punitif sekiranya mempunyai keterlibatan IPTS antaranya; bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi menyekat akses ke laman-laman sesawang yang disyak menawarkan atau menjual sijil palsu, perkongsian maklumat dan risikan dengan agensi penguatkuasaan lain, memberi penerangan dari semasa ke semasa kepada masyarakat untuk meningkatkan kesedaran, semakan status program melalui *Malaysia Qualification Agency* (MQA) atau menggalakkan penggunaan teknologi dan ciri-ciri keselamatan terkini bagi menjamin ketulenan sijil dan lain-lain lagi.

Sebarang laporan berhubung perkara ini perlu dibuat kepada pihak PDRM untuk siasatan lanjut menerusi Kanun Keseksaan Malaysia (Akta 574) atau Akta Akuan Berkanun 1960 atau Peraturan 4(2)(f) dan (g) di bawah KDN, Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) bagi yang melibatkan penjawat awam atau mana-mana peruntukan perundangan yang bersesuaian.

## NO SOALAN: 70

Berhubung dengan sijil, diploma, ijazah atau kelulusan akademik yang palsu, tindakan undang-undang boleh diambil melalui peruntukan undang-undang sedia ada, yang antara lainnya adalah seperti yang berikut:

1. di bawah seksyen 77 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*];
2. di bawah seksyen 465 dan seksyen 471 Kanun Keseksaan [*Akta 574*];  
dan
3. dalam Perlembagaan Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] di bawah seksyen 53 Jadual Pertama Akta 30.

Sehubungan dengan itu, peruntukan undang-undang sedia ada adalah mencukupi untuk menangani isu penggunaan sijil, diploma, ijazah atau kelulusan akademik yang palsu di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 71**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Tuan Adrian Banie Lasimbang** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan langkah yang diambil untuk mempercepatkan program Bekalan Air Luar Bandar di Sabah khasnya untuk kampung yang terpencil di Sabah. Apakah alternatif yang diambil selain sistem retikulasi yang lazimnya dibuat oleh Kementerian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mempercepatkan capaian kemudahan bekalan air terawat ke kawasan luar bandar Negeri Sabah adalah dengan mengadakan sesi libat urus bersama pihak UPEN Sabah bagi menyelaraskan dan membuat semak silang senarai projek-projek yang akan dilaksanakan. Kementerian juga telah mewujudkan Jawatankuasa Bersama dengan Kerajaan Negeri Sabah bagi memastikan pelaksanaan projek lebih efisien dan siap dalam jangka masa yang ditetapkan.

Bagi kawasan kampung yang terpencil dan tidak ekonomik untuk dilaksanakan secara sistem retikulasi, pihak Kementerian turut melaksanakan sistem alternatif bagi membekalkan air bersih seperti telaga tiub, telaga terbuka dan juga sistem air graviti. Kementerian juga turut membaikpulih atau mengubah sistem alternatif sedia ada bagi memulihkan dan meningkatkan sistem bekalan air kepada penduduk. Selain itu, Kementerian juga bekerjasama dengan agensi pelaksana lain seperti Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan Kementerian Kesihatan melalui program Bekalan Air dan Kesihatan Alam Sekeliling (BAKAS) bagi menyediakan bekalan air bersih ke kawasan-kawasan terpencil di Negeri Sabah.

**NO SOALAN: 72**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' ONG CHONG SWEN**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Dato' Ong Chong Swen** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah kerjasama konsensus dengan Kementerian lain seperti Kementerian Kerja Raya mengenai masalah tanah runtuh yang disebabkan kontraktor gagal mematuhi garis panduan, dan bagaimanakah Kementerian akan menangani masalah berkaitan bidang kuasa Kementerian lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa bekerjasama secara aktif dengan kementerian dan agensi yang terlibat dalam menangani masalah tanah runtuh akibat kegagalan kontraktor mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan. Kerjasama diperoleh melalui penglibatan Jawatankuasa Antara Agensi Kerajaan Bagi Pengurusan Cerun (ICSM) di mana KPKT memantau melalui Akta, Pekeliling dan garis panduan yang berkaitan dengan cerun. Selain itu, Jabatan Kerja Raya (JKR) terlibat secara langsung dalam membuat siasatan dan kajian forensik sekiranya terdapat kejadian tanah runtuh di kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi menangani masalah kerosakan dan tanah runtuh di semua negeri, KPKT telah mengeluarkan Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi pada tahun 2009. Garis Panduan ini digubal setelah mengambil kira pandangan Kerajaan Negeri, jabatan teknikal seperti JKR dan Jabatan Alam Sekitar (JAS). Garis Panduan ini juga telah diluluskan oleh Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) bagi memastikan semua Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan PBT menggunakan Garis Panduan ini sebelum sesuatu projek pembangunan di kawasan cerun diluluskan.

**NO SOALAN: 72**

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 73**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk John Ambrose** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tentang insiden "transshipment" beras yang telah berlaku di Wilayah Persekutuan Labuan. Bagaimana perkara seumpama ini boleh berlaku yang mungkin akan merugikan pelbagai pihak di kemudian hari.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, aktiviti *transshipment* di Malaysia merupakan aktiviti pemindahan barangan/kargo daripada satu kapal ke kapal yang lain atau pemungghahan kargo daripada kapal ke pelabuhan atau tempat yang dibenarkan untuk simpanan sementara sebelum di pindahkan ke kapal yang lain bagi tujuan menghantar keluar ke negara ketiga di dalam zon kawasan yang sama.

Kementerian mengambil maklum mengenai isu berbangkit terutamanya yang dikemukakan oleh pengusaha *transshipment* lanjutan daripada cadangan pelaksanaan peraturan kawalan *transshipment* dagangan beras di Pelabuhan seluruh negara termasuk Labuan. Kementerian juga menyedari akan kepentingan aktiviti *transshipment* di pelabuhan-pelabuhan seluruh negara terutamanya di Labuan dalam menyumbang pendapatan serta peningkatan ekonomi. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu sampingan dalam pelaksanaan aktiviti *transshipment* dagangan beras yang perlu ditangani sewajarnya seperti kawalan penyeludupan.

Sehubungan itu, Kementerian telah menubuhkan satu Jawatankuasa Bertindak (*Task Force*) yang dianggotai oleh Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Pengangkutan (MOT), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan Kementerian Luar Negeri (KLN)

## **NO SOALAN: 73**

untuk mengkaji serta mengemukakan cadangan berkaitan dengan pelaksanaan *transshipment* dagangan beras di semua pelabuhan negara. Terdapat dua aspek yang akan dinilai dalam membuat keputusan bagi membenarkan pelaksanaan *transshipment* dagangan beras iaitu aspek perundangan dan aspek penguatkuasaan.

Penelitian mengenai segala perkara yang berbangkit sedang dilaksanakan dan dijangka satu keputusan baharu berhubung dengan pelaksanaan *transshipment* dagangan beras akan dikeluarkan dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 74**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Puan Lim Hui Ying** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan langkah-langkah pembaharuan yang telah dilakukan di Lembaga Getah Malaysia sejak Pakatan Harapan menjadi Kerajaan Malaysia. Apakah langkah Kerajaan untuk menambah baik industri getah di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah bagi menambahbaik Lembaga Getah Malaysia (LGM). Antara langkah yang dimaksudkan termasuk penstrukturan semula LGM melalui pengukuhan tadbir urus dan penjenamaan semula bagi memberi fokus terhadap aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) huluan dan hiliran selaras dengan Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996 (Akta 551). Ini adalah bertujuan menghasil dan mempelbagai produk-produk baharu berasaskan getah asli seperti komponen-komponen automotif, bahan seni visual berasaskan lateks dan penyediaan piawaian bagi produk-produk getah. Di samping itu, agensi LGM iaitu Perbadanan Hartanah LGM (LGMPC) akan diperkembang dengan tanggungjawab mengkomersilkan hasil R&D yang dilaksana oleh LGM dan Pusat Penyelidikan Tun Abdul Razak (TARRC) akan diperkukuh dengan peningkatan penyelidikan dan khidmat konsultasi.

Di samping itu, langkah yang sedang dilaksanakan untuk menambah baik industri getah di Malaysia adalah termasuk:

- (a) Menambahbaik Pelaksanaan Mekanisme Penetapan Harga di Ladang dengan memperkasa peranan koperasi sebagai pembeli getah. Menerusi langkah ini, lapisan pembeli akan dikurangkan dan seterusnya dapat meningkatkan harga pembelian getah pada peringkat ladang (*Farm Gate Price*);

## NO SOALAN: 74

- (b) Mempergiat kegiatan promosi produk-produk berasaskan getah Malaysia di peringkat antarabangsa oleh Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia (MREPC). Ini termasuk kategori barang guna habis untuk perubatan (*medical consumables*) seperti sarung tangan getah mempunyai potensi pasaran yang baik di negara-negara yang mempunyai populasi penduduk yang tinggi seperti Amerika Syarikat dan Jerman. Tumpuan promosi pemasaran turut dipergiat di negara-negara seperti China dan India. Pada masa yang sama, komponen automotif, pembinaan dan kejuruteraan juga mendapat permintaan yang baik dari Australia, Indonesia dan Emiriyah Arab Bersatu (UAE);
- (c) Meningkatkan penggunaan getah dalam negara bagi mengukuhkan harga getah jangka sederhana dan panjang. Ini termasuk penggunaan getah dalam pembinaan jalan raya dan penghasilan produk-produk baru dan bernilai tambah berasaskan getah seperti *Seismic Bearing*, sarung tangan getah dan lain-lain. Kerajaan telah memperuntukkan RM100 juta pada tahun ini bagi pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya berasaskan getah daripada *cuplump modified bitumen* (CMB). Rundingan juga sedang dilaksanakan untuk mempromosi potensi penggunaan komponen-komponen berasaskan getah bagi projek mega seperti *East Coast Rail Link* (ECRL); dan
- (d) Mengukuhkan harga getah serta pengeluaran dan penanaman getah jangka panjang menerusi kerjasama antarabangsa iaitu platform *International Tripartite Rubber Council* (ITRC). ITRC telah bersetuju untuk menghadkan kuota eksport getah melalui mekanisme *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) yang Ke-6 kepada 240,000 tan mulai

## **NO SOALAN: 74**

1 April 2019 selama empat bulan. Sejak pengumuman AETS ke-6 oleh ITRC, paras harga Standard Malaysia Rubber 20 (SMR20) *Free on Board* (FOB) telah meningkat sebanyak 18% dari RM 5.21/kilogram pada 31 Disember 2018 kepada RM6.15/kilogram pada 18 April 2019.

Sekian terima kasih.

**NO SOALAN: 75**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Mohan a/l Thangarasu** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan telah disalurkan kepada sekolah-sekolah Tamil sejak mengambil alih Kerajaan dan senarai sekolah yang telah menerima peruntukan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyalurkan peruntukan mengurus bagi semua Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) yang bertaraf Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) untuk menampung perbelanjaan emolumen dan pembayaran bil utiliti tertakluk kepada maksimum RM5,000.00 sebulan atau bil sebenar, yang mana lebih rendah. Selain daripada peruntukan mengurus tersebut, Kerajaan juga menyalurkan bantuan sumbangan modal kepada SBK tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Selain itu, kerajaan juga menyalurkan peruntukan Bantuan Persekolahan kepada SJK dan SMK berbentuk Bantuan Persekolahan Umum, Bantuan Persekolahan Khusus dan Bantuan Persekolahan *one-off* berdasarkan kadar/syarat yang ditetapkan, enrolmen murid di sekolah serta peruntukan yang diluluskan.

Bagi penyelenggaraan, KPM telah membuat agihan sebanyak RM19.4 juta kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) pada tahun 2018. Manakala bagi tahun 2019, peruntukan penyelenggaraan yang telah diluluskan adalah sebanyak RM50 juta. Proses mengenal pasti sekolah terlibat sedang dilaksanakan dan penyaluran akan dibuat setelah senarai sekolah dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 76**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ISMAIL BIN YUSOP  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Tuan Ismail bin Yusop** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi memastikan perkhidmatan awam atau birokrasi mempunyai kelarasan dalam prestasi perkhidmatan sebagai kayu pengukur peningkatan mutu perkhidmatan awam khususnya penjawat awam susulan dari pembubaran agensi PEMANDU tahun lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Masyarakat secara umumnya memahami birokrasi sebagai apa-apa sahaja urusan yang berkaitan dengan kerajaan sama ada kerajaan persekutuan (termasuk semua kementerian, jabatan dan agensi), kerajaan negeri (termasuk anak-anak syarikat kerajaan negeri) dan pihak berkuasa tempatan (PBT). Tidak kira di mana-mana organisasi, birokrasi memastikan organisasi ditadbir dengan baik serta membantu organisasi memberikan perkhidmatan atau menghasilkan produk terbaik dalam masa yang ditetapkan kepada pelanggan (orang ramai). Birokrasi juga memastikan kewujudan hierarki di organisasi yang mempunyai batas-batas kuasa dan arahan yang tertentu dan fungsi-fungsi serta skop tugas tersendiri pada setiap lapisan hierarki tersebut.
2. Birokrasi juga masih dianggap sebagai tabir pemisah antara rakyat (pelanggan) dan kerajaan (sebagai penyedia perkhidmatan) di apabila rungutan/ permasalahan/ isu berkaitan karenah birokrasi atau red-tape ditimbulkan. Pelbagai tindakan dan penambahbaikan telah dilaksanakan secara berterusan oleh kerajaan untuk menangani karenah birokrasi melalui penerapan dasar-dasar kerajaan seperti Dasar Pandang Ke Timur, Dasar Penswastaaan, Wawasan 2020 dan konsep-konsep pentadbiran seperti Bersih, Cekap dan Amanah, Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Kepimpinan dan lain-lain serta penubuhan beberapa organisasi yang memberi fokus dalam meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kerajaan seperti

## **NO SOALAN: 76**

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), SIRIM Berhad (dahulunya dikenali sebagai Standard and Industrial Research Institute of Malaysia), Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) termasuklah penubuhan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU).

3. Ditubuhkan pada tahun 2009, PEMANDU berperanan membangun dan menyelaraskan Program Transformasi Nasional (PTN). PTN menggariskan secara terperinci objektif, keberhasilan dan set tindakan permulaan dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA) bagi menghasilkan perubahan yang diharapkan kepada negara melalui pelaksanaan program pembangunan dan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. PEMANDU telah memberi fokus terhadap pelaksanaan reformasi dalam sektor awam dan ekonomi serta memberikan impak yang positif dalam mengurangkan bilangan kes rasuah dan jenayah serta meningkatkan infrastruktur luar bandar.
4. Dengan merujuk pertanyaan daripada YB Senator berhubung kelarasan birokrasi dan prestasi perkhidmatan awam, komitmen kerajaan untuk memantapkan sistem penyampaian kerajaan tidak terhenti dengan pembubaran PEMANDU. Pada tahun 2018, Pelan Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan Awam telah dibangunkan seiring dengan perkembangan diperingkat global dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi. Pelan yang menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan program pendigitalan penyampaian perkhidmatan kerajaan ini memberi penekanan terhadap transformasi sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat. Sebanyak

## NO SOALAN: 76

enam (6) teras strategik telah digariskan dalam pelan ini seperti yang berikut:

- a) Perkhidmatan Digital Bersepadu Dan Selamat;
- b) Sistem Penyampaian Perkhidmatan Digital Berpacuan Data Penjenamaan, Publisiti Dan Promosi Perkhidmatan Digital;
- c) Tadbir Urus Dan Perundangan;
- d) Pengukuhan Keupayaan Dan Kapasiti; dan
- e) Mengoptimumkan Keberhasilan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Digital.

5. Dengan merujuk kepada teras strategik keenam - Mengoptimumkan Keberhasilan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Digital, ia adalah bertujuan untuk menyesuaikan saiz perkhidmatan awam dengan memanfaatkan pendigitalan secara strategik bagi mengurangkan kaunter dan petugas, mengurangkan kos kepada rakyat dalam berurusan dengan kerajaan serta mengurangkan kos penggajian petugas, pengoperasian dan penyelenggaraan perkhidmatan kaunter bagi pihak kerajaan. Dalam perkara ini, pelaksanaan program seperti berikut akan diberikan perhatian iaitu:

- a) penugasan semula (redeploy) perjawatan yang dikenal pasti ke bidang baharu;
- b) mengurangkan perkhidmatan kaunter secara berfasa;
- c) meningkatkan penggunaan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan secara digital; dan

## NO SOALAN: 76

- d) mengkaji keberkesanan pelaksanaan dan penilaian semula pelan.
6. Kerajaan kini memberi fokus dalam transformasi digital sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat dan industri Dengan menggunakan prinsip Whole-of-Government (WoG), penyampaian perkhidmatan digital kerajaan dilaksanakan secara bersepadu dengan memberi tumpuan terhadap keperluan dan ekspektasi rakyat/industri yang merentasi keseluruhan spektrum kluster perkhidmatan awam. Perkhidmatan digital kerajaan yang seamless turut diperkasakan melalui perkongsian data merentasi agensi sektor awam bagi merealisasikan penyampaian perkhidmatan digital berpacukan data. Dengan berteraskan ekspektasi kehidupan rakyat dari hujung ke hujung (end- to-end), kerajaan telah memperkenalkan perkhidmatan dalam talian di Portal Kerajaan Malaysia ([malaysia.gov.my](http://malaysia.gov.my)) sebagai gerbang tunggal perkhidmatan digital sektor awam atau Government Online Services Gateway (GOSG). Melalui inisiatif GOSG, perkhidmatan yang ditawarkan oleh kementerian/ agensi dikonsolidasikan bagi meningkatkan saling kendali dan kebolehcapaian pelbagai kandungan dan pilihan perkhidmatan. GOSG juga mesra rakyat dan berupaya melonjakkan libat urus rakyat dan perkhidmatan digital kerajaan tanpa tunai.
7. Kerajaan telah membangunkan beberapa sistem aplikasi utama untuk memperkasa pencapaian matlamat sebagai Kerajaan Digital antaranya dalam bidang ekonomi, kehakiman dan perundangan, pengurusan sumber manusia, komunikasi bersepadu dan pengurusan

## NO SOALAN: 76

dokumen. Antara inisiatif yang telah diterjemahkan dalam penyampaian perkhidmatan kerajaan adalah seperti yang berikut:

a) Sistem eRating

Sistem eRating telah mula diguna pakai di agensi awam sejak tahun 2014. Sistem yang digunakan di 134 lokasi di kementerian/ agensi/ jabatan/ Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri/ Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) membolehkan pelanggan membuat penilaian dan memberi maklum balas terhadap kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh petugas kaunter melalui aplikasi ICT. eRating telah membawa imej baru dalam sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan selari dengan tumpuan khusus yang diberikan kerajaan untuk merakyatkan perkhidmatan awam bagi memenuhi kehendak dan ekspektasi rakyat. Pelaksanaan eRating telah mempercepatkan masa memproses maklum balas yang diterima daripada pelanggan, dapat dinilai pada masa sebenar (real-time) dan dilaksanakan secara berterusan. Hasil maklum balas pelanggan membolehkan penambahbaikan terhadap perkhidmatan dilaksanakan dengan segera serta membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan petugas-petugas kaunter.

b) MyGovUC

MyGovUC merupakan perkhidmatan komunikasi dan kolaborasi bersepadu yang diuruskan secara berpusat. Perkhidmatan ini menggabungkan saluran-saluran komunikasi seperti e-mel, persidangan video dan audio, instant messaging dan Sistem

## NO SOALAN: 76

Pengurusan Identiti. Ia turut menyediakan kemudahan perkongsian maklumat melalui Portal Kolaboratif dan portal maklumat awam melalui Portal MyGovUC. Pelaksanaan MyGovUC melalui komunikasi yang diintegrasikan secara kolaboratif telah dapat menjimatkan kos kerajaan di mana semua sektor awam di Malaysia boleh berhubung dan menjayakan sesuatu projek melalui sistem komunikasi yang ditawarkan oleh MyGovUC.

c) e-Filing

Aplikasi e-Filing merupakan sistem yang sememangnya telah terbukti menyumbang kepada peningkatan kutipan hasil kerajaan. Ia membolehkan pembayar cukai membuat pengisian, menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) dan borang anggaran secara dalam talian. Penggunaan e-Filing membantu pembayar cukai daripada melakukan kesilapan pengisian dan pengiraan cukai serta membolehkan pembayaran balik lebihan cukai diterima oleh pembayar cukai dalam tempoh 14 hari sahaja.

d) eKehakiman

Sistem eKehakiman yang dilaksanakan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), JPM merupakan proses end-to-end pendaftaran dan pengurusan kes jenayah dan sivil mahkamah yang dilaksanakan secara digital. Modul utama system iaitu e-Filing dan Case Management System telah terbukti memudahkan proses pendaftaran dan pemprosesan

## NO SOALAN: 76

dokumen serta menjadikan pengurusan kes mahkamah lebih efisien dan komprehensif. Sistem eKehakiman juga membolehkan peguam memfailkan kes mahkamah secara dalam talian. Pengurusan data juga lebih efisien dan selamat apabila data-data perbicaraan dan kes dapat diurus dengan pantas dan mudah serta rekod-rekod perbicaraan dapat dibuktikan secara telus dan jelas.

e) eTanah

Sistem eTanah yang merupakan aplikasi kerajaan elektronik secara bersepadu bertujuan mendigitalkan urusan berkaitan pentadbiran tanah. Melalui sistem ini, orang awam boleh membuat semakan status permohonan, semakan cukai, carian persendirian dan membuat bayaran berkaitan secara dalam talian. Sistem turut menyediakan kaunter single point point of contact (SPOC) bagi memproses pelbagai transaksi selain membolehkan perkongsian data berkaitan pemilikan tanah. Sistem eTanah mula dilaksanakan di Pejabat Tanah dan Galian Kuala Lumpur (PTG KL) mulai pada 19 Jun 2017 secara berperingkat dan telah berjaya mengurangkan tempoh masa pendaftaran hak milik strata dan penggunaan kertas di PTG KL secara drastic.

f) MyMesyuarat

Sistem MyMesyuarat dibangunkan untuk meningkat keberkesanan dan kecekapan pengurusan mesyuarat dan memantau keputusan mesyuarat secara dalam talian.

## NO SOALAN: 76

Pelaksanaan MyMesyuarat yang bercirikan cloud-enable dan capaian 24x7 dapat membantu pemantauan dan pelaksanaan keputusan mesyuarat supaya ia dilaksanakan mengikut ketetapan yang telah dipersetujui. Sehingga bulan Mac 2019, sistem MyMesyuarat telah dilaksanakan di 582 agensi kerajaan dan bilangan tersebut disasarkan meningkat kepada 700 agensi menjelang akhir tahun 2020.

g) Digital Document Management Systems (DDMS)

DDMS telah dibangunkan secara strategik yang merangkumi semua peringkat kitar hayat pengurusan rekod awam bermula daripada pewujudan, penggunaan, penyimpanan, penyelenggaraan dan pelupusan rekod yang dilaksanakan secara elektronik. Sehingga tahun 2018, DDMS telah digunakan di 120 agensi sektor awam yang terdiri daripada 75 agensi persekutuan, tiga (3) agensi kerajaan negeri, 34 Badan Berkanun Persekutuan, tiga (3) Badan Berkanun Negeri, tiga (3) Badan Berkanun Diasingkan Saraan dan satu (1) agensi kerajaan tempatan. Dengan menggunakan DDMS, pergerakan surat/ dokumen dilaksanakan secara elektronik dan tidak memerlukan salinan tambahan. Perkara ini akan menjimatkan penggunaan kertas dan ruang penyimpanan. Apabila sistem DDMS diperluas ke semua agensi sektor awam menjelang akhir tahun 2025, penggunaan kertas dalam pengurusan rekod kerajaan berupaya dikurangkan kepada tahap yang minimum.

## **NO SOALAN: 76**

Pada masa yang sama, pelaksanaan DDMS di agensi tidak memerlukan infrastruktur ICT dan sumber manusia yang khusus kerana ia menggunakan konsep cloud computing. Penggunaan DDMS dalam pengurusan rekod kerajaan telah membolehkan rekod diakses dengan pantas, mengelakkan pembaziran masa dan sumber manusia, membantu kerajaan membuat keputusan dengan cepat dan tepat serta seterusnya meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kerajaan.

10. Baru-baru ini, YAB Perdana Menteri dalam suatu kenyataannya pada 25 Mac 2019 telah memaklumkan bahawa kerajaan akan memperkenalkan semula system lama yang merangkumi prosedur manual, fail meja dan carta aliran tugas kepada penjawat awam bagi menangani isu karenah birokrasi. Dalam perkara ini, penekanan terhadap kompetensi penjawat awam yang berupaya melaksanakan tugas yang diarahkan dengan merujuk tata cara kerja dan carta aliran tugas yang disediakan akan membantu mengurangkan birokrasi apabila tugas tersebut dapat diselesaikan dengan lebih pantas. Seterusnya, tugas tersebut disemak oleh pegawai dalam hierarki yang lebih tinggi untuk pengesahan dan kelulusan sebelum dimaklumkan kepada pemohon/ orang ramai bagi urusan-urusan yang melibatkan permohonan. Terdahulu, Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 4 Tahun 2018 - myPortfolio: Panduan Kerja Sektor Awam telah diperkenalkan oleh kerajaan sebagai panduan/ rujukan dalam penyediaan dokumen berkaitan prosedur, proses kerja dan tanggungjawab yang lebih teratur di peringkat jabatan dan individu. PKPA ini bertujuan untuk memastikan supaya tidak berlaku

## NO SOALAN: 76

kesilapan dalam pelaksanaan tugas dan seterusnya dapat meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan agensi kerajaan.

11. myPortfolio merupakan penambahbaikan yang telah dibuat daripada Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 8 Tahun 1991 - Panduan Mengenai Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja. Dengan mengambil kira cabaran dan perubahan semasa sama ada di peringkat global mahupun domestik seperti gelombang teknologi digital, ekspektasi rakyat, dominasi golongan millennial dan Revolusi Perindustrian Keempat (IR4), myPortfolio merupakan pendekatan baharu dalam pelaksanaan bidang tugas dan tanggungjawab secara yang lebih komprehensif dan teratur di agensi kerajaan.
  
12. Segala usaha dan langkah-langkah penambahbaikan serta pemantapan penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat sememangnya di sokong dengan penjawat awam yang kompeten, berupaya melaksanakan tugas masing-masing dengan mantap dan berkesan serta mendukung aspirasi-aspirasi dan hasrat kerajaan. Dalam perkara ini, kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah dan sentiasa memberi perhatian terhadap aspek pengurusan sumber manusia melalui kursus-kursus yang dilaksanakan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) antaranya adalah:
  - (a) Advanced Leadership and Management Programme (ALMP);
  - (b) Advanced Leadership Development and Assessment Programme (A-LEAP);

## **NO SOALAN: 76**

- (c) Middle Management Leadership Assessment Programme (M-LEAP);
- (d) Executive Leadership Assessment Programme (E-LEAP);
- (e) INTAN Trainer Development Series; dan
- (f) lain-lain program pembangunan serta kursus bagi meningkatkan prestasi dan skillsets penjawat awam.

Perincian mengenai kursus adalah adalah seperti di LAMPIRAN A. Di samping itu, INTAN melaksanakan beberapa program yang melibatkan peningkatan kemahiran dan pengetahuan dalam tata cara pentadbiran dan pengurusan yang bertujuan menambah kemahiran pegawai awam dalam melaksanakan tugas mereka di jabatan masing-masing. Program-program yang turut dilaksanakan oleh INTAN adalah seperti seminar secara bersiri seperti INTAN Integrity Premier Talk Series yang menyentuh isu-isu tadbir urus dan integriti penjawat awam. Malah, INTAN sentiasa mempertingkatkan dan membuat penambahbaikan berterusan bagi program-program memperkasakan modal insan penjawat awam.

Sekian, terima kasih.

## PROGRAM-PROGRAM INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)

Bil.	Program	Penerangan Program	K														
1.	ALMP	<p><i>Advanced Leadership and Management Programme (ALMP)</i> merupakan kursus mandatori bagi pegawai-pegawai kanan Perkhidmatan Awam yang menyandang Jawatan Utama Sektor Awam Gred C (JUSA C). Program ini dibangunkan berdasarkan pendekatan 'multiple-helix'. Setiap elemen direka bentuk dengan sempurna bagi menghasilkan satu perjalanan pembelajaran yang berkesan. Pendekatan 'multiple-helix' termasuk jemputan luar, aktiviti luar kelas, rangkaian strategik serta penguasaan bahasa inggeris.</p> <p>Bilangan peserta mengikut tahun adalah seperti berikut:</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Tahun</th> <th style="text-align: center;">Bilangan Peserta</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;"><b>2018</b></td> <td style="text-align: center;">180</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"><b>2017</b></td> <td style="text-align: center;">227</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"><b>2016</b></td> <td style="text-align: center;">242</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"><b>2015</b></td> <td style="text-align: center;">177</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"><b>2014</b></td> <td style="text-align: center;">117</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"><b>2013</b></td> <td style="text-align: center;">66</td> </tr> </tbody> </table>	Tahun	Bilangan Peserta	<b>2018</b>	180	<b>2017</b>	227	<b>2016</b>	242	<b>2015</b>	177	<b>2014</b>	117	<b>2013</b>	66	K
Tahun	Bilangan Peserta																
<b>2018</b>	180																
<b>2017</b>	227																
<b>2016</b>	242																
<b>2015</b>	177																
<b>2014</b>	117																
<b>2013</b>	66																
2.	A-LEAP	<p><i>Advanced Leadership Development and Assessment Programme</i> merupakan program Pra-JUSA yang dibangunkan secara khusus untuk Penjawat Awam Gred 54 bagi tujuan mengenal pasti pegawai yang benar-benar kompeten, terutamanya dari segi kualiti kepimpinan, bagi tujuan perancangan pengisian jawatan di Gred Utama C.</p> <p>Bilangan peserta mengikut tahun adalah seperti berikut:</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Tahun</th> <th style="text-align: center;">Bilangan Peserta</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;"><b>2018</b></td> <td style="text-align: center;">215</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"><b>2017</b></td> <td style="text-align: center;">232</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"><b>2016</b></td> <td style="text-align: center;">199</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"><b>2015</b></td> <td style="text-align: center;">239</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"><b>2014</b></td> <td style="text-align: center;">360</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"><b>2013</b></td> <td style="text-align: center;">134</td> </tr> </tbody> </table>	Tahun	Bilangan Peserta	<b>2018</b>	215	<b>2017</b>	232	<b>2016</b>	199	<b>2015</b>	239	<b>2014</b>	360	<b>2013</b>	134	K
Tahun	Bilangan Peserta																
<b>2018</b>	215																
<b>2017</b>	232																
<b>2016</b>	199																
<b>2015</b>	239																
<b>2014</b>	360																
<b>2013</b>	134																
3.	M-LEAP	<p>Kursus <i>Middle Management Leadership Assessment Programme (M-LEAP)</i> merupakan program penilaian yang dibangunkan secara khusus untuk Penjawat Awam dari skim</p>	Pen Perl Diplo dan														

Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred M52 dan Gred 48 (Fast Track) bagi mengenal pasti pegawai-pegawai yang telah memenuhi kriteria dan kompetensi yang telah ditetapkan, terutamanya dari segi kualiti kepimpinan sebagai salah satu usaha pembangunan kompetensi dan perancangan pengisian jawatan di Gred M54. Maklumat pelaksanaan kursus adalah seperti berikut:

Tahun	Bil. Siri	Bil. Peserta
2016	1 - 5	230 (36 <i>Fast Track</i> )
2017	6 - 11	276 (14 <i>Fast Track</i> )
2018	12 - 16	228 (16 <i>Fast Track</i> )
2019	17-18	96 (9 <i>Fast Track</i> )
<b>Jumlah</b>		<b>830</b>

4. E-LEAP

Kursus *Executive Leadership Assessment Programme* (E-LEAP) merupakan program penilaian yang dibangunkan secara khusus untuk Penjawat Awam dari skim Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Gred M48 dan Gred 44 (Fast Track) bagi mengenal pasti pegawai-pegawai yang telah memenuhi kriteria dan kompetensi yang telah ditetapkan, terutamanya dari segi kualiti kepimpinan sebagai salah satu usaha pembangunan kompetensi dan perancangan pengisian jawatan di Gred 52. Maklumat pelaksanaan kursus adalah seperti berikut:

Tahun	Bil. Siri	Bil. Peserta
2017	1 - 6	314 (8 <i>Fast Track</i> )
2018	7 - 11	262 (18 <i>Fast Track</i> )
2019	12	50 (6 <i>Fast Track</i> )
<b>Jumlah</b>		<b>626</b>

Pen  
Peri  
Dipl  
G

5.	INTAN Trainer Development Series	Merupakan program yang direka bagi mengukuh dan memantapkan kompetensi generik <b>tenaga pengajar dalaman INTAN</b> untuk memastikan penyampaian sesi pembelajaran yang berkesan.	Jurulat
6.	<i>INTAN Executive Lecture Series (Integrity)</i>	Siri syarahan dan perkongsian ilmu yang memberi fokus terhadap topik berkaitan integriti dan etika serta pembudayaannya dalam perkhidmatan awam.  Menerusi siri ini, pihak INTAN akan menjemput tokoh-tokoh yang sememangnya terkenal dalam bidang etika dan integriti.	Semua (Keme pegaw univers berkait

**PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI  
OLEH KLUSTER PEMBANGUNAN KEPAKARAN, INTAN**

PROGRAM LATIHAN	TAHUN	
	2017 (bilangan peserta)	2018 (bilangan peserta)
<b>Kursus Dalaman (dilaksanakan di INTAN)</b>		
Train The Trainer	48	43
Learning Needs Analysis	49	48
<b>Kursus Luar (mengikut permintaan agensi/jabatan)</b>		
Train The Trainer	90	55
Learning Needs Analysis	63	70
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>250</b>	<b>216</b>

**NO SOALAN: 77**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Puan Hajah Sabani binti Mat** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah Kementerian sedar perlu ada satu garis panduan mengenai cara pakaian khasnya kepada wanita Islam di sektor swasta dan juga kedai makan, memandangkan Islam sebagai agama persekutuan, oleh itu saya merasakan perlu ada satu garis panduan ke arah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Undang-undang perburuhan sedia ada tidak memperuntukkan klausa yang spesifik berkaitan keperluan menetapkan terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan di dalam suatu kontrak perkhidmatan terutamanya hal-hal berkaitan keagamaan. Keperluan tersebut bergantung kepada mutual understanding antara majikan dan pekerja dalam tanggungjawab mengamalkan hak beragama dan tiada larangan dikenakan kepada pekerja tanpa mengira apa juga agama dan adat resam bangsa yang diamalkan.
2. Cara berpakaian juga adalah hak peribadi, tiada seorang pun perlu ada larangan apa yang perlu dipakai selagi pakaian itu tidak menghalang seorang pekerja menjalankan tugas mereka dengan berkesan. Oleh yang demikian, polisi mana-mana syarikat yang mengenakan larangan perlu diteliti dan perlu lebih fleksibel bagi memastikan keadilan kepada semua pihak yang terlibat terutamanya kepada pekerja wanita Islam yang ingin berpakaian yang ingin patuh syariah.
3. Dalam usaha memastikan majikan sentiasa memelihara keharmonian perusahaan dan tiada amalan bersifat diskriminasi di tempat kerja, Kementerian Sumber Manusia sedang dalam usaha meminda Akta Kerja 1955 (Akta 265) dengan mentakrif diskriminasi dalam kerjaya, pekerjaan dan memasukkan larangan diskriminasi terhadap pekerja sebagai salah satu cadangan pindaan. Kerajaan yakin pindaan Akta 265 ini akan meningkatkan

## **NO SOALAN: 77**

perlindungan dan kebajikan para pekerja seterusnya menambahbaikkan suasana di tempat kerja agar lebih kondusif dan harmoni.

4. Bagi pekerja-pekerja yang berkesatuan, isu-isu mengenai perkara mengenai terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan antara majikan dan ahli-ahli kesatuan boleh dibincangkan dan menetapkan apa juga terma dan syarat yang dipersetujui bersama melalui perundingan dan semakan terhadap Perjanjian Bersama (Collective Agreement) termasuk etika berpakaian di tempat kerja.

5. Walau pun tiada sebarang peruntukan perundangan yang spesifik mengenai larangan terhadap pekerja wanita islam yang ingin menutup aurat, kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) tetap akan menerima aduan-aduan yang dilaporkan. Siasatan lanjut setiap aduan akan dijalankan dan sekiranya aduan tersebut didapati berasas, majikan diminta supaya tidak mengamalkan larangan kepada pekerja wanita beragama Islam yang ingin patuh syariah demi keharmonian perusahaan.

6. Sehubungan dengan itu juga, sekiranya terdapat mengenai isu- isu diskriminasi terhadap pekerja, kesatuan sekerja pekerja atau pekerja tersebut boleh menfailkan kes pertikaian perusahaan di bawah Seksyen 18, Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Dan juga jika terdapat kes-kes yang melibatkan penamatan pekerja oleh majikan berbangkit dari elemen diskriminasi, pekerja juga boleh menfailkan representasi di bawah seksyen 20, akta yang sama bagi pemulihan pekerjaan sekiranya tidakan majikan dianggap tidak adil.

**NO SOALAN: 78**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK NG CHIANG CHIN  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Ng Chiang Chin** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan Kerajaan untuk membina satu juta rumah mampu milik dalam masa sepuluh tahun, apakah rangka masa, kos, pendekatan pembinaan dan peruntukan tanah sebagai tapak pembinaan dan bentuk kerjasama swasta yang bakal dipertimbangkan dalam menyampaikan jumlah rumah mampu milik sebagaimana dijanjikan.

**JAWAPAN**

## NO SOALAN: 78

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Manifesto Pakatan Harapan telah menyatakan hasrat Kerajaan untuk menyediakan 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) dalam tempoh masa, 10 tahun di seluruh negara.
2. Dari segi kos dan pendekatan pembinaan bagi pelaksanaan 1 Juta RMM ini adalah tertakluk kepada entiti penyedia rumah yang terlibat dalam merealisasikan pelaksanaan 1 Juta RMM di mana buat masa ini Kerajaan sedang mengadakan sesi libat urus dengan entiti penyedia rumah untuk mengenalpasti sasaran dan strategi pelaksanaan 1 Juta RMM supaya perancangan pembangunan perumahan awam dan mampu milik dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan terperinci. Lanjutan daripada itu juga, sesi pemurniaan data sedang dilaksanakan dengan entiti penyedia rumah tersebut bagi mengkoordinasi pengumpulan data dengan lebih menyeluruh
3. Kerajaan juga telah menetapkan cadangan awal sasaran pelaksanaan RMM Tahun 2018 hingga 2028 melalui agensi-agensi pelaksana termasuklah pelaksanaan RMM dengan kerjasama pihak swasta seperti berikut :-
  - i) KPKT (546,000 unit);
  - ii) Lain-lain Kementerian (155,788 unit);
  - iii) Kerjaan Negeri (153,212 unit); dan
  - iv) Pihak swasta (145,000 unit).

## NO SOALAN: 78

4. Bagi pelaksanaan RMM yang diselaraskan oleh KPKT yang menggunakan peruntukan pembangunan kerajaan Persekutuan, peruntukan tanah atau kos tanah dicadangkan ditanggung oleh pihak Kerajaan Negeri iaitu melalui penyediaan tanah yang sesuai untuk pembangunan RMM KPKT.
  
5. Mesyuarat Majlis Mampu Milik Negara (MPMMN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri juga telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Pemandu Pemantauan Pelaksanaan 1 Juta Rumah Mampu Milik (2018-2028) yang akan dipengerusikan oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta mewujudkan pangkalan Data Bersepadu Perumahan (*Housing Integrated Data System*) bagi memantau Pelaksanaan 1 Juta Rumah Mampu Milik agar mencapai matlamatnya seperti yang telah dijanjikan oleh kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 79**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN SURESH SINGH A/L RASHPAL**  
**SINGH**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pemegang Kad UNHCR setakat 1 April 2019 yang masih berada di sini dan adakah apa-apa cadangan atau rancangan untuk mengizinkan pemegang kad UNHCR untuk bekerja sementara di bidang-bidang tertentu untuk menampung kehidupan mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (*United Nations High Commissioner For Refugees - UNHCR*) sehingga 28 Februari 2019, terdapat seramai 43,217 pemohon suaka dan 122,126 orang lagi adalah pelarian pemegang kad UNHCR di Malaysia.
2. Malaysia bukanlah Negara Ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Status Pelarian 1967. Oleh yang demikian, Malaysia tidak tertakluk kepada mana-mana peruntukan di dalam kedua-dua instrumen antarabangsa ini khususnya peruntukan mengenai kebenaran bekerja secara sah kepada pelarian dan pemohon suaka di negara ini. Perkara ini telah jelas dinyatakan dalam Arahan MKN No. 23: Mekanisme Pengurusan Pendatang Asing Tanpa Izin Yang Memegang Kad UNHCR. Walau bagaimanapun, pelarian yang memegang kad UNHCR didapati bekerja secara tidak sah dalam sektor tidak formal bagi tujuan sara hidup.
3. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sedang memberikan perhatian serius terhadap isu ini. Oleh yang demikian, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri telah diminta untuk mengkaji dan memperhalusi cadangan membenarkan pelarian dan pemohon suaka bekerja dalam bidang-bidang tertentu yang bersesuaian secara '*case to case basis*'.

**NO SOALAN: 79**

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 80**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN KHAIRUL AZWAN HARUN**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Tuan Khairul Azwan Harun** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah inisiatif My100 berjaya meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dan berapa kos yang telah dibelanjakan untuk perlaksanaan My100.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak dilancarkan pada Disember 2018 sehingga Mac 2019, pengenalan pas MY100 telah memberi manfaat kepada 117,506 pengguna unik. Sebanyak 87,348 pengguna perkhidmatan rel RapidKL telah melanggan pas MY100 pada bulan Mac 2019. Pada masa yang sama, jumlah pengguna perkhidmatan rel RapidKL bagi tempoh Januari ke Februari 2019 telah meningkat sebanyak 9 peratus, iaitu 35,602,076 penumpang tahun ini berbanding 32,550,383 penumpang bagi tempoh sama pada tahun 2018. Ini membuktikan pelaksanaan inisiatif ini telah meningkatkan penggunaan pengangkutan awam di Lembah Klang.

Bagi kos pelaksanaan MY100 pula, jumlah subsidi Kerajaan adalah bergantung kepada berapa ramai pengguna Pas Bulanan yang telah dilaksanakan ini. Bagi setiap 10,000 pengguna MY100, subsidi Kerajaan ialah sebanyak RM 1 juta dan akan mencapai maksimum sebanyak RM 12 juta apabila mencapai 120,000 pengguna MY100. Selepas itu, bagi setiap 10,000 tambahan pengguna, subsidi Kerajaan akan berkurang sebanyak RM 1 juta dan jika bilangan bertambah ke 200,000 pengguna, subsidi Kerajaan hanya sebanyak RM 4 juta sahaja.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 81**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN ASMAK BINTI HUSIN  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Puan Asmak Binti Husin** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) adakah terdapat pangkalan data NGO yang terlibat dengan isu wanita dan keluarga di Malaysia; dan
- (b) apakah bentuk bantuan yang disediakan untuk menyokong NGO-NGO ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

MaNIS merupakan sebuah sistem pangkalan data yang diwujudkan untuk menganalisis data yang dikumpul bertujuan membantu pihak Kementerian merangka program yang berkesan dalam menangani isu sosial yang dihadapi oleh kumpulan sasar di bawah Kementerian. Pangkalan data berkenaan NGO yang terlibat dengan isu-isu wanita dan keluarga serta mana-mana kumpulan sasar di bawah Kementerian boleh diakses oleh orang awam melalui MaNIS yang telah dilancarkan semenjak tahun 2011. Bagi memudahkan carian, senarai NGO dalam MaNIS telah dikategorikan mengikut kumpulan sasar dan lokasi. Sehingga April 2019, sebanyak 560 NGO wanita dan 15 NGO keluarga telah didaftarkan dan disenaraikan dalam MaNIS.

Dalam merealisasikan hasrat untuk mencapai kesaksamaan gender dan pembangunan negara yang seimbang dan lestari serta pembentukan institusi keluarga yang sejahtera, sihat dan resilien, Kementerian sentiasa memberi sokongan dan bekerjasama dengan pihak berkepentingan termasuk NGO.

Tuan Yang di-Pertua,

Justeru, bagi memberikan sokongan terhadap usaha NGO dalam melaksanakan program pembangunan wanita di peringkat akar umbi, Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah

## **NO SOALAN: 81**

memperuntukkan Bantuan Khas Perbendaharaan kepada NGO wanita. Pada tahun 2018, sebanyak 60 buah NGO telah terpilih untuk menerima peruntukan bantuan khas sebanyak RM 1 juta. Peruntukan tersebut diberikan untuk melaksanakan program-program pembangunan wanita mengikut bidang keutamaan seperti latihan dan kemahiran, pembangunan kapasiti, literasi undang-undang, pengurusan emosi, menangani keganasan terhadap wanita dan kepekaan gender. Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara turut telah memperuntukkan sebanyak RM 1 juta kepada NGO pada tahun 2018 untuk melaksanakan program pembangunan keluarga.

Kementerian akan sentiasa mengadakan sesi libat urus secara aktif dengan NGO dari semasa ke semasa untuk berkongsi kepakaran, pengalaman dan bertukar-tukar idea untuk menangani isu-isu berhubung kumpulan sasaran di bawah Kementerian.

**NO SOALAN: 82**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK RABIYAH BINTI ALI  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Rabiyah Binti Ali** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah-langkah yang diambil Kerajaan bagi memastikan kelangsungan lagu-lagu irama Melayu seperti ghazal, senandung, keroncong dan zapin terus di perkasa dalam masyarakat Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini sentiasa melaksanakan pelbagai program seni dan budaya bagi memastikan kelangsungan lagu-lagu irama Melayu seperti ghazal, senandung, keroncong dan zapin terus diperkasa dalam masyarakat Malaysia. Antara langkah penting yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. mencalonkan lebih banyak warisan kebudayaan tidak ketara yang berpotensi di bawah Konvensyen *Intangible Cultural Heritage* UNESCO. Buat masa ini Mak Yong telah mendapat pengiktirafan UNESCO sebagai *Masterpieces of the Oral and intangible Heritage of Humanity* pada tahun 2005 dan Dondang Sayang diiktiraf sebagai *Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity* pada tahun 2018;
2. melaksanakan program-program pencungkilan dan penyerlahan bakat muda berkaitan lagu-lagu irama Malaysia seperti Pertandingan Bintang Asli Remaja Kebangsaan, Bintang Irama Malaysia dan Pertandingan Lagu Keroncong Terbuka Malaysia;
3. menganjurkan program-program yang menyerlahkan lagu-lagu Irama Malaysia kepada masyarakat setempat di program-program anjuran jabatan seperti Konsert Gambus dan Pertandingan Ghazal sempena MySeni Budaya Gambus@Johor, Festival Dondang Sayang Melaka,

## NO SOALAN: 82

Festival Gendang Sarawak, Panggung Seni Tradisional dan Persembahan Kebudayaan Berkala di Pusat Pelancongan Malaysia;

4. Istana Budaya dengan slogan Istana Budaya sebagai pentas bertaraf dunia masih meneruskan usaha untuk mengangkat khazanah seni warisan tradisional melalui pementasan seperti bangsawan “Tun Fatimah”, teater Mak Yong “Raja Besar Maha Gading”, program “*Colors of Malaysia*” serta “Konsert Orkestra Tradisional Malaysia Bersama Bintang”. Program ini memaparkan keunikan nilai-nilai kesenian tradisional yang kian dilupakan yang dipersembahkan dengan gabungan unsur kekaguman pentas dan elemen artistik yang tinggi sejajar dengan kepakaran produksi dan sistem teknologi pentas sedia ada;
5. Kementerian ini melalui Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) menawarkan kursus Ensembel di peringkat Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dan Diploma di Fakulti Muzik yang mana para pelajar akan mendapat pendedahan berkenaan teknik bermain muzik dalam genre tradisional seperti Caklempung, Gamelan, Keroncong, Ghazal, Muzik Melayu, Muzik Makyung, Muzik Wayang Kulit, Paluan Melayu, Paluan Silat dan Dondang Sayang. Di samping itu, ASWARA juga telah melahirkan penggiat seni terkenal seperti Fauziah Suhaili (Gambus) dan Jamilah Abu Bakar (Keroncong);
6. memelihara kesenian muzik tradisional di negeri-negeri dengan membentuk kumpulan pelapis seperti Alu Bunyi (Kumpulan Setia Jaya

## NO SOALAN: 82

Perlis), Muzik Melayu Asli (Irama Nada Pulau Pinang) dan Bongai (Kumpulan Warisan Pusako & Kumpulan Anak Bocek Kuala Pilah);

7. Mengadakan Program 1 IPT 1 Produk seperti ILP Kepala Batas (Boria), Universiti Utara Malaysia (Mek Mulong), Universiti Tun Hussein Onn (Gambus), Universiti Teknikal Melaka (Pantun Dondang Sayang), UiTM Kuala Pilah (Caklempong), UiTM Jerantut (Gendang Pahang), Universiti Sultan Zainal Abidin (Gamelan) dan UiTM Samarahan (Gendang Melayu Sarawak);
8. menerbitkan CD lagu seperti Dondang Rakyat Terengganu, Lagu-Lagu Melayu Sarawak: Tergeleng-geleng, Lagu-Lagu Rakyat Negeri Pahang: Roslan Madun dan *Folks Tunes of Malaysia*; dan
9. menerbitkan buku-buku berkaitan muzik Melayu Asli seperti Dondang Sayang Seni Tradisi Negeri Melaka, Gambus: Sejarah, Instrumentasi & Gaya Permainan di Johor, Joget Lambak dan Koleksi Lagu-Lagu Koir Kebangsaan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 83**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN NGA HOCK CHEH  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Tuan Nga Hock Cheh** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan nisbah kelahiran anak lelaki dan anak perempuan bagi tahun 2013 hingga 2018.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendaftaran kelahiran kanak-kanak yang lahir di Malaysia oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah berdasarkan ketetapan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299). Berdasarkan rekod JPN dari tahun 2013 hingga 2018, kelahiran kanak-kanak yang didaftarkan oleh JPN mengikut jantina adalah seperti mana berikut:-

- i. Kanak-kanak lelaki : 1,635,035 orang; dan
- ii. Kanak-kanak perempuan : 1,528,929 orang.

Dalam hal ini, nisbah pendaftaran kelahiran antara kanak-kanak lelaki dengan kanak-kanak perempuan adalah **1 : 0.9**.

**NO SOALAN: 84**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Ir. Yong Wui Chung** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini projek Lebuhraya Pan Borneo dan adakah ianya akan diteruskan mengikut mekanisme asal ataupun akan dilaksanakan terus oleh Kerajaan negeri menerusi kaedah lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah Fasa 1 dengan anggaran jarak keseluruhan 706 km dibahagikan kepada 35 pakej kerja. Sehingga kini, 12 pakej kerja telah dibuat pelantikan kontraktor bagi tujuan kerja-kerja pembinaan. Walau bagaimanapun, satu kontraktor pakej kerja, iaitu melibatkan laluan dari Tawau ke Semporna telah ditamatkan kontrak disebabkan prestasi kontraktor yang tidak memuaskan. Secara keseluruhan, status kemajuan pembinaan sehingga Januari 2019 bagi pakej kerja yang telah dimulakan adalah 13.43%.

Sepertimana yang pernah dimaklumkan oleh Kementerian Kerja Raya sebelum ini, Kerajaan Persekutuan bersama dengan Kerajaan Negeri Sabah sedang meneliti mekanisme pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah secara keseluruhan. Hasil penelitian tersebut telah dibentangkan untuk pertimbangan Jemaah Menteri pada 5 April 2019. Kementerian Kerja Raya akan membuat pengumuman sewajarnya dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 85**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN**  
**ABDULLAH**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh DBKL kepada penagih-penagih dadah dan gelandangan yang tinggal di bawah jambatan di sekitar 'River of Life'.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) senantiasa bekerjasama dengan Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan beberapa Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk melaksanakan Operasi Gelandangan sekitar Kuala Lumpur termasuk kawasan Projek *River of Life*.

Semua gelandangan yang berjaya dikumpulkan akan melalui proses saringan sebelum dibawa ke Pusat Transit Gelandangan untuk dipulihkan. Bagi gelandangan yang tiada pengenalan diri akan diserahkan kepada JIM manakala gelandangan yang positif dadah akan diserahkan kepada AADK dan PDRM.

Pada tahun 2018, sejumlah 14 siri Operasi Bersepadu telah dilaksanakan dengan 1,250 gelandangan berjaya dikumpul dan diselamatkan.

**NO SOALAN: 85**

<b>Bil.</b>	<b>Bulan</b>	<b>Siri</b>	<b>Gelandangan</b>
1.	Januari 2018	6	555
2.	Februari 2018	5	404
3.	Oktober 2018	2	199
4.	November 2018	1	92
<b>JUMLAH</b>		<b>14</b>	<b>1,250</b>

**NO SOALAN: 86**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah kesan hutang-hutang negara yang lama dan baru terhadap kedudukan kewangan, pengurusan dan pembangunan negara berdasarkan KDNK yang terkini; dan
- (b) berapakah tempoh hutang-hutang tersebut mesti dibayar dan berapakah faedah yang ditanggung.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kedudukan terkini jumlah hutang langsung Kerajaan Persekutuan pada akhir Disember 2018 adalah sebanyak RM741 bilion atau 51.8% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana. Hutang yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan adalah bertujuan bagi membiayai defisit berikutan kekurangan hasil bagi menampung perbelanjaan pembangunan Kerajaan.
2. Instrumen hutang yang diterbitkan oleh Kerajaan mempunyai tempoh matang berjangka pendek (setahun), sederhana (3-7 tahun) dan panjang (10-30 tahun). Sehingga kini, Kerajaan mempunyai profil kematangan sehingga tahun 2049 dengan 56.3% terbitan pada tahun 2018 bertempoh matang panjang melebihi 10 tahun. Pengurusan profil kematangan adalah penting bagi meminimumkan risiko pembiayaan semula hutang.
3. Bagi tahun 2018, jumlah perbelanjaan yang dibuat untuk bayaran khidmat hutang adalah RM30.5 bilion atau 13.2% daripada perbelanjaan mengurus. Kadar faedah bagi kertas hutang Kerajaan Persekutuan adalah rendah. Sebagai contoh, terbitan baharu instrumen penanda aras (benchmark) Sekuriti Kerajaan Malaysia dengan tempoh matang 3 tahun berkadar 3.451%, 5 tahun (3.757%), 10 tahun (4.118%), dan 20 tahun (4.893%).

## **NO SOALAN: 86**

4. Kedudukan hutang ini adalah hasil daripada semua pinjaman yang dibuat pada setiap tahun selagi kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mengalami defisit. Ini termasuk bagi membiayai defisit yang lebih tinggi semasa negara mengalami beberapa siri krisis ekonomi dan kewangan global yang telah berlaku bermula tahun 1998. Belanjawan defisit ini kekal berterusan sewaktu Kerajaan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi pada tahun 2001 – 2003, serta pada tahun 2008, di mana Kerajaan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah kitaran balas atau counter-cyclical measures, termasuk melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi berjumlah RM67 bilion bagi memastikan kestabilan ekonomi. Peningkatan hutang ini juga berterusan apabila negara mengalami kehilangan kutipan hasil berikutan kemerosotan harga minyak dunia sehingga paras terendah USD26 setong pada 2015. Dengan suntikan rangsangan ini, Kerajaan telah berjaya menyelamatkan Malaysia daripada terus terjerumus dalam kemelesetan ekonomi.

5. Pinjaman yang dibuat untuk membiayai perbelanjaan pembangunan adalah perbelanjaan yang produktif yang dapat menyokong pertumbuhan ekonomi dan dapat memanfaatkan rakyat pada masa depan seperti pembinaan sekolah, hospital, jalan raya dan empangan. Selain itu, secara tidak langsung ia memberi manfaat kepada sektor swasta yang melaksanakan pelbagai program dan aktiviti pembangunan negara.

6. Di samping itu, Kerajaan juga mempunyai tanggungan liabiliti lain seperti jaminan yang perlu ditanggung Kerajaan, hutang 1MDB dan liabiliti lain menjadikan kedudukan hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan

## **NO SOALAN: 86**

dianggarkan berjumlah RM1.1 trilion atau sekitar 76% daripada KDNK pada akhir 2018.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, keadaan persekitaran luar yang tidak menentu termasuk konflik perdagangan, harga komoditi yang tidak menentu serta volatiliti pasaran kewangan global memberi kesan kepada ekonomi negara. Namun demikian, asas ekonomi negara yang kekal mapan termasuk pasaran buruh yang stabil dengan guna tenaga penuh; kadar inflasi yang rendah; rizab antarabangsa yang kekal tinggi; dan sistem kewangan yang kukuh akan terus memperkukuh keupayaan ekonomi negara untuk menghadapi kejutan luar dan memastikan pengantaraan kewangan terus berfungsi tanpa gangguan. Di samping itu, struktur perdagangan yang pelbagai dari segi destinasi dan produk serta kadar pertukaran yang fleksibel terus memainkan peranan penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik.

8. Bagi menghadapi sebarang ketidaktentuan ekonomi global, Kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif untuk memastikan ekonomi negara terus kukuh dan berdaya tahan. Langkah ini termasuk mempelbagaikan sumber pendapatan Kerajaan; menyediakan persekitaran kondusif bagi menarik pelaburan asing dan domestik; meningkatkan perdagangan dan produktiviti; mempergiat inovasi dan penggunaan teknologi; serta meningkatkan potensi ekonomi digital demi memacu pertumbuhan masa hadapan.

## **NO SOALAN: 86**

9. Dalam hal ini, Kerajaan perlu memastikan perbelanjaan mengurus sentiasa dibiayai melalui hasil negara serta dapat menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan; mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta memberi penekanan kepada outcome; pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan ditumpukan kepada projek berimpak tinggi yang akan memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang; dan meneruskan dasar semasa Kerajaan dalam mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi, dengan mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah.

10. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh supaya Kerajaan dapat melaksanakan langkah kitaran balas atau counter-cyclical measures sekiranya berlaku krisis ekonomi global. Dalam masa yang sama, Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pembaharuan Cukai bagi menjalankan kajian menyeluruh mengenai sistem percukaian negara termasuk mengenal pasti sumber pendapatan baru. Kerajaan turut akan melaksanakan inisiatif dengan semakan semula dasar percukaian dan memanfaatkan aset.

**NO SOALAN: 87**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah kebersediaan pihak Kerajaan untuk menambah baik peruntukan undang-undang sedia ada bagi mendidik masyarakat agar lebih menghormati sistem raja berperlembagaan di negara ini dan memastikan pengasingan institusi dari sebarang pergolakan politik di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Dalam hal ini, Kerajaan sememangnya mempertahankan kedaulatan Institusi Diraja seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

2. Fasal (1) Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan memberikan jaminan perlindungan terhadap kedaulatan, prerogatif, kuasa dan bidang kuasa Raja-Raja masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga kini. Fasal (2) seterusnya memperuntukkan apa-apa jua prosiding terhadap Raja sesuatu Negeri atas sifat peribadinya hendaklah didengar di Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV Perlembagaan Persekutuan.

3. Jaminan di bawah Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan ini turut diberikan di bawah Fasal (4) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa pada mengenakan sekatan terhadap kebebasan bercakap dan bersuara, Parlimen boleh meluluskan undang-undang untuk melarang apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif Raja-Raja daripada dipersoalkan, melainkan yang berhubungan dengan pelaksanaannya.

4. Institusi Raja-Raja telah wujud dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan Negeri-Negeri di Tanah Melayu sejak sebelum Merdeka lagi.

## **NO SOALAN: 87**

Peranan Raja-Raja telah diambil kira semasa pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang Majlis Raja-Raja ditubuhkan bagi membolehkan DYMM Raja-Raja sentiasa dimaklumkan oleh Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan mengenai polisi atau perkara tertentu yang penting yang menyentuh hal-ehwal Persekutuan serta menjadi forum untuk membincangkan perkara-perkara tersebut secara bersama. Seterusnya semasa pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1957, Suruhanjaya Reid juga telah mengambil kira kedudukan istimewa Raja-Raja Melayu tersebut dan pada masa yang sama, mencadangkan agar sistem Raja Berperlembagaan diperkenalkan di Negara ini.

5. Penubuhan Majlis Raja-Raja adalah termaktub di bawah Perkara 38 dan Jadual Kelima Perlembagaan Persekutuan. Fungsi Majlis Raja-Raja adalah seperti yang dinyatakan di bawah Fasal (2) Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan. Perlindungan kepada Raja-Raja turut diperuntukkan di bawah Fasal (4) Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan bahawa tiada undang-undang yang secara langsung boleh menyentuh keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-Raja boleh diluluskan tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja. Fasal (5) Perkara 38 juga memperuntukkan bahawa Majlis Raja-Raja hendaklah dirundingi sebelum dibuat apa-apa perubahan tentang dasar yang menyentuh tindakan pentadbiran di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

6. Selain daripada fungsi Majlis Raja-Raja seperti yang dinyatakan di atas, Majlis Raja-Raja juga boleh bertindak menurut budi bicara mereka dalam apa-apa prosiding yang berhubungan dengan fungsi seperti yang dinyatakan di bawah Fasal (6) Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan.

## NO SOALAN: 87

7. Selain itu juga, perkiraan mengenai kedudukan istimewa Raja-Raja dan peranan mereka sebagai “*Constitutional Ruler*” telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

- (a) Fasal (1) Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong ialah Ketua Utama Negara bagi Persekutuan yang mempunyai keutamaan dan mengatasi segala orang dalam Persekutuan dan tidak boleh didakwa dalam perbicaraan mana-mana mahkamah sekalipun kecuali dalam Mahkamah Khas.
- (b) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai Ketua Agama Islam bagi Negeri masing-masing dan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam bagi Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.
- (c) Fasal (5) Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa apa-apa pindaan kepada Fasal (4) Perkara 10, apa-apa undang-undang yang diluluskan di bawahnya, peruntukan Bahagian III, Perkara 38, 63(4), 70, 71(1), 72(4), 152, atau 153 atau kepada Fasal (5) Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan tidaklah boleh diluluskan tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja.

## **NO SOALAN: 87**

8. Fasal (1) dan (1A) Perkara 40 Perlembagaan Persekutuan pula memperuntukkan bahawa pada menjalankan fungsinya di bawah Perlembagaan ini atau undang-undang persekutuan, Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri atau nasihat seseorang Menteri yang bertindak di bawah kuasa am Jemaah Menteri, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Perlembagaan Persekutuan.

9. Selain peruntukan-peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan, terdapat peruntukan undang-undang sedia ada yang melindungi kedudukan Raja-raja iaitu seksyen 121, 121A, 121B, 504 dan 505 Kanun Keseksaan (Akta 574), seksyen 4 Akta Hasutan 1948 [Akta 15] dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588].

10. Justeru, Kerajaan berpendapat peruntukan Perlembagaan dan Undang-undang sedia ada telah menjamin kedudukan Raja-raja sebagai Raja Berperlembagaan dihormati. Penumpuan pada masa ini lebih kepada usaha meningkatkan kesedaran rakyat tentang kedudukan dan peranan Raja-raja selaras dengan prinsip Raja Berperlembagaan ini kerana didapati masih ada dalam kalangan rakyat yang terkeliru. Malah, terdapat sesetengah pihak yang secara sengaja mengambil kesempatan ke atas kekeliruan ini demi kepentingan politik dan agenda tertentu mereka. Untuk ini, penguatkuasaan sewajarnya akan ditingkatkan selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 88**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Tuan Kamarudin bin Abdun** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian sedia menyalurkan sejumlah peruntukan untuk Negeri Perlis bagi menaikkan taraf jalan-jalan perumahan, menaik taraf longkang-longkang perumahan bagi mengelak berlakunya bencana banjir, membaik pulih rumah flat yang telah didiami sejak sekian lama untuk diceriakan semula supaya tidak nampak usang dan membaiki taman-taman permainan di taman perumahan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) menyediakan peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan berskala kecil (BP.1) di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara. Projek-projek Pembangunan BP.1 melibatkan skop membina dan menaik taraf infrastruktur, kemudahan awam dan sosio-ekonomi masyarakat setempat seperti jalan raya, longkang, balai raya, gerai dan sebagainya.
2. Sehingga 31 Mac 2019, KPKT telah meluluskan peruntukan berjumlah RM1.07 juta kepada negeri Perlis bagi melaksanakan 5 projek iaitu 4 projek menaik taraf jalan dan 1 projek menaik taraf Dataran Tapak Pasar Malam Arau. Projek ini dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Kangar.
3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, KPKT juga ada menyediakan peruntukan untuk membaik pulih rumah flat melalui program Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM).

## **NO SOALAN: 88**

4. Sehingga kini, tiada permohonan yang diterima oleh KPKT untuk pembaikan rumah flat di Negeri Perlis. Sehubungan itu, pihak *Joint Management Body* (JMB) dan *Management Corporation* (MC) melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) / Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) boleh memohon peruntukan di bawah TPPM bagi tujuan pembaikan di flat-flat yang mengalami masalah dan usang.
  
5. Walau bagaimanapun, kelulusan bagi pembaikan ini adalah tertakluk kepada peruntukan yang diterima oleh KPKT dan mengikut keutamaan kerosakan memandangkan program TPPM ini merupakan program pembaikan flat kos rendah dan kos sederhana rendah swasta di seluruh negara

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 89**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK THEODORE DOUGLAS LIND**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datuk Theodore Douglas Lind** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan ambil untuk mengawal dan membanteras pencerobohan nelayan asing yang sentiasa dengan sewenang-wenangnya menceroboh perairan negara dan mengancam stok bekalan ikan dan makanan laut yang lain.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri memandangkan serius berhubung isu pencerobohan nelayan asing ke perairan negara. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah ditubuhkan pada 15 Februari 2005. Pada 19 Oktober 2018, APMM telah diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk menyelia hal ehwal dasar penguatkuasaan maritim Malaysia.

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sentiasa meningkatkan rondaan dan kawalan terutama di perairan negara yang menjadi lokasi panas berlakunya kes-kes pencerobohan oleh pihak-pihak luar yang tidak bertanggungjawab di perairan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) khususnya perairan Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sentiasa mengambil serius berkenaan isu pencerobohan bot nelayan asing di perairan Malaysia yang mengakibatkan Negara kehilangan hasil laut berbilion ringgit.

Antara usaha dalam menangani masalah pencerobohan nelayan asing di Zon Maritim Malaysia adalah seperti berikut:

- a. Melaksanakan rondaan rutin 24/7 di perairan negara oleh kapal dan bot Maritim Malaysia bagi mengesan kegiatan jenayah maritim dan isu pencerobohan bot nelayan asing (BNA) khususnya dari negara Vietnam dan Thailand;

## NO SOALAN: 89

- b. Pemantauan melalui Sistem Pengawasan Laut (SWASLA). 9 buah radar di Semenanjung Malaysia, 3 buah radar di Sabah dan 2 buah radar mudah alih digunakan bagi mengesan objek yang mencurigakan serta pencerobohan BNA yang akan disalurkan terus ke pusat operasi yang berdekatan supaya tindak balas pantas (*response time*) dapat dilaksanakan. Selain itu, pemasangan radar baru di Pulau Perak dan Pulau Jarak dijangka beroperasi penghujung April 2019;
- c. Pengoperasian dua (2) buah kapal kelas OPV (*Offshore Patrol Vessel*) KM PEKAN dan KM ARAU yang telah dioptimumkan sepenuhnya kerana kemampuannya untuk bertahan dalam tempoh yang lama di perairan Laut China Selatan (*endurance*). Selain itu, pembinaan 3 Kapal Peronda Luar pantai (OPV) dijangka siap pada Ogos 2020 dan ini akan memberi impak positif dalam mengekang aktiviti haram di ZEE termasuk pencerobohan BNA;
- d. Pengawasan melalui aset udara dari semasa ke semasa akan terus dilaksanakan bagi mengesan pencerobohan bot nelayan asing yang memasuki perairan negara; dan
- e. Pemantauan RS3 (*Radar Surveillance, Safety, Security*) oleh pihak Petronas di perairan Sabah Timur. Proses pemasangan dan latihan terhadap sistem RS3 telah pun dilaksanakan. Sistem ini dijangka beroperasi sepenuhnya pada tahun ini. Sistem ini mampu mengesan BNA menggunakan Radar pada jarak 60KM dan pengawasan kamera pada jarak 23 KM. Maklumat lokasi BNA ini akan disalurkan kepada Maritim Malaysia untuk tindakan lanjut.

## **NO SOALAN: 89**

Maritim Malaysia akan sentiasa meningkatkan rondaan dan penguatkuasaan undang-undang terutama di kawasan sempadan perairan negara bagi mengelak aktiviti pencerobohan haram terus berleluasa. Orang ramai diminta menyalurkan sebarang maklumat mengenai aktiviti pencerobohan nelayan asing atau kecemasan melalui talian kecemasan 24 jam MERS 999 dan menyalurkan terus maklumat ke pusat Operasi Maritim dan Zon Maritim yang terdekat.

**NO SOALAN: 90**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN AKNAN EHTOOK  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Tuan Aknan Ehtook** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) apakah kaedah yang digunakan oleh Kerajaan untuk memastikan pengiktirafan Kerajaan ke atas masyarakat Siam sebagai Bumiputera dipatuhi oleh semua pihak; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan pekeliling kepada semua Kementerian, jabatan dan agensi untuk memaklumkan perkara ini agar tidak berlaku takrifan peribadi yang berbeza (mengenai pengiktirafan ini) dalam kalangan penjawat awam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perlembagaan Persekutuan tidak memperuntukkan mengenai status masyarakat Siam. Selain itu, istilah “bumiputera” juga tidak ditakrifkan dalam Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana undang-undang bertulis. Istilah “bumiputera” sering digunakan oleh Kerajaan dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan dan lazimnya istilah “bumiputera” merujuk kepada warganegara Malaysia yang terdiri daripada kategori yang berikut:

- (a) “orang Melayu” sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan; dan
- (b) “anak negeri” Negeri Sabah dan Sarawak sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Fasal (6) Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan, dan berhubung dengan “anak negeri” bagi Negeri Sabah, hendaklah dibaca bersama dengan *Interpretation (Definition of Native) Ordinance Sabah (Cap. 64)*.

2. Perlindungan kepada “orang Melayu” dan “anak negeri” Negeri Sabah dan Sarawak diperuntukkan di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Pada masa yang sama, Kerajaan juga bertanggungjawab untuk melindungi kepentingan sah kaum-kaum lain tertakluk kepada Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

## NO SOALAN: 90

3. Manakala, “orang asli” sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan iaitu “orang asli Semenanjung Tanah Melayu” dan yang ditafsirkan dalam seksyen 3 Akta Orang Asli 1954 [*Akta 134*] turut diambil kira dalam pelaksanaan dasar Kerajaan yang menyentuh bumiputera. Perlindungan kepada “orang asli” adalah selaras dengan peruntukan perenggan (c) Fasal (5) Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

4. Berdasarkan pelaksanaan dasar sedia ada ini, seseorang warganegara Malaysia berketurunan Siam hanya akan diiktiraf sebagai “bumiputera” oleh Kerajaan jika dia memenuhi semua syarat sama ada sebagai “orang Melayu”, “anak negeri” atau “orang asli”.

5. Buat masa ini, tiada peruntukan di bawah Undang-Undang Tubuh atau Enakmen Negeri yang mentakrifkan “orang Melayu”, “anak negeri” atau “orang asli” sebagai termasuklah orang Siam.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 91**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' ZAHARI BIN SARIP  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Dato' Zahari bin Sarip** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah kutipan cukai SST yang diperoleh Kerajaan sejak dilaksanakan dan adakah mencapai sasaran Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang dikutip oleh Kerajaan bagi tempoh 1 September 2018 sehingga 31 Mac 2019 adalah sebanyak **RM12.8 bilion**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM5.43 bilion** telah dikutip bagi tempoh September sehingga Disember 2018 iaitu melepasi sasaran anggaran kutipan sebanyak RM4 bilion, manakala sebanyak **RM7.37 bilion** telah dikutip bagi tempoh Januari sehingga Mac 2019. Untuk tahun 2019, Kerajaan menganggarkan kutipan hasil cukai jualan dan cukai perkhidmatan sebanyak RM22 bilion.

**NO SOALAN: 92**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Dato' Haji Husain Bin Awang** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan bagi mengkanunkan dan melaksanakan undang-undang jenayah syariah di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Wilayah-Wilayah Persekutuan, undang-undang jenayah Syariah telah dikanunkan melalui Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559]. Manakala di negeri-negeri lain, undang-undang kesalahan jenayah Syariah juga telah dikanunkan melalui enakmen atau ordinan kesalahan jenayah Syariah negeri-negeri seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Akta/Enakmen/Ordinan</b>
1	Wilayah-Wilayah Persekutuan	Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559]
2	Johor	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997 (En. 4/97)
3	Kedah	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014 (En. 18/2014)
4	Kelantan	Kanun Jenayah Syariah (II) (1993) (Kelantan) 2015 (En. 13/2015)
5	Melaka	Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 (En. 6/91)
6	Negeri Sembilan	Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 (En. 4/92)
7	Pahang	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013 (En. 11/2013)

## NO SOALAN: 92

8	Pulau Pinang	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 (En 3/96)
9	Perak	Enakmen Jenayah (Syariah) (Perak) 1992 (En. 3/92)
10	Perlis	Enakmen Jenayah dalam Syarak (Perlis) 1991 (En. 4/93)
11	Sabah	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995 (En. 3/95)
12	Sarawak	Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Sarawak) 2001 (Bab 46/2001)
13	Selangor	Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (En. 9/95)
14	Terengganu	<ul style="list-style-type: none"><li>• Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 (En. 7/01)</li><li>• Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud Dan Qisas) Terengganu 2002 (En. 4/02)</li></ul>

Dari sudut pelaksanaan undang-undang jenayah tersebut, tiada kekangan dan halangan untuk melaksanakan Akta 559 di Wilayah-Wilayah Persekutuan dan Akta 559 tersebut telah pun diguna pakai sejak pewartaannya.

Kesimpulannya, bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan, tiada keperluan atau perancangan untuk mengkanunkan undang-undang jenayah Syariah memandangkan ia telah dikanunkan melalui Akta 559. Walau

## **NO SOALAN: 92**

bagaimanapun, Kerajaan komited untuk menambah baik Akta 559 tersebut agar ia sentiasa sesuai dan relevan dengan keadaan semasa dan boleh membawa rahmat kepada semua pihak yang berkenaan tanpa menjejaskan prinsip-prinsip keadilan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 93**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD  
SALLEH  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Puan Nuridah binti Mohd Salleh** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik kawasan tumpuan gelandangan dan jelaskan berapa rumah transit yang disediakan untuk gelandangan serta adakah semua berdaftar di bawah Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah dan sentiasa mengambil inisiatif bagi membantu membina kehidupan golongan gelandangan supaya mereka memperoleh ruang dan peluang untuk kehidupan yang lebih baik. Pelbagai pendekatan telah dilaksanakan dalam isu gelandangan melalui kerjasama Kementerian, Agensi berkaitan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) secara berterusan.

Sehingga kini, Kementerian ini telah menubuhkan lima (5) buah Anjung Singgah iaitu Pusat Rujukan Bantuan Sosial kepada gelandangan yang berpotensi untuk berubah dan Anjung Singgah ditadbir oleh Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKN). Lokasi Anjung Singgah yang telah beroperasi di bandar-bandar utama adalah seperti berikut:

- i. Kuala Lumpur;
- ii. Johor Bahru, Johor;
- iii. Kuching, Sarawak;
- iv. Georgetown, Pulau Pinang; dan
- v. Ipoh, Perak.

Pemilihan lokasi ini berdasarkan kawasan yang menjadi tumpuan gelandangan dan ianya menjadi Pusat Rujukan Bantuan Sosial kepada gelandangan mengikut zon di seluruh negara dengan kapasiti 288 buah katil. Perkhidmatan yang disediakan adalah meliputi tempat penginapan sementara, makan minum, program intervensi kaunseling dan motivasi,

## NO SOALAN: 93

pusat rujukan bantuan sosial, padanan pekerjaan melalui kerjasama agensi-agensi Kerajaan serta Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan. Sehingga kini, 7,047 orang gelandangan yang telah mendapatkan perkhidmatan di semua Anjung Singgah di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian juga bekerjasama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam isu gelandangan di Bandaraya Kuala Lumpur melalui penubuhan:

### **1. Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur**

Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur yang mana YKN merupakan koordinator di pusat ini. PTGKL merupakan pusat sehenti (*One Stop Centre*) di mana, hampir kesemua kategori gelandangan warganegara diterima masuk sebagai penghuni. Sehingga kini seramai 2,315 orang gelandangan telah mendaftar di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur.

### **2. Rumah Bimbingan Gelandangan**

Program Rumah Bimbingan Gelandangan pula disediakan secara sewaan kepada gelandangan yang telah selesai program intervensi di Anjung Singgah dan telah mendapat pekerjaan. Program ini melibatkan 20 unit rumah di Perumahan Awam Seri Negeri Sembilan dan Perumahan Awam Seri Selangor. Kadar sewa bagi seorang penghuni Rumah Bimbingan Gelandangan adalah RM1 sehari dan unit berkenaan boleh memuatkan seramai 4 orang

## NO SOALAN: 93

penghuni. Seramai 53 orang gelandangan telah menyewa di perumahan awam tersebut.

### 3. Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tuanku

Pusat ini telah disediakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk dijadikan tempat agihan makanan tengah hari dan makan malam yang dilaksanakan secara berjadual oleh pihak NGO. Selain agihan makanan, aktiviti lain yang turut dijalankan adalah agihan barangan keperluan, pemeriksaan kesihatan, aktiviti *Free Market*, aktiviti kerohanian dan sambutan hari perayaan. Pusat ini tidak menyediakan penginapan kepada gelandangan dan tertumpu kepada aktiviti harian sahaja.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa menyelaras pelbagai inisiatif dan program yang dilaksanakan di rumah transit yang disediakan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, buat masa ini tumpuan diberikan di Bandaraya Kuala Lumpur yang menjadi tumpuan gelandangan melalui pendekatan bersama Kementerian ini dan KWP serta DBKL. Empat (4) inisiatif membantu gelandangan telah diwujudkan iaitu Anjung Singgah, Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur, Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tuanku dan Rumah Bimbingan Gelandangan Kuala Lumpur dalam membantu golongan ini diintegrasikan semula ke dalam masyarakat.

**NO SOALAN: 94**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATIN RAHIMAH BINTI HAJI**  
**MAHAMAD**  
**TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Datin Rahimah Binti Haji Mahamad** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah Pegawai Wanita yang menganggotai ketiga-tiga perkhidmatan ATM serta apakah komitmen ATM dalam memperkasakan kuota yang lebih signifikan bagi wanita dalam Pengurusan Tertinggi dalam TDM, TLDM dan TUDM.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) merupakan satu organisasi yang memerlukan calon-calon yang mempunyai semangat yang waja dan kental di samping memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan. Dasar ATM semasa telah menetapkan penyertaan wanita dalam ATM sebanyak 10 peratus dari jumlah keseluruhan perjawatan. Penugasan penempatan wanita dalam ATM adalah di unit-unit bantuan tempur dan bantuan perkhidmatan yang berlandaskan kepada limitasi-limitasi perjawatan yang bersesuaian. Mereka tidak akan ditempatkan di unit-unit tempur dan tugas operasi di barisan hadapan.

Sehingga kini pencapaian peratusan kekuatan keseluruhan keanggotaan wanita ATM dalam perkhidmatan ATM adalah sebanyak 7.78 peratus. Pecahan peratus kekuatan Pegawai Wanita berbanding dengan kekuatan keseluruhan pegawai ATM adalah sebanyak 13.21 peratus manakala bagi askar lasykar wanita pula adalah sebanyak 7.14 peratus berbanding kekuatan keseluruhan askar lasykar ATM.

Pucuk kepimpinan tertinggi ATM sentiasa komited dalam memperkasakan peranan wanita dalam ATM, khidmat bakti dan sumbangan anggota wanita ATM sememangnya diiktiraf serta dihargai. ATM juga beriltizam untuk sentiasa meninggikan peranan dan martabat wanita di dalam ATM. Peluang kenaikan pangkat dan laluan kerjaya adalah selari (*parallel*) untuk anggota lelaki dan wanita. Ini telah dibuktikan dengan

## **NO SOALAN: 94**

memberi peluang kepada Pegawai Wanita untuk menjawat jawatan tertinggi dan mampu bertindak sebagai pembuat keputusan serta boleh berkhidmat dalam dan luar negara.

**NO SOALAN: 95**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Tuan Kamarudin bin Abdun** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status peruntukan projek yang telah disalurkan untuk Negeri Perlis di bawah Kementerian seperti membaiki rumah, menaikkan taraf jalan kampung, menaikkan taraf longkang kampung-kampung, lampu-lampu jalan kampung.

**JAWAPAN**

## **NO SOALAN: 95**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sepanjang Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dari tahun 2016 sehingga 2019, Negeri Perlis menerima peruntukan sebanyak RM100.2 juta di bawah Kementerian ini bagi pelaksanaan pelbagai projek pembangunan luar bandar. Bagi tahun 2020, Kementerian telah memohon peruntukan sejumlah RM35.1 juta bagi pelaksanaan sebanyak 18 program/ projek di Negeri Perlis.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM61.61 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan projek infrastruktur dan utiliti seperti Program Bantuan Rumah (PBR), Jalan Luar Bandar (JALB), Jalan Perhubungan Desa (JPD) dan Program Ameniti Sosial (PAMS). Pecahan program/ projek adalah seperti berikut:

**NO SOALAN: 95**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Projek /Program</b>	<b>Kategori Projek</b>	<b>Peruntukan Tahun 2016 - 2020 (RM juta)</b>	<b>Kos Keseluruhan Projek (RM juta)</b>
1	Program Bantuan Rumah (PBR) – Bina Baru	Sambungan	4.63	5.09
2	Program Bantuan Rumah (PBR) – Baik Pulih	Sambungan	6.48	6.48
3	Jalan Luar Bandar (JALB)	Sambungan	27.40	108.00
4	Jalan Perhubungan Desa (JPD)	Sambungan	14.85	14.85
5	Program Ameniti Sosial (PAMS)	Sambungan	8.25	10.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			61.61	144.42

**NO SOALAN: 96**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ALAN LING SIE KIONG  
TARIKH : 24 APRIL 2019**

**Tuan Alan Ling Sie Kiong** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramai anggota RELA yang dianugerahkan gelaran pangkat kehormat di seluruh Malaysia mengikut pecahan negeri dan apakah kriteria untuk seseorang itu layak dianugerahkan gelaran pangkat kehormat.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Sejak pengenalannya pada tahun 2006, seramai 4,603 orang telah dianugerahkan pangkat Kehormat dan Bersekutu RELA Malaysia. Walau bagaimanapun, pada ketika ini hanya terdapat seramai 2,919 Ahli Kehormat dan Bersekutu RELA yang masih aktif status pelantikan mereka. Tempoh pelantikan bagi pangkat-pangkat tersebut adalah selama empat (4) tahun. Penerima-penerima pangkat termasuklah pemimpin di peringkat negeri dan setempat, ahli perniagaan, pegawai kerajaan, ahli profesional, penggiat seni dan pemimpin badan-badan bukan kerajaan. Statistik ahli Kehormat dan Bersekutu RELA Malaysia mengikut negeri adalah seperti jadual berikut:

BIL	NEGERI / LOKASI	KEHORMAT	BERSEKUTU	JUMLAH	STATUS LANTIKAN		JUMLAH
					TAMAT	AKTIF	
1	Perlis	28	214	242	52	190	242
2	Kedah	25	430	455	108	347	455
3	Pulau Pinang	95	186	281	93	188	281
4	Perak	85	264	349	89	260	349
5	Selangor	162	434	596	237	359	596
6	Kuala Lumpur	428	460	888	465	423	888
7	N. Sembilan	35	132	167	35	132	167
8	Melaka	41	136	177	47	130	177
9	Johor	177	326	503	248	255	503
10	Pahang	25	109	134	17	117	134
11	Terengganu	14	122	136	40	96	136
12	Kelantan	34	143	177	37	140	177
13	Sabah	111	144	255	120	135	255

## NO SOALAN: 96

14	Sarawak	88	155	243	96	147	243
<b>JUMLAH</b>		<b>1,348</b>	<b>3,255</b>	<b>4,603</b>	<b>1,684</b>	<b>2,919</b>	<b>4,603</b>

Penganugerahan pangkat Kehormat RELA adalah sebagai mengiktiraf sumbangan individu-individu yang banyak menyumbang ke arah aktiviti-aktiviti kesukarelawanan di peringkat kebangsaan. Manakala penganugerahan pangkat Bersekutu RELA pula bagi mengiktiraf individu-individu yang berupaya membantu peningkatan keupayaan RELA daripada segi idea, tenaga, khidmat nasihat, material dan lain-lain lagi di peringkat masyarakat setempat, daerah atau negeri. Penganugerahan pangkat ini adalah di bawah kuasa Menteri Dalam Negeri sebagaimana yang termaktub di bawah Seksyen 23, Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012.

Syarat-syarat atau kriteria pelantikan ahli Kehormat dan Bersekutu adalah seperti berikut:

1. Sumbangan yang telah diberikan kepada Negara dan Jabatan;
2. Aktif dalam program yang dianjurkan oleh Jabatan; dan
3. Lulus tapisan keselamatan daripada Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan Jabatan Pendaftaran Negara.